



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
INSTITUT AMINUDDIN BAKI

# KOMPILASI AMALAN TERBAIK

KEPIMPINAN  
PENGURUSAN  
PENDIDIKAN

2024





KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
INSTITUT AMINUDDIN BAKI

# KOMPILASI AMALAN TERBAIK

KEPIMPINAN PENGURUSAN  
PENDIDIKAN

2024

KETUA EDITOR

HAJAH NOOR ASHIKIN BINTI HAJI SHAHROM KB.PA





Diterbitkan oleh:

Institut Aminuddin Baki Cawangan  
Utara

Kementerian Pendidikan Malaysia  
Jalan Ilmu, Jitra

**06000 JITRA**

Tel:04-9147000

<http://iab.moe.edu.my>

e-mel:iab@iab.edu.my

Urusan Penerbitan oleh:

Jabatan Penerbitan dan Dokumentasi  
Pusat Dokumentasi dan Sumber Pendidikan  
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Jalan Ilmu, Bandar Darulaman,

**06000 JITRA**

©Hak Cipta Institut Aminuddin Baki 2024

Cetakan Pertama 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah, Institut Aminuddin Baki terlebih dahulu.

**ISBN: 978-967-13573-8-5**



### **Data Pengkatalogan**

#### **KETUA EDITOR**

Hajah Noor Ashikin Shahrom KB.PA

#### **Pengurus Penerbitan**

En Zuraidi Bin Che Ya

#### **Reka Bentuk dan Reka Letak Halaman**

Hajah Noor Ashikin Shahrom KB.PA

# Kandungan

Kata Alu-Aluan	iii
Kata Pengantar	iv
Dari Meja Ketua Editor	v
Sidang Editor	vi
Senarai Penulis Laporan	vii
Konsep Pendokumentasian Kompilasi	ix

## **BIDANG KURIKULUM**

### **Projek 1**

<b>KARNIVAL MEGA PROBANK PERINGKAT KEBANGSAAN</b>	
LAMPIRAN	9

### **Projek 2**

<b>FROM ZERO 2 HERO</b>	11
<b>(PEMANTAPAN AMALAN ICT WARGA SKKB)</b>	
LAMPIRAN	18

### **Projek 3**

<b>PROJEK RoBoAir MEMBANTU MENINGKATKAN KEFAHAMAN KONSEP</b>	20
<b>MOMENTUM DALAM KALANGAN MURID 4 SAINS</b>	
LAMPIRAN	30

## **BIDANG HAL EHWAL MURID**

### **Projek 4**

<b>KEPIMPINAN PENGETUA DALAM MEMPERKASAKAN PROGRAM</b>	31
<b>KEMASYARAKATAN</b>	
LAMPIRAN	39

## **Projek 5**

### **PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK DI SMK BATU MAUNG**

**SMART TAG** 42

LAMPIRAN 57

## **Projek 6**

### **SAHSIAH MULIA ASPIRASI RUTIN TERPUJI**

**SMART** 61

LAMPIRAN 71

## **Projek 7**

### **AMALAN TERBAIK PENGURUSAN KEMARAHAHAN MENGGUNAKAN**

**BEG EMOSI DALAM SESI KAUNSELING** 77

LAMPIRAN 86

## **Projek 8**

### **PROGRAM MOCK INTERVIEW**

**DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA (MRSM)** 88

LAMPIRAN 95

## **BIDANG KOKURIKULUM**

## **Projek 9**

**1 HARI BERSAMA KELAB PENCEGAHAN JENAYAH** 102

LAMPIRAN 113

## **Projek 10**

### **MEMERHATI BURUNG SEBAGAI AKTIVITI PENDIDIKAN LUAR DI PUSAT KOKURIKULUM NEGERI TERENGGANU**

120

LAMPIRAN 132

Sekalung Budi Seindah Kenangan 136

Penerbitan Lepas 137

# Kata Alu-Aluan



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia MADANI

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Kepimpinan HEM dan Kaunseling atas kejayaan menerbitkan Kompilasi Amalan Terbaik Kepimpinan Pendidikan 2024. Sekalung penghargaan juga saya sampaikan kepada Dr. Cham Nian a/l Song selaku Ketua Jabatan serta Hajah Noor Ashikin binti Haji Shahrom selaku Ketua Editor, atas usaha gigih dan dedikasi dalam merealisasikan penerbitan yang amat bermakna ini. Adalah menjadi harapan saya dan pihak pengurusan agar buku ini dapat dijadikan rujukan utama oleh para pemimpin sekolah dalam melaksanakan dan memperkukuh amalan kepimpinan pendidikan.

Dalam usaha mencapai kecemerlangan sekolah, penglibatan pihak luar seperti PIBG, KSIB, ibu bapa, alumni, komuniti, agensi, dan rakan strategik memainkan peranan yang sangat penting.

Penglibatan ini bukan sahaja menyokong pelaksanaan program dan inisiatif sekolah, tetapi juga memperkukuh jalinan kerjasama yang erat antara sekolah dan komuniti. Lebih-lebih lagi, penerbitan kompilasi amalan terbaik ini juga selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, yang menekankan nilai-nilai keterangkuman, keseimbangan, dan kolaborasi dalam membina masyarakat yang berdaya saing dan sejahtera. Saya percaya bahawa dokumentasi ini akan menjadi landasan penting dalam memupuk budaya kepimpinan yang berintegriti dan berwawasan, sejajar dengan nilai-nilai Malaysia MADANI yang mengutamakan kesejahteraan, ilmu, dan akhlak mulia.

Penghargaan turut saya rakamkan kepada semua penulis laporan yang telah memberikan komitmen tinggi dalam menghasilkan penulisan amalan projek sekolah yang melibatkan kepimpinan pengurusan pendidikan. Hasil kerja keras anda semua adalah sumbangan yang sangat berharga dalam memperkaya khazanah ilmu kepimpinan pendidikan di negara kita.

Akhir kata, saya mengucapkan selamat maju jaya kepada semua pihak yang terlibat. Semoga buku kompilasi ini memberi manfaat yang besar kepada para pemimpin sekolah dan mendapat keberkatan serta rahmat daripada Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

**Haji Faudzi Bin Saad**

Pengarah Cawangan

Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Kementerian Pendidikan Malaysia

# Kata Pengantar

Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI,

Buku Kompilasi Amalan Terbaik Kepimpinan Pendidikan 2024 ini merupakan himpunan projek amalan terbaik daripada sembilan buah sekolah di seluruh Malaysia yang melibatkan sepuluh projek. Antara penulis yang terlibat ialah Pengetua Maktab Rendah Sains MARA ATM (Bera, Pahang), SMK Paya Kemuning (Kedah), SK Kampong Belukar (Naka Kedah), SK Kem Lapangan Terbang (Sungai Petani), SIP+ PPD KMY, SK Seri Bemban (Melaka), SK (P) Methodist 2 (Melaka), Jabatan Perkhidmatan Awam, IPG Kampus Pendidikan Teknik (Bandar Enstek), SMK Batu Maung, SK Merbok (Pusat) Merbok), SK Seri Pinang (Sungai Petani), Kaunselor Maktab Rendah Sains MARA ATM (Bera, Pahang) dan Unit Pusat Kokurikulum, Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu. Kompilasi ini disusun dengan maksud untuk dijadikan contoh bagi pelaksana kegiatan di sekolah secara baik dan mengikuti kaedah penulisan yang ilmiah untuk rujukan warga pendidikan.



Semoga dengan adanya buku Kompilasi Amalan Terbaik Kepimpinan Pendidikan 2024 ini dapat bermanfaat bagi para pemimpin dan warga pendidikan dalam menerajui sekolah, meningkatkan jumlah projek dan amalan terbaik yang berdaya saing dan dengan sendirinya berdampak pada peningkatan kualiti pendidikan dan kemenjadian murid khususnya.

Terima kasih kepada semua penulis dan juga pemimpin sekolah yang terlibat dalam merealisasikan Kompilasi Amalan Terbaik Kepimpinan Pendidikan 2024. Diharapkan penulisan ini membantu pemimpin sekolah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kepimpinan pengurusan pendidikan, salah satu daripada Standard Kompetensi Kepengetuaan Sekolah Malaysia (SKKSM, 2006). Semoga ianya dapat diteruskan dalam membangunkan pemimpin pendidikan seluruhnya. Selamat membaca.

**Dr Cham Nian a/l Song**

Ketua Jabatan

Jabatan Kepimpinan HEM Dan Kaunseling

Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

# Dari Meja Ketua Editor



Assalamualaikum                      Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Malaysia  
MADANI

Segala puji dan syukur kita panjatkan ke hadirat Allah SWT atas limpahan rahmat dan hidayah-Nya. Selawat serta salam kita sampaikan kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga baginda, sahabat-sahabat baginda, serta semua pengikutnya yang setia hingga akhir zaman.

Penerbitan buku Kompilasi Amalan Terbaik Kepimpinan Pendidikan Tahun 2024 ini merupakan suatu usaha penting dalam merealisasikan anjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu setiap projek yang dimuatkan di dalam buku ini bertujuan untuk menjadi rujukan serta pencetus idea kepada kepimpinan pendidikan sekolah dalam melaksanakan projek-projek yang menekankan kolaborasi pintar antara sekolah dan pihak luar.

Diharapkan buku Kompilasi Amalan Terbaik Kepimpinan Pendidikan ini dapat membantu para pemimpin pendidikan menjadi lebih proaktif, kreatif, dan inovatif dalam usaha memajukan sekolah masing-masing. Selain itu, diharapkan juga buku ini memberikan impak positif terhadap kemenjadian murid dan kelestarian sekolah. Di samping itu, penerbitan kompilasi ini turut selari dengan aspirasi Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh Kerajaan, yang menekankan kepada pembinaan masyarakat yang seimbang dan menyeluruh dalam aspek kerohanian, intelektual, dan sosioekonomi. Dalam konteks tujuh teras pendidikan yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menjadi asas kepada pembinaan generasi muda yang berkualiti dan berdaya saing. Teras-teras ini merangkumi aspek kecemerlangan akademik, pembentukan sahsiah, kepimpinan, kemahiran komunikasi, penglibatan komuniti, kreativiti dan inovasi, serta kelestarian alam sekitar.

Akhir kata, pihak editor mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pengetua, guru besar, penolong kanan, ketua panitia, dan guru-guru yang telah berusaha gigih dalam menyumbang penulisan laporan projek amalan terbaik ini. Semoga buku ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan yang berguna kepada semua yang terlibat dalam dunia pendidikan.

**Hajah Noor Ashikin binti Haji Shahrom, KB.PA.**

Ketua Editor /Penyelaras

Pensyarah Kanan/ Kaunselor

Jabatan Kepimpinan HEM Dan Kaunseling

# Jawatankuasa Penerbitan

## **PENAUNG**

YBrs. Encik Ab Aziz Bin Mamat  
Pengarah  
Institut Aminuddin Baki  
Kementerian Pendidikan  
Malaysia

Dr. Hajah Shariffah Sebran Jamila Bin Syed Iman Pasukanbalan  
Pengarah Kanan (Kluster Khidmat Profesional)  
Institut Aminuddin Baki  
Kementerian Pendidikan Malaysia

## **PENASIHAT**

Tn. Haji Faudzi Bin Saad  
Pengarah Cawangan  
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

Dr Cham Nian a/l Song  
Jabatan Kepimpinan HEM dan Kaunseling  
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

En Zuraidi Bin Che Ya  
Ketua Jabatan Dokumentasi Dan Penerbitan  
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

## **KETUA EDITOR**

Puan Hajah Noor Ashikin binti Hj Shahrom KB.PA.  
Jabatan Kepimpinan HEM dan Kaunseling  
Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara

## **SIDANG EDITOR**

Dr. Noor Hashimah Binti Hashim  
Dr. Rozita Binti Abdullah  
En. Muhamad Syukarmi Zakaria

## **REKAAN GRAFIK**

Puan Hajah Noor Ashikin binti Haji Shahrom  
KB.PA.

# Senarai Penulis Laporan

TAJUK	PENULIS	ORGANISASI
<b>KEPIMPINAN PENGETUA DALAM MEMPERKASAKAN PROGRAM KEMASYARAKATAN</b>	MoHd Nizar bin Idris Mohd Hanafi Salim Sharifah Fapasukanah bt Syed Mahusin	MRSM ATM Bera, Jalan MARA, Mukim Triang, 28300 Bera, Pahang. infomrsm@bera.mrsm.edu.my. Telefon: 09-5220375.
<b>FROM ZERO 2 HERO ( PEMANTAPAN AMALAN ICT WARGA SKKB)</b>	Shamsul Bin Yahaya	Sekolah Kebangsaan Kampong Belukar,06350 Naka Kedah Telefon: 04-7851125 · 06-5294484 · KBA7013@moe.edu.my
<b>PROJEK RoBoAir MEMBANTU MENINGKATKAN KEFAHAMAN KONSEP MOMENTUM DALAM KALANGAN MURID 4 SAINS</b>	Khairunnisah Binti Zulkifli	SMK Paya Kemunting, Jitra, Kedah smkpk.ppdkp@gmail.com. Telefon: 049174753. 049178924.
<b>KARNIVAL MEGA PROBANK PERINGKAT KEBANGSAAN</b>	Hayati Binti Yusoff Safura binti Zakaria Shahlela binti Harun Salmi binti Hashim Ahmidin Aziz bin Ahamad	Sekolah Kebangsaan Kem Lapangan Terbang, Sungai Petani 08000 skklit.ppdkmy@gmail.com. Telefon: 044219770. 044219770.  Ahmad Akibi bin Abdullah @ Hussain SIP+ PPD KMY
<b>AMALAN TERBAIK PENGURUSAN KEMARAHAHAN MENGUNAKAN BEG EMOSI DALAM SESI KAUNSELING</b>	Rosliza Johari, Dr. Gooh Mo Lee, Dr. Linda bt Jamaluddin, Dr. Noor Haslinda Shuib,	SK Seri Bemban, Melaka Telefon:, 065217834 ; FAX, 065217834. SK (P) Methodist, 2 Melaka Jabatan Perkhidmatan Awam IPG Kampus Pendidikan Teknik Bandar Enstek
<b>PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK DI SMK BATU MAUNG SMART TAG</b>	En. Mohd Nafir Bin Adam Sahib Pn. Rusiah Binti Sa'Ad En. Mohd Asri Syafiq Bin Hashim Pn. Qibtiyah Binti Mohamed Kenapiah Pn Nor Azariah Haron	SMK Batu Maung. Jalan Permatang Damar Laut 11960 Bayan Lepas Pulau Pinang. Telefon, 046266584. FAX, 046265452. e-mail, PEA3035@moe.edu.my.

**SAHSIAH MULIA  
ASPIRASI RUTIN  
TERPUJI  
(SMART)**

Mardiana Binti Abd  
Rahman  
Norizawati Binti Abidin  
Nazriah Binti Mohd Nor  
Fifi Ningrum Binti  
Mohammad Salleh  
Mohamad Zaidi Bin  
Dahalan  
Mohamad Zawadey Bin  
Yusof

SK Merbok (Pusat)  
08400 Merbok,  
Kedah.  
[KBE3011@moe.edu.my](mailto:KBE3011@moe.edu.my)

Telefon, 044573231 ;  
FAX, 044573231

---

**1 HARI BERSAMA  
KELAB PENCEGAHAN  
JENAYAH**

Izwanna Binti Kamarudin  
Salmi Binti Hashim  
Mardiana Binti Abd  
Rahman  
Noor Kamalia binti  
Amauddin  
Mohamad Satir bin Hamid

SK Seri Pinang  
08000 Sungai Petani, Kedah.  
[KBA3029@moe.edu.my](mailto:KBA3029@moe.edu.my)  
SK Kem Lapangan Terbang

SK Merbok (Pusat)

SK Sungai Layar

Penolong Pegawai Pendidikan  
Daerah PPP Hal Ehwal Murid  
PPDKMY

---

**PROGRAM *MOCK*  
*INTERVIEW*  
DI MAKTAB RENDAH  
SAINS MARA (MRSM)**

Siti Roslina Mohammad  
Zain  
Mohamad Zikri Bin Remali

Maktab Rendah Sains MARA  
ATM Bera, Pahang  
roslina@[mara.gov.my](http://mara.gov.my)

MRSM ATM Bera, Jalan MARA,  
Mukim Triang, 28300 Bera,  
Pahang.  
[infomrsm@bera.mrsm.edu.my](mailto:infomrsm@bera.mrsm.edu.my)

---

**PROJEK ALAM SEKITAR**

Hashimi Bin Ismail,  
Penolong Kanan  
Pentadbiran Sekolah  
Kebangsaan Dusun, Kuala  
Berang

Mantan Penolong Pengarah Unit  
Pusat Kokurikulum,  
Sektor Pembangunan Murid,  
Jabatan Pendidikan Negeri  
Terengganu  
Kampung Dusun 21700 Kuala  
Berang Terengganu ;  
Telefon, 096124973 ;  
FAX, 096886085.

---



# Konsep Pendokumentasian Kompilasi

## Tujuan

Dokumen ini bertujuan untuk menyebarkan dan berkongsi amalan terbaik dalam kepimpinan pendidikan dan pengurusan perhubungan sekolah dengan pihak luar. Ia juga bertujuan untuk menjadi bahan rujukan kepada pemimpin sekolah. Perkongsian amalan terbaik ini bertujuan untuk menilai gaya kepimpinan pengetua dan guru besar dalam menyediakan pendidikan abad ke-21.

## Latar Belakang

Ekosistem Pembelajaran Abad Ke-21 telah mengubah konsep pendidikan daripada sistem sekolah tradisional kepada sistem pembelajaran yang lebih luas. Dalam ekosistem ini, pembelajaran boleh berlaku di mana-mana dan pada bila-bila masa, melangkaui kawasan sekolah dan merangkumi rumah serta komuniti. Sekolah harus menyediakan persekitaran kondusif untuk hubungan kerja yang positif antara sekolah dengan ibu bapa dan komuniti. Oleh itu, penglibatan murid dalam pertubuhan dan aktiviti komuniti sangat digalakkan untuk memperoleh pengajaran penting melalui proses tersebut.

Walaupun sektor swasta tidak boleh menggantikan sektor awam, ia boleh menyumbang sebagai tambahan bagi memperbaiki inisiatif awam dan mempercepatkan penyampaian perkhidmatan. Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) yang ketiga, iaitu meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti, menekankan kepentingan kerjasama erat antara sektor awam dan swasta. Ini bertepatan dengan hasrat Gelombang Ke-3 dalam PPPM, yang menekankan peluasan penglibatan ibu bapa dan swasta.

## Asas Pertimbangan

Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara (IABCU) komited untuk menyediakan sesi latihan berkualiti kepada pemimpin sekolah dan melaksanakan lawatan susulan untuk program perhubungan luar seperti CPD PPPM Perhubungan Luar Pemimpin Sekolah (PerLu), Kursus Pembangunan Kompetensi Pemimpin Sekolah: Pelonjakan Profesionalisme Pemimpin Sekolah (PeIPROPS), Program Pelonjakan Kepimpinan Sekolah

(ProPeKS), dan Kursus Immersion PGB Baharu (PRIme).

Hasil daripada sesi-sesi ini menunjukkan bahawa pemimpin sekolah telah mempamerkan kreativiti dalam melaksanakan penambahbaikan melalui kolaborasi dengan pihak luar dan aspek kurikulum, kokurikulum, dan hal ehwal murid. Kejayaan ini telah mencetuskan idea untuk mendokumentasikan amalan-amalan terbaik yang diperoleh daripada pengetahuan, kemahiran, dan pengalaman tersebut.

Matlamat projek ini adalah untuk mendokumentasikan amalan terbaik yang berkesan dalam meningkatkan pengetahuan, kemahiran, nilai profesional pemimpin sekolah, serta pengurusan perhubungan sekolah dengan pihak luar. Dokumentasi ini diharapkan dapat menjadi panduan dan rujukan untuk pemimpin sekolah dalam merancang penambahbaikan melalui usaha kolaboratif dengan pihak luar.

Inisiatif ini selaras dengan teras Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menekankan peningkatan kualiti pendidikan melalui pemerkasaan pemimpin sekolah, serta Malaysia MADANI yang mengutamakan nilai profesionalisme, kreativiti, dan kerjasama dalam membangun modal insan dan institusi pendidikan yang holistik. Dengan mendokumentasikan amalan-amalan terbaik, projek ini bukan sahaja menyokong agenda nasional dalam memperkasa sistem pendidikan, tetapi juga memupuk budaya kecemerlangan dan inovasi dalam kalangan pemimpin sekolah.

### **Amalan Terbaik dalam Kepimpinan Pendidikan**

1. Visi dan Misi yang Jelas: Pemimpin pendidikan perlu mempunyai visi yang jelas untuk masa depan institusi mereka dan mampu menyampaikannya kepada semua pihak berkepentingan. Misi harus relevan dengan keperluan dan aspirasi komuniti pendidikan.
2. Komunikasi yang Berkesan: Memastikan aliran komunikasi terbuka dan jelas antara semua pihak termasuk guru, murid, ibu bapa, dan pihak berkuasa pendidikan. Ini memudahkan pemahaman terhadap keperluan dan cabaran yang dihadapi.
3. Pengambilan Keputusan Berdasarkan Data: Menggunakan data untuk membuat keputusan yang berinformasi dan strategik, termasuk data akademik, maklum balas murid, dan penilaian prestasi.
4. Pembangunan Profesional Berterusan: Menggalakkan dan menyokong pembangunan profesional untuk guru dan staf melalui latihan, kursus, dan peluang pembelajaran sepanjang hayat.

5. Mencipta Persekitaran Pembelajaran Positif: Memastikan suasana sekolah adalah selamat, menyokong dan inklusif. Ini termasuk menangani isu disiplin secara konstruktif dan memastikan semua murid merasa dihargai.
6. Penglibatan Komuniti: Melibatkan ibu bapa dan komuniti dalam proses pendidikan melalui pelbagai aktiviti, pertemuan, dan program kerjasama untuk membina sokongan dan kefahaman terhadap matlamat pendidikan.
7. Pemantauan dan Penilaian Berterusan: Menilai dan memantau keberkesanan program dan strategi, mendapatkan maklum balas, dan membuat penyesuaian berdasarkan hasil penilaian.
8. Penerimaan dan Adaptasi Terhadap Perubahan: Menyesuaikan diri dengan perubahan dalam kurikulum, teknologi, dan keperluan murid. Ini termasuk inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran.
9. Kepimpinan Melalui Teladan: Menjadi model teladan dengan menunjukkan sikap, etika kerja, dan komitmen yang diharapkan daripada semua anggota institusi.
10. Pembangunan Kepimpinan dalam Kalangan Staf: Menggalakkan kepimpinan di kalangan guru dan staf dengan memberi mereka tanggungjawab dan peluang untuk memimpin projek atau inisiatif.
11. Fokus kepada Kesejahteraan Murid dan Staf: Memastikan kesejahteraan fizikal, mental, dan emosi murid serta staf diberi perhatian serius dengan menyediakan sokongan yang diperlukan.
12. Menggalakkan Inovasi: Mendorong guru dan staf untuk mencuba pendekatan baru dan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran serta memberi sokongan kepada idea-idea inovatif.

## **Kesimpulan**

Dokumen ini menekankan kepentingan untuk menyebarkan dan berkongsi amalan terbaik dalam kepimpinan pendidikan dan pengurusan perhubungan sekolah dengan pihak luar, dengan tujuan untuk menyediakan bahan rujukan yang berharga bagi pemimpin sekolah. Amalan-amalan terbaik yang dikumpulkan bertujuan untuk meningkatkan gaya kepimpinan pengetua dan guru besar, sejajar dengan tuntutan pendidikan abad ke-21. Dalam konteks Pembelajaran Abad Ke-21, sekolah tidak lagi hanya berperanan sebagai tempat pembelajaran formal tetapi juga sebagai pusat komuniti yang kondusif untuk hubungan kerjasama antara sekolah, ibu bapa,

dan komuniti. Kepimpinan sekolah perlu bijak memanfaatkan kerjasama dengan sektor swasta sebagai tambahan kepada inisiatif awam untuk meningkatkan keberkesanan program pendidikan, selaras dengan hasrat Gelombang Ke-3 PPPM.

Institut Aminuddin Baki Cawangan Utara (IABCU) memainkan peranan penting dalam menyokong pemimpin sekolah melalui pelbagai program latihan dan lawatan susulan, yang menunjukkan bahawa kolaborasi dengan pihak luar dapat membawa kepada penambahbaikan dalam bidang kurikulum, kokurikulum, dan hal ehwal murid. Dokumentasi ini, yang menyenaraikan amalan-amalan terbaik dalam kepimpinan pendidikan, bertujuan untuk menjadi panduan praktikal bagi pemimpin sekolah dalam merancang dan melaksanakan usaha penambahbaikan melalui kolaborasi dengan pihak luar.

Kesimpulannya, inisiatif ini bukan sahaja mendukung teras Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan visi Malaysia MADANI, tetapi juga memperkukuh budaya kecemerlangan dan inovasi dalam kalangan pemimpin sekolah. Dengan mengadopsi amalan-amalan terbaik ini, pemimpin pendidikan dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam membentuk masa depan pendidikan yang inklusif, kreatif, dan responsif terhadap perubahan global.

# BIDANG KURIKULUM



# Projek 1

## KARNIVAL MEGA PROBANK PERINGKAT KEBANGSAAN

**Hayati Binti Yusoff  
Safura binti Zakaria  
Shahlela binti Harun  
Salmi binti Hashim**

**Ahmidin Aziz bin Ahamad**  
Sekolah Kebangsaan Kem Lapangan Terbang

**Ahmad Akibi bin Abdullah @ Hussain**  
SIP+ PPD KMY

**Bidang Fokus:** Kurikulum ( NILAM)

### PENGENALAN PROGRAM

**Karnival NILAM PROBANK** (Program Bacaan NILAM Kelompok) ini adalah satu program yang dianjurkan oleh Pusat Sumber Sekolah dengan kolaboratif bersama dengan panitia subjek teras dan elektif. Ia merupakan satu program yang diolah dengan pendekatan elemen pembelajaran abad ke-21 bagi menarik minat murid-murid SK Kem Lapangan Terbang terhadap mata pelajaran teras dan elektif.

Selain itu juga, program ini diadakan untuk merealisasikan penyerahan bahan bacaan dari pihak ATM kepada Pusat Sumber Sekolah. Pihak sekolah juga berhasrat untuk melancarkan penjenamaan semula dewan sekolah SK Kem Lapangan Terbang. Program-program yang dirancang diharap mampu merangsang minat dan pemikiran murid-murid dan seterusnya dapat melahirkan murid yang berketerampilan, kreatif dan inovatif juga beradab mulia.

**Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM)** merupakan penggabungan atau adunan semua aktiviti galakan membaca yang dijalankan di sekolah dengan memberi pengiktirafan yang sesuai. Ia merangkumi rancangan membina tabiat membaca secara terancang dan berterusan (**peringkat pengurusan**) dan juga melalui aktiviti-aktiviti galakan

membaca di sekolah (**praktikal**). Mengikut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/1998 bertarikh 22 Mei 1998; Pelaksanaan Program NILAM yang mewajibkan semua sekolah di Malaysia menjalankan Program NILAM. Langkah pemantapan budaya membaca dalam kalangan murid-murid sekolah ini juga diperkukuhkan lagi melalui Pekeliling Ikhtisas Bil.1/2005 bertarikh 12 Mei 2005; memantapkan Budaya Membaca di kalangan murid sekolah.

## LATAR BELAKANG SEKOLAH

Sekolah ini mula dibuka sebagai cawangan Sekolah Kebangsaan Ibrahim pada 1 Januari 1985. Penyeliannya pada masa itu ialah Allahyarham En Md Isa bin Salleh. Bermula hanya dengan Blok A, B dan kantin. Bilangan guru seramai 14 orang dan bilangan murid 300 orang (Tahun 1 hingga 3 sahaja). Murid-murid terdiri daripada anak tentera dan anak orang awam. Berikut merupakan gambar bangunan sekolah yang lama

Bangunan C kemudiannya dibina hasil projek gotong-royong. Bangunan baru sekolah ini telah diserahkan pada bulan Januari 2003 dan mula digunakan pada bulan April 2003. Semua urusan pentadbiran telah dipindahkan ke blok C. Pintu pagar utama sekolah juga telah berpindah kepada pintu yang baru. Kini semua bangunan telah dibaikpulih dan dinaiktaraf. Sekolah berada dalam keadaan yang sangat kondusif. SK Kem Lapangan Terbang diterajui oleh Guru Besar Puan Shahlela binti Harun. Bilangan guru seramai 33 orang dan 3 orang AKP. Manakala bilangan murid ialah 391 orang.

### **Isu yang dikenal pasti dan perlu ditambah baik**

- a) Bacaan NILAM murid belum mencapai purata 50 buah buku bagi setiap orang murid
- b) Murid kurang keyakinan diri dan kurang diberi peluang untuk menyertai aktiviti yang dianjurkan di sekolah dan luar sekolah.

### **Analisis Keperluan Projek**

- a) Bacaan NILAM masih rendah iaitu purata 32 (tahun 2022 ) buku bagi setiap murid.
- b) Penyertaan murid peringkat kebangsaan juga masih rendah.

## OBJEKTIF PROJEK

- a) Meningkatkan purata bacaan NILAM.
- b) Memberi ruang dan peluang kepada para guru dan murid memperkembangkan minda dan pengetahuan dari sudut penggunaan bahan bacaan yang pelbagai.
- c) Melahirkan kemenjadian murid dan sekolah berkualiti melalui program TS25 dan saluran TVPSS SKKLT.
- d) Melibatkan kolaborasi dengan semua panitia bagi memenuhi keperluan dan kehendak Kementerian Pendidikan terhadap kemenjadian murid dari pelbagai bidang.
- e) Untuk memudahkan murid dan guru mengenalpasti jenis-jenis bahan bacaan buku dan bahan bukan buku.
- f) Memberi pendedahan Pendidikan Literasi Maklumat kepada murid.
- g) Bagi menjadikan Dewan Terbuka SK Kem Lapangan Terbang sebagai pusat transit bahan bacaan murid yang kondusif dan menarik.

## INISIATIF PROJEK

Inisiatif Karnival **NILAM PROBANK** bersama panitia adalah seperti berikut :

### a) Proses Membina Hubungan dengan Pihak

1. Memenuhi kriteria pusat sumber sebagai “**one stop centre NILAM**” ke arah matlamat pembelajaran abad ke 21 di Sekolah Kebangsaan Kem Lapangan Terbang berteraskan konsep minimalis dan suasana yang kondusif.
2. Menarik minat dan memudahkan para murid untuk mendapatkan bahan bacaan di persekitaran sekolah.
3. Membantu warga pendidik menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran dengan lebih lengkap, praktikal dan mampu menarik minat murid sekaligus memaksimumkan keberkesanan hasil pembelajaran.
4. Meningkatkan pengetahuan murid dalam pelbagai cabang ilmu dan membuka minda murid bahawa setiap mata pelajaran yang dipelajari adalah fenomena dan

perkara yang berlaku dalam kehidupan seharian kita.

5. Mengasah bakat, potensi dan minda murid melalui penglibatan aktiviti yang dirancang.

## b) Pelaksanaan Projek/Aktiviti

### Pelaksanaan Projek

**TARIKH** :21 Ogos 2023 ( Isnin )

**MASA**:8.00 am – 12.30 pm

**TEMA**: “**ASPIRASI MEMACU TRANSFORMASI PENDIDIKAN**”

**TEMPAT**:Dewan SK Kem Lapangan Terbang

### ATURCARA


BIL	MASA	PERKARA	CATATAN
1	8.00 am	Ketibaan para jemputan	
2	8.20 am	Ketibaan tetamu kehormat	
3	8.25 a.m	Ketibaan Panglima 6 Briged (SSO)	
4	8.30 am	Ketibaan Pegawai Pendidikan Daerah	
5	8.35 am	Nyanyian Lagu Negaraku	
6	8.40 am	Ucapan alu-aluan	
7	8.50 am	Bacaan Doa	
8	8.55 am	Tayangan Mulpasukanedia / Persembahan	
9	9.00 am	Ucapan Guru Besar SK Kem Lapangan Terbang	
10	9.15 am	Ucapan Perasmian	
11	9.30 am	Penyerahan buku	
12	9.45 am	Penyampaian cenderahati / sijil	
13	10.00 am	Jom membaca di bahtera	
14	10.20 am	Lawatan ke Karnival Mega PROBANK (12 reruaik Panitia)	
15	10.45 am	Rehat	
16	11.15 am – 12.15 pm	Aktiviti kembara PROBANK	
17	12.30 pm	Bersurai	

Jadual 1: Reruai Panitia

KARNIVAL MEGA PROBANK PERINGKAT KEBANGSAAN 2023			
BIL	NAMA PANITIA	AKTIVITI	HURAIAN
1	BAHASA MELAYU	JEJAK KATA	-Murid berupaya mengeja dan membaca perkataan -Memperbaiki kosa kata dan mutu bahasa -Memperluaskan perbendaharaan kata
2	BAHASA INGGERIS	TONGUE TWISTER	-Melatih meningkatkan kelancaran dan kefasihan -Murid dapat menyebut perkataan dengan jelas, betul dan pantas -Murid dapat menjawab dalam masa yang telah ditetapkan
3	MATEMATIK	MATE MART	-Murid dapat membuat pengiraan kemahiran asas matematik ( tambah dan tolak ) dengan tepat dan betul
4	SAINS	VALCANO EXPLOSION	-Murid dapat mengetahui tindakbalas asid dan alkali dengan menggunakan model gunung berapi
5	SEJARAH	KENALI MALAYSIA	-Murid dapat mengenali nama negeri yang terdapat di Malaysia -Murid dapat mengetahui lambang dan simbol kebanggaan Malaysia -Menguji pengetahuan murid mengenai peta Malaysia
6	PENDIDIKAN ISLAM	TENG-TENG JAWI	-Murid dapat mengeja perkataan dalam jawi -Murid dapat memahami pelbagai bidang dalam Pendidikan Islam -Melatih murid secara bebas sesame mereka sambil bermain
7	BAHASA ARAB	DAM ULAR	-Murid mengenal perkataan mudah dalam Bahasa Arab -Dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan
8	PENDIDIKAN MUZIK	KARAOKE SANTAI	-Murid dapat menyebut perkataan berdasarkan lirik yang dipamerkan -Murid dapat menguruskan tekanan sambil menyanyi
9	PENDIDIKAN SENI VISUAL	SPIN OF ART	- Murid dapat memadamkan teknik -teknik dalam lukisan
10	PENDIDIKAN MORAL	KUIZ ONLINE	-Menguji tahap kecerdasan dan pengetahuan murid mengenai nilai-nilai murni -Memberi pendedahan kepada murid mengenai penggunaan komputer
11	REKABENTUK DAN TEKNOLOGI	TEKA SIAPA SAYA	-Mengenali pelbagai jenis alatan tangan serta fungsinya
12	PENDIDIKAN JASMANI DAN KESIHATAN	MOTION ADVENTURE	-Murid dapat melakukan pergerakan mengikut arahan di skrin televisyen -Memberi pengalaman baharu kepada murid dalam permainan berbentuk digital

## KEKUATAN PROJEK

- a) Kerjasama baik dengan beberapa sekolah dalam Malaysia.
- b) Kerjasama baik dengan sekolah dalam daerah.
- c) Guru Perpustakaan dan Media yang proaktif.
- d) Barisan pentadbir, guru yang positif, bersemangat dan memberi kerjasama yang padu.
- e) Mempunyai hubungan baik dengan PPD, JPN dan PIBG
- f) Kerjasama dengan pemegang taruh dan agensi luar yang baik seperti Perpustakaan Awam Sungai Petani dan PERNAMA
- g) Mempunyai KRU TV PSS yang efisien.
- h) Murid diberi peluang lebih luas menyertai dan mewakili sekolah dalam pertandingan yang diadakan di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.
- i) Semua Panitia memberikan kerjasama yang sangat baik dan MLT yang aktif.
- j) Frasarana yang sangat baik
- k) Senarai sekolah yang menyertai



Graf 1: Purata Bacaan Nilam 2023

## CABARAN PELAKSANAAN PROJEK

Pihak sekolah dapat menangani cabaran sebelum dan semasa program berlangsung. Namun begitu, dengan perancangan yang teliti dan kepimpinan yang berkesan, sekolah mampu menangani cabaran-cabaran ini. Strategi seperti penilaian awal risiko, perancangan yang rapi, serta penyediaan pelan kontingensi dapat membantu mengurangkan kesan negatif yang mungkin timbul. Penglibatan aktif semua pihak dari peringkat awal juga boleh membantu dalam mengatasi masalah komunikasi dan memastikan penyelarasan yang lebih baik antara semua pihak yang terlibat.

## CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Untuk memastikan keberkesanan dan kelansungan program ini, adalah penting untuk memperluaskan skop penglibatan kepada lebih banyak sekolah dan agensi luar. Dengan memperbanyakkan sekolah yang terlibat, amalan terbaik yang dihasilkan boleh disebarluaskan dan dimanfaatkan oleh lebih ramai pemimpin pendidikan. Ini bukan sahaja akan memperkukuh jaringan kerjasama antara sekolah dan komuniti, tetapi juga meningkatkan peluang untuk perkongsian sumber, idea, dan inovasi yang boleh membawa kepada penambahbaikan yang lebih besar dalam sistem pendidikan.

Selain itu, penglibatan lebih banyak agensi luar, termasuk sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), dan institusi pendidikan tinggi, boleh memberikan dimensi baru kepada program ini. Agensi luar boleh menyumbang dari segi kepakaran, dana, dan sumber lain yang mungkin tidak tersedia di peringkat sekolah. Mereka juga boleh menawarkan perspektif baru yang boleh memperkaya perancangan dan pelaksanaan program.

## KEPIMPINAN GURU BESAR

Dalam merealisasikan **Anak Yang Baik Lagi Cerdik** sekolah menggalas misi dan visi Kementerian Pendidikan Malaysia dengan hasrat yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 bagi melahirkan anak-anak yang mempunyai keteguhan rohani, keterampilan diri, sahsiah terpuji dan kemantapan

jati diri seiring dengan kecemerlangan kognitif dan psikomotor maka melalui KARNIVAL MEGA PROBANK PERINGKAT KEBANGSAAN menjadi serampang dua mata pencapaian hasrat ini. Melalui Karnival tersebut murid berpeluang bukan hanya bagi meningkatkan pencapaian mereka dalam NILAM dan malah berpeluang berinteraksi dengan 12 sekolah terlibat. Aktiviti sepanjang program berlangsung menarik dan bermanfaat.

## KESIMPULAN

Adalah menjadi harapan Pusat Sumber SK Kem Lapangan Terbang merealisasikan impian untuk mewujudkan pusat sehenti yang lengkap dengan pelbagai bahan bacaan dan maklumat daripada semua panitia dengan jayanya. Diharap para guru dan para murid akan dapat menimba ilmu serta menjadikan amalan membaca di mana sahaja sebagai satu budaya yang mulia. Usaha kolaboratif ini telah membuka mata masyarakat setempat yang bukan hanya pihak sekolah yang perlu cakna dengan murid tetapi masyarakat setempat turut mengembleng tenaga memastikan murid-murid cinta buku sepanjang hayat.

## LAMPIRAN

### Pengiktirafan



### Gambar



Perasmian Karnival Mega Probank Peringkat Kebangsaan





Murid berpeluang mengunjungi Reruai Pameran Panitia



Suasana meriah Karnival Meqa Probank Peringkat Kebangsaan



## Projek 2

### FROM ZERO 2 HERO

### ( Pemantapan Amalan ICT Warga SKKB)

**Shamsul Bin Yahaya**

Sekolah Kebangsaan Kampong Belukar, 06350 Naka Kedah

**Bidang Fokus:** Kurikulum ( ICT)

#### PENGENALAN PROJEK

Tidak dapat dinafikan di era naratif baru pendidikan sekarang, kemampuan menguasai ICT adalah satu keperluan bagi semua guru dan menjadi satu kelebihan buat seseorang guru itu jika menguasainya. Saban tahun kita melihat ramai guru yang memohon bersara awal. Di antara punca yang menyebabkan golongan guru yang berpengalaman ini memohon bersara awal adalah tidak mampu menguasai ICT (Rashid, 2022; Ahmad, 2021). Soal selidik yang dijalankan atau dapatan dilakukan telah menunjukkan bahawa kebanyakan guru memohon untuk bersara awal adalah antaranya adalah tidak mampu mengikuti kemajuan ICT dalam era pendidikan sekarang.

ICT dan pendidikan tidak mampu dipisahkan sekarang apatah lagi kita sekarang berada dalam era Revolusi Industri 4.0 apatah lagi jika dilihat dalam Gelombang ke 3 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2021-2025 antaranya telah mengariskan bahawa kementerian berhasrat untuk melaksanakan program dan inovasi ICT bagi kumpulan berkeperluan khusus di seluruh negara untuk meningkatkan standard pembelajaran.

Untuk itu bagi membantu kementerian mencapai sasaran yang telah ditetapkan adalah menjadi tanggungjawab sebagai pemimpin sekolah untuk mengenal pasti apakah lompang-lompang yang boleh bagi seseorang pentadbir itu membantu guru agar tidak tertekan dengan keperluan penguasaan ICT yang memang diakui bahawa jika seseorang guru itu menguasainya akan banyak membantu

mereka menyelesaikan banyak masalah seperti penyimpanan eviden Pentaksiran Bilik Darjah serta juga pengurusan sendiri mereka yang lain.

## LATAR BELAKANG SEKOLAH

Sekolah ini telah dibuka pada tahun 1947 sebagai 'Sekolah Rakyat'. Usaha penubuhannya telah bermula sejak awal tahun 40an lagi oleh Allahyarham Abdullah bin Jaafar, penghulu Mukim Tekai Kiri dengan memohon peruntukan dan tanah daripada Kerajaan Inggeris. Sebuah bangunan kayu berukuran 30 x 20 kaki, beratapkan daun rumbia, berdinginkan buluh dan berlantaikan tanah telah siap dibina secara bergotong royong oleh penduduk kampung pada akhir tahun 1946. Persekolahan bermula pada tahun ini dengan 90 orang murid, diajar oleh dua orang guru iaitu Encik Yahud bin Haji Jasin dan Encik Ahmad bin Yaakob.

Pada tahun 1950, pihak *Rural & Industrial Development Authority* RIDA (MARA) telah bersetuju memperuntukan RM9000.00 untuk membina sebuah bangunan baru (120 x 20 kaki), 4 buah bilik kelas. Pada Jun 1969, kerajaan telah menerima sekolah ini sebagai Sekolah Bantuan Penuh. Guru-guru yang ada dijadikan Guru Sementara Rakyat. Encik Mat Rashid bin Abdul Kadir yang berkelulusan TUOS/SPM dilantik sebagai Pemangku Guru Besar. Pada 1 Januari 1983, sekolah ini dinaikkan taraf ke sekolah Gred B. Jumlah murid ketika itu seramai 406 orang dan guru seramai 17 orang. Pada 30 Jun 1994, sekolah ini dinaikkan taraf ke sekolah gred A.

## ISU ATAU CABARAN

### a) Isu yang dikenal pasti dan perlu ditambahbaik

Pengurusan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) adalah memerlukan kemantapan guru dalam bidang ICT atau sekurang-kurangnya menguasai serba sedikit asasnya.

Kebanyakan guru pulak terutama guru-guru veteran menghadapi masalah dalam penggunaan ICT hingga ia menjadikan salah satu sebab mengapa dan kenapa ramai guru yang memohon bersara awal saban tahun kerana masalah gagal menguasai kemahiran ICT terkini.

Di samping itu juga pihak guru menghadapi masalah bagi menyimpan semua keterangan atau bukti PBD kerana semua bukti murid ini berada dalam simpanan telefon masing-masing tanpa pengurusan yang sewajarnya.

Sehubungan dengan itu dengan program ***From Zero To Hero*** ini akan dapat membantu guru-guru sekolah ini agar dapat meningkatkan kemahiran ICT masing-masing serta dapat memastikan pengurusan eviden PBD masing-masing lebih kemas dan rapi serta mudah diekses oleh pentadbir atau para pegawai pemantau.

### **b) Analisis Keperluan Projek**

Bagi menyokong akan keperluan program ini, maka pihak pentadbir telah menjalankan soal selidik *Teachers Voices* bagi menghimpun data-data penting bagi memudahkan pihak pentadbir menyusun rangka untuk membantu guru-guru yang bermasalah ini.

Soalan-soalan telah diberikan dalam bentuk *Google Form* dalam tempoh waktu yang ditetapkan serta ke semua data-data ini telah dianalisis dalam bentuk *Data Studio* bagi memudahkan pihak pentadbir untuk menganalisis seterusnya merangka program ini agar lebih teratur bagi mencapai sasaran objektif yang telah ditetapkan.

## OBJEKTIF PROJEK

**Bagi objektif program ini yang telah digariskan adalah :**

a) *Spesific* : Guru-guru dapat menyediakan satu pelantar digital masing-masing samada *Mylink* atau *Padlet* bagi memudahkan mereka menyimpan semua eviden PBD mereka masing-masing.

Di samping itu juga membantu sekolah menambah nilai peralatan ICT di dalam sekolah bagi kegunaan sekolah terutama dalam pengurusan sekolah.

b) *Measurable*: kesemua guru dapat menyediakannya secara talian kepada pihak pentadbir sekolah ini memudahkan pihak pentadbir membuat penilaian.

Sasaran pada tahun ini untuk sekurang-kurangnya 4 buah *Personal Computer* (pc) terpakai dapat disalurkan.

- c) *Attainable*: kesemua guru dapat menyediakan satu pelantar sama ada *Mylink* atau *Padlet* yang ringkas mengikut tahap penguasaan diri sendiri.
- d) *Realistic* : Kesemua guru mampu memuat naikan bahan-bahan eviden PBD masing-masing serta pengurusan sendiri lain yang difikirkan bersesuaian.
- e) *Pasukane Frame*: Penetapan masa ditetapkan adalah pada penghujung setiap Latihan Dalam Perkhidmatan (Ladap) yang dijalankan setiap siri guru-guru mampu memperbaiki kemampuan untuk memperbaiki pelantar digital masing-masing ke arah lebih baik.

## INISIATIF PROJEK

### Pelaksanaan Projek/ Aktiviti

- i. Antara aktiviti yang dijalankan adalah dengan mengadakan kerjasama dengan pusat internet desa bagi menyumbang peralatan ICT yang terpakai bagi menambah nilai serta kemudahan ICT di dalam kawasan sekolah seperti di bilik guru, bilik-bilik khas bagi memastikan mereka mudah mendapat akses ICT di mana sahaja di kawasan sekolah.
- ii. Di samping itu pihak pentadbir juga menjalankan Ladap bagi mempertingkatkan kemampuan guru dalam menguasai ICT agar tidak menjadi tekanan kepada mereka atau sekurang-kurangnya meringankan tekanan dengan mempertingkatkan kemampuan mereka dalam menguasai ICT yang ringkas bagi memudahkan pengurusan eviden Pembelajaran Bilik Darjah (PBD) mereka dan lain-lain lagi seperti pengisian secara talian.

## PENCAPAIAN/IMPAK/KEBERKESANAN PROJEK KEPADA SEKOLAH

- i. Keberkesanan daripada program yang dijalankan ini adalah dapat membantu dari segi penyediaan platform digital para guru dalam pengurusan mereka terutama dalam pengurusan eviden PBD sendiri mereka.
- ii. Setiap guru mampu untuk menghasilkan padlet masing-masing serta mampu untuk memuat naik bahan atau eviden pengurusan PBD mereka sendiri tanpa bantuan.

- iii. Beberapa guru mentor dapat dibentuk bagi membantu para guru yang agak perlahan penguasaan ICT mereka.
- iv. Pihak sekolah juga berjaya memperolehi empat buah unit komputer yang siap dinaik taraf bagi penggunaan warga sekolah ini hasil sumbangan Pusat Internet Desa. Ini membantu menambah baik dalam pengurusan sekolah dengan keberadaan lebih banyak pc di dalam sekolah terutama di bilik guru.

## KEKUATAN PROJEK/ AKTIVITI

Kekuatan utama projek ini terletak pada penglibatan aktif pentadbir sekolah sebagai moderator dalam melaksanakan kursus dalaman secara konsisten. Penglibatan ini bukan sahaja memastikan bahawa setiap kursus yang dijalankan mempunyai kesinambungan dan perkaitan, tetapi juga mewujudkan suasana pembelajaran yang selaras dengan objektif sekolah. Dengan pentadbir sekolah mengambil peranan sebagai moderator, ia memastikan bahawa latihan yang diberikan adalah tepat dan sesuai dengan keperluan serta tahap kefahaman para guru dan kakitangan. Ini juga membantu dalam membina kepimpinan instruksional yang kukuh di mana pentadbir dapat mengarahkan dan membimbing perkembangan profesional secara langsung, sambil memantau kemajuan yang dicapai.

Selain itu, kekuatan projek ini juga diperkuat melalui kerjasama erat dengan Pusat Internet Desa, yang memainkan peranan penting dalam mempertingkatkan kualiti infrastruktur ICT di sekolah. Walaupun sekolah menghadapi cabaran dengan peralatan ICT yang lama dan uzur, kerjasama ini berjaya menambah nilai kepada sumber-sumber sedia ada. Pusat Internet Desa telah membantu dalam mengoptimumkan penggunaan peralatan yang ada serta memberikan sokongan teknikal yang diperlukan, membolehkan sekolah memanfaatkan teknologi untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran.

## CABARAN PELAKSANAAN PROJEK/ AKTIVITI

- i. Cabaran yang dihadapi dalam menjalankan projek ini adalah kebanyakan guru peranti yang digunakan adalah agak lama.
- ii. Kebanyakan guru di sini juga adalah kategori 'Remaja Purba' jadi proses membimbing bagi penggunaan ICT yang agak kehadapan agak sukar kerana mereka mengambil masa yang agak lama untuk menguasainya.
- iii. Cabaran bagi mendapat bantuan peralatan ICT adalah kerana pihak sekolah perlu meyakinkan Pusat Internet Desa bahawa sekolah ini memerlukan peralatan ICT yang agak lebih baik bagi membantu pihak guru untuk lebih pantas menguruskan kerja buat mereka seharian.

## KEPIMPINAN PENGETUA/GURU BESAR ATAU KETUA JABATAN

Gaya kepimpinan yang diterapkan adalah gaya kepimpinan demokratik di mana pemimpin dapat mempengaruhi anggota untuk turut serta dalam mencapai matlamat dan terlibat dalam usaha meningkatkan kemampuan ICT ke arah yang lebih baik. Pemimpin juga melibatkan pegawai di bawahnya dalam usaha tersebut. Dalam gaya kepimpinan ini, keputusan dan pendapat anggota diperhatikan dan dipertimbangkan, sehingga tercipta suasana kerjasama dan keterlibatan aktif dari seluruh anggota dalam mencapai tujuan bersama. Ini membantu memperkuat hubungan antara pemimpin dan anggota serta memupuk semangat kerja yang tinggi dalam organisasi.

Dengan menerapkan gaya kepimpinan demokratik, pemimpin memberikan ruang kepada anggota untuk menyumbangkan pendapat dan idea mereka dalam proses pembuatan keputusan. Hal ini memberikan rasa memiliki dan tanggung jawab yang lebih besar kepada anggota, sehingga mereka merasa dihargai dan menyumbang secara aktif dalam mencapai tujuan organisasi. Selain itu, gaya kepimpinan demokratik juga membantu membangun lingkungan kerja yang inklusif dan kolaboratif, di mana setiap anggota merasa didengar dan dihormati. Ini pada gilirannya dapat meningkatkan motivasi dan keterlibatan anggota dalam mencapai keberhasilan bersama.

## CADANGAN PENAMBAHBAIKAN UNTUK MASA AKAN

Bagi cadangan penambahbaikan untuk masa akan datang adalah pihak sekolah bercadang memohon kerjasama dari pihak Unifi atau Telekom Malaysia bagi mendapat sumbangan peralatan yang lebih baik dari apa yang ada sekarang seperti *laptop* atau *pc* terpakai.

Di samping itu juga pihak sekolah bercadang menjalinkan hubungan lebih baik dengan *Top Angel Computer Centre* bagi mengadakan kursus dalaman untuk guru-guru seperti penggunaan *Excell* dan lain-lain.

## KESIMPULAN

Rumusan tentang projek yang telah dilaksanakan menunjukkan peningkatan yang ketara dalam kemahiran penggunaan ICT di kalangan guru-guru, terutamanya dalam menguasai aplikasi-aplikasi baru yang lebih canggih dan moden. Peningkatan ini bukan sahaja memberi manfaat kepada guru-guru dalam melaksanakan pengajaran yang lebih interaktif dan berkesan, tetapi juga memberi impak positif kepada murid-murid. Murid-murid kini lebih mahir dalam menggunakan komputer dan teknologi, melangkaui pembelajaran tradisional yang terhad kepada subjek-subjek tertentu. Dengan pendedahan kepada teknologi terkini, murid-murid tidak lagi hanya bergantung kepada pengajaran di dalam kelas, tetapi mampu meneroka pelbagai sumber pembelajaran yang lebih luas, mempersiapkan mereka dengan kemahiran digital yang penting untuk masa depan. Secara keseluruhannya, projek ini telah berjaya meningkatkan tahap literasi digital dalam kalangan warga sekolah, sekaligus memperkukuh ekosistem pendidikan yang lebih dinamik dan berdaya saing.

## RUJUKAN

- Ahmad, M. (2021). *Kepentingan teknologi maklumat dalam pendidikan: Implikasi terhadap pengajaran dan pembelajaran*.
- Rashid, N. (2022). *Cabaran guru dalam era digital: Kajian kes di sekolah-sekolah menengah*. *Jurnal Pendidikan Digital*, 15(2), 45-60.

## LAMPIRAN

### Lampiran Dapatan Soal Selidik





SOAL SELIDIK PENGURUSAN EVIDENS PBD  
DI KALANGAN WARGA PENDIDIK SKKB  
2023

Record Count  
29.0

9. Adakah anda tahu mengenai Padlet sebelum ini?

10. Adakah anda pernah menggunakannya?





SOAL SELIDIK PENGURUSAN EVIDENS PBD  
DI KALANGAN WARGA PENDIDIK SKKB 2023

Record Count  
29

11. Adakah anda ingin mempelajarinya

12. Harapan anda selepas menjalani kursus penggunaan Padlet ini.



### Ladap Penggunaan Padlet Dikendalikan Oleh Guru Besar



Murid – Murid Yang Berjaya Menerima Sijil Asas Penggunaan Komputer



## Projek 3

# PROJEK RoBoAir MEMBANTU MENINGKATKAN KEFAHAMAN KONSEP MOMENTUM DALAM KALANGAN MURID 4 SAINS

Khairunnisah binti Zulkifli

SMK Paya Kemunting, Jitra, Kedah

**Bidang Fokus:** Kurikulum ( Kajian Tindakan)

### Pengenalan Projek

Projek Kajian kes Fizik dapat meningkatkan keupayaan untuk berfikir secara logik, rasional, kritis dan kreatif melalui proses pemahaman dan pengaplikasian Fizik dalam membuat keputusan dan menyelesaikan masalah. Penerokaan yang dilakukan melalui kajian kes akan mengukuhkan minat dan kecenderungan murid terhadap bidang Fizik. Didapati seramai seramai lapan orang murid tingkatan empat Sains tidak dapat membuat penyelesaian masalah bagi tajuk Momentum dengan baik. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan Projek RoboAir dalam meningkatkan kefahaman murid dalam tajuk Momentum. Metodologi yang digunakan adalah kajian tindakan yang melibatkan pemerhatian, refleksi, perancangan, dan tindakan. Hasil refleksi menunjukkan bahawa murid kurang aktif dan lemah dalam penguasaan konsep Fizik jika tidak melakukan sebarang aktiviti fizikal sepanjang PdPc. Setelah intervensi dilaksanakan, didapati bahawa murid dapat memahami dan menguasai konsep Fizik serta Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dapat ditingkatkan.

### Latar Belakang Sekolah

Sekolah Menengah Kebangsaan Paya Kemunting terletak di Jalan Hospital Jitra telah dibuka pada 2003. Jumlah murid adalah seramai 795 orang murid yang terdiri daripada murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan aliran perdana yang meliputi tingkatan satu hingga tingkatan lima. Bilangan guru yang sedang berkhidmat ialah 70

orang disokong oleh lima Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) menjadikan bilangan kakitangan seramai 75 orang. Majoriti murid di SMK Paya Kemunting merupakan murid Melayu, dengan minoriti daripada tiga bangsa yang berlainan iaitu bangsa Cina, India dan Siam.

## ISU ATAU CABARAN

### a) Isu yang dikenal pasti atau perlu ditambah baik

Mata pelajaran Fizik merupakan mata pelajaran yang memerlukan kemahiran dan teknik yang tepat untuk menguasai konsep Fizik dengan baik. Fizik juga merupakan subjek yang memerlukan murid untuk berfikir secara kritikal supaya murid dapat memahami konsep yang abstrak dan sukar. Ketika sesi pengajaran dan pembelajaran Fizik, saya melihat murid sukar untuk memahami konsep Fizik sekiranya saya hanya mengajar tanpa melakukan aktiviti.

Cabaran yang saya hadapi adalah kesukaran untuk mengajar Standard Pembelajaran (SP) 2.5.2 iaitu mengaplikasi Prinsip Keabadian Momentum dalam pelanggaran dan letupan kepada murid. Apabila saya membuat semakan latihan, murid tidak dapat menyelesaikan S.P. 2.5.2 dengan baik. Maka, saya meminta murid melaksanakan satu projek untuk SP 2.5.2 ini. Namun begitu, hanya lima orang murid daripada 18 orang murid kelas empat Sains yang berjaya menghantar laporan projek mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Oleh sebab itu, murid-murid saya juga tidak dapat mencapai Tahap Penguasaan (TP) TP5 dan TP6 dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) kerana murid tidak menguasai SP 2.5.2 seperti yang ditunjukkan pada jadual 1 berikut.

**Jadual 1: Peratus murid 4 Sains dalam pencapaian TP bagi Standard Kandungan (SK) 2.5 Momentum Sebelum Kajian Dijalankan.**

PBD	PERATUS MURID (%)	BILANGAN MURID
TP 1	0	0
TP 2	0	0
TP 3	44	8
TP 4	28	5
TP 5	28	5
TP 6	0	0
Jumlah	100	18

## **(b) Analisis Keperluan Kajian**

Saya telah mengenalpasti punca murid tidak dapat menyiapkan projek kerana murid yang tidak menyiapkan projek ini kurang kemahiran dalam mereka cipta serta tiada pendedahan dalam bidang STEM. Walaupun telah ditunjukkan contoh projek, murid masih gagal untuk menyiapkan projek seperti yang diminta oleh guru.

Selain itu, murid kurang berminat untuk menyiapkan projek ini kerana kurang pendedahan aktiviti STEM semasa berada di Menengah Rendah akibat daripada Perintah Kawalan Keselamatan (PKP) semasa pandemik yang menyebabkan murid perlu belajar di rumah dan tidak dapat hadir ke sekolah untuk melakukan sebarang aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

Maka, saya akan membantu murid membuat projek RoBoAir menggunakan bahan dan kaedah yang lebih sistematik. Selain itu, projek ini dapat membantu murid menyelesaikan soalan SP 2.5.2 dengan lebih baik. Penerokaan yang dilakukan melalui projek ini akan mengukuhkan minat dan kecenderungan murid terhadap bidang Fizik dengan lebih mendalam. Sehubungan itu, projek ini dapat membangunkan minda murid tentang konsep, teori dan hukum Fizik, malah murid akan berfikiran terbuka, objektif dan proaktif.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

### **Objektif Umum**

Meningkatkan minat murid untuk menguasai tajuk Daya dan Gerakan bagi standard kandungan 2.5 Momentum melalui kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek

### **Objektif Khusus**

- 1.Meningkatkan kemahiran murid dalam mereka cipta Projek RoBoAir.
- 2.Meningkatkan pencapaian tahap penguasaan murid dalam PBD bagi standard kandungan 2.5 Momentum

## PELAKSANAAN KAJIAN

### (a) Kumpulan Sasaran

Responden yang dipilih merupakan murid Tingkatan 4 Sains Sekolah Menengah Kebangsaan Paya Kemunting. Semua responden kajian ini berumur 16 tahun. 38.9 peratus responden lelaki manakala responden perempuan 61.1 peratus. Semua responden berbangsa Melayu dan beragama Islam. Jadual 2 menunjukkan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina.

Jadual 2: Bilangan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Jumlah	Peratus (%)
Lelaki	7	38.9
Perempuan	11	61.1

### (b) Tinjauan Masalah

Berdasarkan tinjauan awal yang telah dijalankan murid memang lemah dalam mengingat konsep Fizik secara teori. Hal ini demikian kerana murid tidak dapat menjawab soalan-soalan latihan selepas PdPc. Lantaran itulah mereka gagal untuk menguasai konsep Fizik. Selain itu, murid juga kurang membuat ulangkaji semasa di rumah.

Bagi mengenalpasti masalah sebenar yang dihadapi oleh murid, saya menjalankan ujian pra terhadap 18 orang murid Tingkatan 4 Sains Tujuan ujian ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana murid dapat memberi penerangan berkaitan konsep momentum selepas sesi PdPc. Soalan yang diberi merangkumi situasi perlanggaran dan letupan.

Saya juga dapat mengenalpasti masalah murid dengan membuat pemerhatian selepas saya mengajukan soalan secara lisan. Kebanyakan murid sukar untuk memberi

jawapan yang tepat tentang konsep momentum. Mereka hanya dapat menjawab soalan guru apabila merujuk buku teks. Sekiranya guru meminta mereka menjawab soalan tanpa merujuk buku teks, kebanyakannya tidak dapat memberi jawapan yang tepat.

**(c) Analisis Tinjauan Masalah**

Jadual 3: Analisis Tinjauan Masalah

Tarikh	Cara Penilaian	Kumpulan Sasaran	Tujuan
15 Jun 2023	Pemerhatian	18 orang murid 4 Sains	Saya melaksanakan pemerhatian untuk mengenal pasti masalah berikut : Tingkah laku – Sebelum kajian dilaksanakan, murid agak pasif semasa PdPC .
0 Jun 2023	Ujian pra	18 orang murid 4 Sains	Saya melaksanakan ujian pra untuk menilai ingatan murid terhadap tajuk yang telah diajar. Setelah melaksanakan ujian pra, saya dapati hanya 5 orang daripada 18 orang murid berjaya menjawab soalan latihan dengan jumlah markah tertinggi 60%.

**(d) Tindakan Yang Dijalankan**

Sebagai langkah untuk mengatasi masalah ini, saya mengambil inisiatif untuk membantu mereka dengan menggunakan kaedah pembelajaran berasaskan projek bagi memudahkan mereka memahami konsep momentum. Aktiviti yang dijalankan oleh murid ialah pembinaan Projek RoBoAir. Projek ini telah dilakukan oleh murid dengan bimbingan saya.

Projek RoBoAir merupakan singkatan kepada Projek Roket Botol Air. Murid menggunakan kemahiran mereka cipta untuk menyiapkan projek ini. Setiap rekaan roket murid akan diuji dan murid perlu mencapai sasaran 100m. Murid akan menggunakan beberapa konsep Fizik bagi memastikan Projek RoBoAir berjaya mencapai sasaran.

Berdasarkan pemerhatian saya, didapati murid sangat teruja dan lebih bersungguh-sungguh mengaplikasi konsep Fizik ketika pelancaran RoBoAir. Selepas selesai pelancaran Projek RoBoAir, guru memberikan soalan bagi Ujian Pos.

## PELAKSANAAN TINDAKAN DAN PEMERHATIAN / PENILAIAN

### **Pelaksanaan Aktiviti :**

Tarikh: 22 Jun 2023

Tempat: Padang Sekolah

Masa: 1.00 - 2.00 petang

### **Peristiwa:**

Murid diterangkan tentang penggunaan pelancar roket oleh guru. Setiap murid akan disoal secara lisan oleh guru. Guru meminta murid membuat huraian hasil rekaan mereka dan menyatakan konsep Fizik yang digunakan ketika proses pembinaan RoBoAir dan semasa pelancaran RoBoAir.

### **Penilaian:**

Sepanjang aktiviti dijalankan, murid-murid kelihatan bersemangat dan lebih aktif berbanding di dalam kelas. Murid dapat menjawab soalan yang diajukan oleh guru secara lisan. Kemudian, guru membuat Ujian Pos dengan memberikan soalan yang sama semasa Ujian Pra. Hasil Ujian Pos, murid dapat menjawab soalan dengan baik. 10 orang berjaya menjawab tanpa menggunakan buku teks dan mendapat skor melebihi markah 80%.

## REFLEKSI KAJIAN


Sepanjang kajian ini dijalankan, banyak pengalaman yang telah saya lalui bersama-sama murid semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Selepas kajian, saya dapati berlaku perubahan yang sangat ketara kepada murid-murid yang terlibat dalam kajian saya. Murid-murid kelihatan teruja untuk memmuridi Fizik, mereka akan bersemangat untuk menyelesaikan soalan selepas melakukan aktiviti fizikal.

Dapatan kajian Ujian Pos menunjukkan 10 orang murid berjaya mencapai skor melebihi markah 70%. Manakala, lapan orang murid hanya mampu mencapai markah minimum 40%. Lapan orang murid tersebut diberi peluang kali kedua untuk menjawab semula ujian pos. Hasilnya, lapan orang murid tadi berjaya mencapai markah minimum 60% seperti yang ditunjukkan pada jadual berikut.

**Jadual 4: Keputusan Ujian Pra dan Ujian Pos**

MARKAH	JUMLAH MURID	
	UJIAN PRA	UJIAN POS
100	0	0
90-99	0	0
80-89	0	6
70-79	0	4
60-69	5	4
50-59	3	0
40-49	4	0
30-39	6	0
20-29	0	0
0-19	0	0

Berdasarkan jadual tersebut, dapatan menunjukkan satu perbandingan yang sangat ketara antara ujian pra dan ujian pos. Hal ini dapat dilihat apabila tiada seorang murid yang mendapat markah bawah daripada 40% berbanding pada ujian pos. Murid berjaya mencapai sekurang-kurangnya 60% pada ujian pos seperti yang ditunjukkan pada rajah berikut.



Rajah 1: Analisis Perbandingan Ujian Pra dan Ujian Pos

Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa objektif kajian iaitu untuk meningkatkan minat murid untuk menguasai tajuk Daya dan Gerakan bagi standard kandungan 2.5 Momentum melalui kaedah pembelajaran berasaskan projek telah berjaya dicapai. Jadi, jelas menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran berasaskan projek membantu meningkatkan pengetahuan murid-murid Tingkatan 4 Sains tentang tajuk tersebut. Selepas kajian ini, murid-murid saya juga telah mencapai Tahap Penguasaan (TP) yang tinggi iaitu TP5 dan TP6 dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) bagi SP 2.5.2 seperti yang ditunjukkan pada jadual berikut.

Jadual 5: Peratus murid 4 Sains dalam pencapaian TP bagi Standard Kandungan (SK) 2.5 Momentum Selepas Kajian Dijalankan.

PBD	PERATUS MURID (%)	BILANGAN MURID
TP 1	0	0
TP 2	0	0
TP 3	0	0
TP 4	0	0
TP 5	72	13
TP 6	28	5
Jumlah	100	18

## **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN UNTUK MASA AKAN DATANG**

Berdasarkan kepada kajian tindakan ini, pembelajaran Fizik akan lebih bermakna sekiranya dilaksanakan dalam suasana pembelajaran yang lebih kondusif dan menyeronokkan seperti membuat eksperimen dan mereka cipta. Sebagai guru, kita perlu bijak dan lebih kreatif merancang PdP mengikut keperluan murid pada masa kini. Sebagai guru Fizik, saya akan mengekalkan kaedah ini untuk pengajaran yang akan datang kerana sangat mudah dan berkesan untuk membantu meningkatkan kemahiran mengingat murid. Saya juga akan terus meneroka kaedah PdPc yang bersesuaian dengan mata pelajaran Fizik dan meningkatkan tahap profesionalisme saya sebagai guru Fizik dengan merancang suasana pembelajaran yang sesuai.

Saya mencadangkan agar setiap guru membuat pertandingan bagi setiap projek yang dilakukan oleh murid supaya dapat memberi motivasi yang tinggi kepada murid serta dapat mengasah bakat kemahiran mereka cipta murid dengan lebih baik. Sehubungan itu, saya berharap agar cadangan ini dapat diimplimentasi dan efisien untuk mewujudkan sebuah pembelajaran yang berkesan.

## **KEPIMPINAN PENGETUA/GURU BESAR ATAU KETUA JABATAN**

Dalam konteks kepimpinan distributif di sekolah saya, pengetua yang menggalakkan kajian akan mendorong guru-guru dan staf untuk melakukan penyelidikan dan kajian dalam bidang pendidikan. Ini dapat dilakukan dengan menyediakan sokongan, sumber daya, dan latihan kepada ahli pasukan untuk mengembangkan kemahiran penyelidikan mereka. Pengetua juga boleh menggalakkan perkongsian hasil kajian di kalangan staf dan mempromosikan budaya pembelajaran yang berterusan di sekolah.

Pentingnya kajian dalam konteks pendidikan adalah untuk memahami keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran, mengenal pasti isu-isu yang dihadapi oleh murid, dan mencari penyelesaian yang sesuai. Melalui kajian, guru-guru dapat meningkatkan amalan pengajaran mereka, merancang intervensi yang berkesan bagi murid yang menghadapi kesukaran, dan memperbaiki program-program kurikulum.

Pengetua yang menggalakkan kajian juga akan melibatkan murid dalam proses pembelajaran. Mereka dapat memberi peluang kepada murid untuk menyertai projek-projek penyelidikan, mengadakan aktiviti-aktiviti pengajaran yang berpusatkan penyelidikan, dan mendorong murid untuk mengemukakan soalan-soalan dan idea-idea untuk dikaji.

Secara keseluruhannya, galakan terhadap kajian dalam kepimpinan distributif di sekolah membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, memperbaiki prestasi murid, dan memperkukuhkan budaya pembelajaran yang berterusan di kalangan ahli sekolah.

## KESIMPULAN

Sepanjang kajian ini dijalankan, banyak pengalaman yang telah saya lalui bersama-sama murid semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Selepas kajian, saya dapati berlaku perubahan yang sangat ketara kepada murid-murid yang terlibat dalam kajian saya. Murid-murid kelihatan teruja untuk memmuridi Fizik, mereka akan bersemangat untuk menyelesaikan soalan selepas melakukan aktiviti fizikal. Hasil dapatan juga menunjukkan bahawa objektif kajian iaitu untuk meningkatkan minat murid untuk menguasai tajuk Daya dan Gerakan bagi standard kandungan 2.5 Momentum melalui kaedah pembelajaran berasaskan projek telah berjaya dicapai. Jadi, jelas menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran berasaskan projek membantu meningkatkan pengetahuan murid-murid tingkatan 4 Sains tentang tajuk tersebut.

LAMPIRAN



**Murid 4 Sains membuat Ujian Pra selepas sesi PdPc di dalam makmal Fizik.**



**18 orang 4 Sains melakukan aktiviti pelancaran**



**Murid 4 Sains membuat Ujian Pos selepas aktiviti pelancaran projek RoBoAlr.**



# BIDANG HAL EHWAL MURID



# Projek 4

## KEPIMPINAN PENGETUA DALAM MEMPERKASAKAN PROGRAM KEMASYARAKATAN

**Mohd Nizar bin Idris**  
**Mohd Hanafi Salim**  
**Sharifah Fapasukanah bt Syed Mahusin**  
**Maktab Rendah Sains MARA ATM Bera, Pahang**

**Bidang Fokus:** Hal Ehwal Murid ( Kemasyarakatan)

### PENGENALAN PROJEK

Tanggungjawab Sosial Korporat atau *Corporate Social Responsibility (CSR)* merujuk kepada budaya atau nilai yang dipegang oleh sesebuah organisasi atau individu dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap masyarakat dan alam sekitar secara sukarela. Menerusi tanggungjawab sosial, masyarakat akan mendapat manfaat sosial yang menyeluruh yang dapat dinikmati oleh setiap ahli dalam komuniti tersebut. Kini, tanggungjawab CSR sudah semakin meluas dilaksanakan khususnya dalam kalangan sekolah.

Perbincangan tentang perlunya pemimpin sekolah yang melaksanakan tugas dan tanggungjawab sosial dengan dipandu oleh nilai-nilai yang baik adalah sangat penting. Aspek kepimpinan dalam sesebuah sekolah biasanya dikaitkan dengan usaha membangunkan modal insan terutamanya dalam kalangan warga kerja dan murid. Menyedari hakikat ini maka warga sekolah yang dapat dibentuk menjadi modal insan berkualiti sudah semestinya mampu membantu membangunkan negara berikutan pemilikan daya kepimpinan yang sewajarnya.

### LATAR BELAKANG SEKOLAH

MRSM ATM Bera terletak dalam perkampungan Felda Triang 1, Bera, Pahang dan mula beroperasi secara rasminya pada 17 April 2023. MRSM ini merupakan MRSM yang ke-55 dibina dan menjalankan program Ulul Albab. Kini seramai 687 orang murid Tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima belajar di sini.

## ISU ATAU CABARAN

### a) Isu yang dikenal pasti atau perlu ditambah baik

MRSM melalui proses evolusi pembinaannya sejak MRSM pertama di Seremban 1972. Menjelang 2024, MRSM Ranau dan MRSM Bintulu akan dibuka menjadikan jumlah setakat ini 57 buah. Silih berganti pucuk kepimpinan sekolah menuntut pihak atasan MARA menyediakan pengetua yang mampu membawa hala tuju, misi dan visi MARA kepada warga kerja MARA dan murid. Kegagalan sekolah mencapai objektif pengurusan mahu pun pencapaian akademik yang cemerlang sering dikaitkan dengan kegagalan pengetua mengemudi sekolah itu sendiri. Sesuai dengan tag *#maraprihatin*, program-program kemasyarakatan dijalankan agar nilai prihatin dapat diterapkan kepada semua.

### b) Analisis Keperluan Projek

MRSM bukan sekadar tempat menimba ilmu semata-mata. Dengan nilai teras S.I.K.A.P iaitu akronim kepada Saintifik, Independen, Kreatif, Amanah dan Patriotik. setiap murid yang melalui sistem pendidikan ini akan mempunyai karakter dan personaliti yang cemerlang. Malah seluruh warga kerja MRSM akan menyumbang kepada organisasi melalui bakat dan kemahiran mereka. Kesemua warga kerja dan murid kelak diharapkan akan memiliki *Towering Personalities* dan menjadi individu yang berjaya juga sebagai pemimpin cemerlang masa akan datang.

Objektif projek ialah seperti berikut;

- i. Menjadikan sebarang aktiviti kembara seperti menaiki motosikal atau keretapi diisi dengan aktiviti kemasyarakatan.
- ii. Mewujudkan pelapis kepimpinan kepada warga kerja MRSM dan murid yang dekat jiwanya dengan masyarakat.
- iii. Mewujudkan kolaborasi antara warga kerja dan murid dengan masyarakat.
- iv. Menyampaikan sumbangan kepada masyarakat sama ada dalam bentuk ilmu, tenaga dan material.
- v. Menjadikan warga sekolah dengan masyarakat tidak boleh dipisahkan dalam kehidupan yang sebenar.

## INISIATIF PROJEK

Memandangkan kedudukan MRSM ATM Bera terletak dalam Felda Triang 1, maka amat bersesuaian program kemasyarakatan ini dijalinan dengan komuniti setempat. Malah pihak sekolah juga telah mengadakan program merentas sempadan negeri. Antara rakan strategik kemasyarakatan yang dijalinan ialah;

1. Pejabat Felda /FGV Felda Triang 1
2. Masjid Hidayah FeldaTriang 1
3. Sek.Keb. Triang 2, Felda Triang 1
4. Jabatan Kemajuan Orang Asli Daerah Bera
5. Jabatan Kemajuan Orang Asli Daerah Rompin, Johor
6. Jabatan Kemajuan Orang Asli Cameron Highlands
7. Masjid Sri Pantai, Mersing, Johor
8. Masjid Dabong, Kelantan
9. Keretapi Tanah Melayu (KTM)
10. Maahad Tahfiz Safa Marwah, Bera

## KEBERKESANAN/ IMPAK PELAKSANAAN PROJEK/ AKTIVITI KEPADA SEKOLAH

Jadual 1: Keberkesanan

Bil	PROGRAM	SASARAN	PIHAK TERLIBAT	IMPAK
1	<b>Kembara Iftar di Maahad Tahfiz Safa Marwah, Bera 29 Mac 2023</b>	40 orang warga MRSM dan 60 murid tahfiz	JAIP Bera Maahad Tahfiz	Sumbangan kepada murid tahfiz.
2	<b>Kembara Iftar di Kg Asli Gemuruh, Bera 14 April 2023</b>	30 orang warga kerja MRSM 100 orang Asli Islam	JAKOA BERA	Syiar Islam dalam kalangan masyarakat Asli.
3	<b>Kembara CSR Temerloh - Maran Santun Dua'fa 7 April 2023</b>	20 orang warga kerja MRSM 30 orang penerima sumbangan	Pejabat MARA Temerloh dan Maran	Bantuan 30 bakul makanan keada asnaf yang dipilih.
4	<b>Kembara Merdeka CSR Rompin – Mersing 9-10 September 2023</b>	30 orang warga kerja MRSM 20 orang Asli	JAKOA dan Masjid Seri Pantai, Mersing	1. Gotong-royong membersihkan masjid. 2. Sumbangan 20 bakul makanan kepada masyarakat Asli Rompin.
5	<b>Perarakan Kemerdekaan Felda Triang 1- MRSM ATM BERA 23 Ogos 2023</b>	700 orang murid/warga kerja MRSM 200 orang komuniti felda	FELDA Triang 1	Sambutan patriotik warga MRSM ATM BERA Bersama penduduk kampung.
6	<b>Sambutan Maulidur Rasul 14 Oktober 2023</b>	700 orang murid/warga kerja MRSM 200 orang komuniti felda	Felda Triang 1	Perarakan Maulidur rasul dan malam Berselawat.
7	<b><i>Quranic Train to Dabong</i> 23-25 September 2023</b>	100 orang murid/warga kerja MRSM 70 orang Jemaah masjid Dabong	KTM Masjid daerah Dabong	1. bacaan Quran dalam keretapi 2. Sumbangan 100 naskhah Al-Quran kepada penumpang 3. Gotong-royong membersihkan masjid Dabong
8	<b>Kembara CSR Cameron Highlands 25-26 November 2023</b>	60 orang peserta 30 orang masyarakat asli	JAKOA Masjid Sungai Ruil	Gotong royong dan Tazkirah di Surau Kampung Asli SungaiRuil, Brinchang.

## KEBERKESANAN PROGRAM KEPADA SEKOLAH DAN ORGANISASI

MARA khususnya menyambut baik usaha-usaha memperkasakan program yang berorientasikan kemasyarakatan dalam memupuk nilai cakna masyarakat sesuai dengan slogan *#maraprihatin*. Aktiviti seumpama ini perlu terus disuburkan dalam jiwa warga kerja dan murid agar semangat rasa cinta hidup bermasyarakat dan jati diri terus dipupuk.

Malah program seperti ini juga bertujuan untuk memperkasakan, mempertingkatkan dan mempergiatkan lagi aktiviti-aktiviti kemasyarakatan serta kesukarelawanan dalam komuniti khususnya dalam mendukung aspirasi negara. Sepanjang bulan Ramadan, aktiviti kemasyarakatan tetap dijalankan seperti program Kembara Iftar di Maahad Tahfiz Safa Marwah, Bera dan Kampung Orang Asli Gemuruh Bera. Sumbangan bakul makanan juga turut dilakukan dalam program tersebut.

Pada bulan kemerdekaan pula, program bersama masyarakat Felda Triang 1 disemarakkan dengan perarakan kemerdekaan bersama masyarakat setempat. Begitu juga perarakan sempena Maulidur Rasul disemarakkan selawat pada Malam Triang 1 Berselawat. Aktiviti kemasyarakatan tidak terbatas di daerah Bera sahaja, sebaliknya diluaskan ke luar seperti dalam Program “**Quranic Train to Dabong**”. Seramai 60 orang murid MRSM ATM Bera sebagai peserta mengedarkan 100 naskhah Al-Quran kepada penumpang KTM semasa dalam perjalanan. Aktiviti gotong-royong membersihkan masjid daerah Dabong turut dilakukan sebelum diisi dengan ceramah agama oleh Ust Idlan bin Ibrahim, juga dari MRSM ATM Bera.

Kembara CSR ke Kampung Asli Sungai Ruil, Cameron Highlands turut menyantuni masyarakat Islam dalam kalangan orang Asli Semai. Pengisian kerohanian oleh Ustaz Aminul Ariffin dari MRSM dibuat dalam ceramah selepas solat maghrib sebelum diakhiri dengan sumbangan makanan kepada masyarakat setempat.

Sesungguhnya semua program kemasyarakatan ini memberi ruang kepada murid dan warga kerja MRSM ATM Bera mendekatkan diri dalam kerja-kerja sukarelawan dan kebajikan. Hubungan masyarakat atau pun orang awam dengan pihak sekolah dapat dieratkan dalam pelbagai bentuk aktiviti kemasyarakatan.

## KEKUATAN PROJEK/AKTIVITI

Penglibatan pengetua secara langsung dalam semua program kemasyarakatan menjadikan sesuatu program dijayakan dengan mudahnya. Pasti nya kekuatan dalaman dalam kalangan warga kerja MRSM ATM Bera juga menjadi nadi penggerak utama dalam menjayakan kesemua program Kembara CSR. Program dijayakan dengan bantuan dan sokongan pelbagai pihak yang terlibat secara langsung tidak langsung.

## CABARAN PELAKSANAAN PROJEK/ AKTIVITI

Merencanakan program kembara sama ada menaiki motorsikal, kereta, mahupun kereta api pasti nya memerlukan perancangan rapi kerana mengambil risiko perjalanan. Kesemua program kembara yang dijayakan mengutamakan keselamatan jalan raya khususnya kembara bermotosikal.

Program yang melibatkan sumbangan bantuan makanan memerlukan dana kewangan yang tinggi. Kebanyakannya diperoleh daripada sumbangan dan infak daripada warga kerja sendiri di samping usahawan MARA.

## KEPIMPINAN PENGETUA ATAU KETUA JABATAN

Di sekolah menengah, khususnya MRSM, pengetua memainkan peranan utama dan kepimpinannya akan memberi kesan terhadap budaya sekolah. Situasi ini akan mempengaruhi kewujudan iklim sekolah yang sesuai bagi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran mahupun kejayaan dalam pelbagai bidang. Selaku pengetua pertama di MRSM ATM Bera sejak dibuka, Tn. Hj. Mohd Nizar bin Idris memikul amanah ini untuk mencorakkan hala tuju sekolah ini. Pengalaman mencecah 30 tahun dalam bidang pendidikan memudahkan beliau mendekati kakitangan bawahan dan murid. Minatnya yang cukup mendalam dengan aktiviti mencabar dan kemasyarakatan menjadikan program khidmat masyarakat dapat dijayakan dengan mudah. Malah beliau akan turun padang dalam kesemua program yang dilaksanakan dan sentiasa mendorong generasi muda dalam kalangan pendidik dan murid untuk sentiasa menjadi orang terdepan dalam membantu masyarakat. Komitmen dan teladan yang ditunjukkan oleh beliau menyebabkan semua warga kerja turut turun padang menjayakan kembara CSR.

## CADANGAN PENAMBAHBAIKAN UNTUK MASA AKAN DATANG

Kembara CSR (Corporate Social Responsibility) merupakan satu inisiatif yang sangat berharga dalam membentuk nilai-nilai murni dan kepedulian sosial di kalangan warga kerja dan murid. Program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada masyarakat luar, tetapi juga memainkan peranan penting dalam pembangunan sahsiah dan nilai-nilai kemanusiaan dalam kalangan peserta. Dengan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti CSR, warga kerja dan murid dapat memahami dengan lebih mendalam tentang tanggungjawab sosial mereka, serta mengaplikasikan prinsip-prinsip kebaikan, empati, dan solidariti dalam kehidupan seharian.

Sehubungan itu, program Kembara CSR wajar dimasukkan sebagai program tetap dalam kalendar sekolah dan dilaksanakan secara berkala, bukan hanya sekadar program *ad-hoc*. Pelaksanaan yang konsisten akan memastikan nilai-nilai murni yang ingin diterapkan dapat dipupuk dan dikembangkan dengan lebih efektif dalam diri warga sekolah. Dengan menjadikan Kembara CSR sebagai program tahunan atau berkala, sekolah dapat merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti CSR dengan lebih teratur, membolehkan warga kerja dan murid bersedia dan memberi komitmen penuh dalam setiap projek yang dijalankan.

Setiap warga kerja juga perlu melihat program ini sebagai satu peluang yang berharga untuk menyumbang kepada masyarakat di luar. Penglibatan dalam aktiviti CSR bukan sahaja memberi manfaat kepada penerima bantuan, tetapi juga memperkaya pengalaman dan memperluas perspektif warga kerja serta murid mengenai kepelbagaian isu-isu sosial dan komuniti. Ini adalah satu cara untuk mengingatkan kita semua tentang pentingnya peranan kita sebagai sebahagian daripada masyarakat yang lebih besar dan mendorong kita untuk terus memberi sumbangan positif.

Dengan pelaksanaan program Kembara CSR secara konsisten, sekolah bukan sahaja dapat memperkukuhkan hubungan dengan masyarakat sekitar, tetapi juga membina reputasi sebagai institusi pendidikan yang prihatin dan bertanggungjawab. Inisiatif ini selari dengan nilai-nilai Malaysia MADANI yang menekankan kepentingan pembangunan sahsiah dan kesejahteraan masyarakat. Justeru, adalah amat penting

bagi setiap warga sekolah untuk mengambil peluang ini sebagai satu tanggungjawab sosial yang mampu memberikan impak yang berpanjangan kepada komuniti dan generasi akan datang.

## KESIMPULAN

Kembara CSR adalah usaha murni dalam memasyarakatkan warga kerja sekolah ke arah budaya cakna dan prihatin. Murid-murid akan kembali ke alam masyarakat yang mendewasakannya kelak. Begitu juga bagi warga kerja yang terlibat dalam kembara CSR ini tidak terasing daripada kehidupan yang sebenar bahawa setiap orang daripada kita memerlukan antara satu sama lain.

Secara keseluruhannya, Kembara CSR adalah lebih daripada sekadar aktiviti kemasyarakatan; ia adalah satu proses pembelajaran yang menyeluruh yang memberikan impak positif kepada semua pihak yang terlibat. Dengan memperkenalkan dan mengekalkan budaya cakna dan prihatin melalui program-program seperti ini, kita bukan sahaja membantu masyarakat luar tetapi juga mempersiapkan murid-murid dan warga kerja dengan nilai-nilai penting yang akan membentuk mereka sebagai individu yang bertanggungjawab dan prihatin. Kembara CSR, dengan demikian, berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan dunia pendidikan dengan realiti masyarakat, menyemai benih-benih kepedulian yang akan berkembang menjadi sikap yang kekal dalam kehidupan mereka kelak.

## LAMPIRAN

### SANTUNI DUAFA' 7 APRIL 2023



### IFTAR BERSAMA KAMPUNG ORANG ASLI GEMURUH 14 APRIL 2023



### IFTAR BERSAMA MAHAD TAFIZ SAFA MARWAH BERA 29 MAC 2023



**QURANIC TRAIN TO DABONG 23-25 SEPTEMBER**



**PERARAKAN MAULID NABI BERSAMA WARGA FELDA TRIANG 14 OKTOBER 2023**



**SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DI TRIANG 1  
23 OGOS 2023**



**KEMBARA MARA BIKERS CSR KE KAMPUNG ASLI SUNGAI RUIL, CAMERON HIGHLANDS PADA  
25-26 NOVEMBER 2023**



# Projek 5

## PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK DI SMK BATU MAUNG SMART TAG

**En. Mohd Nafir Bin Adam Sahib**  
**Pn. Rusiah Binti Sa'Ad**  
**En. Mohd Asri Syafiq Bin Hashim**  
**Pn. Qibtiyah Binti Mohamed Kenapiah**  
**Pn Nor Azariah Binti Haron**

**Bidang Fokus:** Hal Ehwal Murid ( Disiplin Murid)

### **Abstrak**

Kunci kecemerlangan sesebuah sekolah terletak pada pentadbir yang kompeten dan cekap. Dapatan daripada pemerhatian, kajian persekitaran, analisis data APDM dan SKPMg2 menunjukkan isu utama SMK Batu Maung adalah ketidakhadiran murid serta kualiti Pengurusan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) guru masih pada tahap lama (Sambalewa). Masalah ketidakhadiran ini bertokok dengan status sosioekonomi murid yang rata-rata datang daripada keluarga nelayan dan pekerja kilang dan ditambah pula sikap guru terlalu selesa. Namun di pertengahan tahun 2021, kepimpinan pentadbiran baharu yang terbentuk telah membawa SMK Batu Maung ke suatu dimensi dengan slogan *#SmartTag*. Dengan slogan yang dipasak, program serampang dua mata disusun pihak pentadbir bagi menangani masalah yang pasukanbul. Dialog prestasi bersama ibu bapa dan pentadbir dijalankan dengan harapan agar kesepaduan cita-cita ibu bapa dan sekolah, mewujudkan 'Smart Class' untuk pembelajaran yang segar dan interaktif, kelas tambahan di dewan orang ramai dengan kerjasama Pelibatan Ibu Bapa Dan Komuniti (PIBKS) untuk kemudahan murid belajar, ziarah cakna berkongsi masalah disusun dan dijalankan bagi menangani ketidakhadiran murid. Begitu juga dengan masalah guru sambalewa, beberapa program dirancang dan dijalankan seperti 'Smart Teacher' diwujudkan bagi inisiatif kolaboratif perkongsian pengalaman di sekolah lain, bilik dan tandas guru dinaiktaraf, perkhidmatan mesin fotostat secara percuma untuk keselesaan bersama. Alat pengukuran kejayaan program- program di atas dapat dilihat melalui hasil *Professional Learning Community* (PLC) yang dijalankan, SKPMg2, data Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan peperiksaan murid serta keputusan SPM 2021 yang baru diumumkan. Dapat dirumuskan bahawa, kualiti kepimpinan berprestasi tinggi yang menekankan kerendahan diri untuk bekerjasama, inisiatif yang terkini lagi relevan dengan situasi semasa serta rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap masyarakat setempat menjadi tunjang utama kepada penghasilan kepimpinan dan modal insan kalis masa hadapan.

**Kata kunci:**Ketidakhadiran murid, kualiti PdPc guru, PIBKS #WeChange

## PENGENALAN

SMK Batu Maung adalah sekolah menengah harian yang turut sama menghadapi cabaran dalam membangunkan kemenjadian murid masyarakat setempat. Cabaran yang dikenal pasti membelenggu sekolah adalah ketidakhadiran murid dan guru sambalewa. Jika ditelusuri dalam kajian Johari Hassan dan Nik Selma Muhammad (2010), faktor-faktor yang menyebabkan masalah ponteng sekolah-sekolah menengah Daerah Kulai Jaya serta kajian Hanafiah Mahat, Nasir Nayan, Yazid Salleh, Mohmadisa Hashim, Saiyidatina Balkhis Norkhaidi (2021) didapati antara cabaran besar sekolah-sekolah harian di Malaysia adalah masalah ketidakhadiran murid dan guru sambalewa atau kurang kompetensi dalam bidang perguruan. Tidak ketinggalan juga kajian Saravanan Munian dan Shahizan Hassan (2020) menyatakan pemimpin sekolah yang mengamalkan gaya kepimpinan tranformasi dapat meningkatkan tahap komitmen kerja guru.

Justeru itu, penulisan ini akan merungkai amalan terbaik sekolah SMK Batu Maung dalam menangani masalah ketidakhadiran murid dan guru sambalewa yang dipacu oleh kepimpinan transformasi diatas projek "SMART TAG".

## LATAR BELAKANG SEKOLAH

SMK Batu Maung adalah sekolah luar bandar di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Geografi sekolah berhampiran kawasan perairan dan pembangunan negeri yang diberi gelaran Pulau Mutiara ini menjadikan sekolah ini rata-rata muridnya daripada keluarga nelayan dan pekerja kilang. Sekolah ini ditubuhkan pada tahun 2001 dan sepanjang pengoperasiannya, SMK Batu Maung mengalami pasang surut enrolmen murid. Enrolmen murid sekolah pernah mencecah ribuan murid namun setelah sekolah berhampiran SMK Bayan Lepas dibina, enrolmen murid menurun. Sehingga tahun 2022, enrolmen murid SMK Batu Maung dianggarkan 500 hingga ke 550 orang sahaja. Situasi ini didorong oleh persepsi masyarakat yang berpandangan sekolah berhampiran lebih baik dari SMK Batu Maung serta disokong oleh pencapaian sekolah dalam SPM di peringkat daerah. Kini, SMK Batu Maung cuba merubah wajah mengorak langkah dengan kepimpinan baharu dibantu oleh tujuh orang Anggota Kumpulan Pelaksana

(AKP) dan 53 orang guru yang rata-ratanya sangat berpengalaman di bidang perguruan. Tahun 2021, pentadbiran baharu SMK Batu Maung melancarkan program *SMART TAG* untuk penambahbaikan sekolah setelah mengambil kira kelebihan dan kelemahan yang ada. Setelah perbincangan dan penilaian data yang ada, dua isu utama dikenal pasti iaitu ketidakhadiran murid dan guru sambalewa. Bagi menyelesaikan masalah ini, beberapa program dirancang dengan pelbagai pihak dilibatkan bagi mencerminkan kesungguhan pentadbiran sekolah dalam menangani masalah sekolah. Projek *Smart Teacher* dan *Smart Class* misalnya, program dirancang bagi mengatasi masalah guru sambalewa, berlakunya libat urus daripada pihak Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG), Penglibatan Ibu BapaKomuniti dan Swasta (PIBKS), sekolah berhampiran dan pihak PPD Barat Daya. Kelas tambahan di kampung-kampung berdekatan yang dirancang bagi mengatasi kelompongan ilmu akibat ketidakhadiran murid, berlaku libat urus pemimpin-pemimpin kampung dan pegawai masjid. Penglibatan semua pihak berkepentingan datang menghulurkan tangan mampu meringankan masalah yang dihadapi sekolah. Penglibatan PIBKS dalam membantu pihak sekolah mencorakkan anak murid merupakan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memacu pendidikan Malaysia di pentas dunia.

## ISU ATAU CABARAN

### Isu yang dihadapi


Saban tahun sejak penubuhannya, SMK Batu Maung dikategorikan sebagai sekolah yang berprestasi rendah dalam PPD Barat Daya, Pulau Pinang. Ini terbukti apabila setiap kali keputusan SPM diumumkan, SMK Batu Maung tergolong sekolah terakhir dalam daerah.

Pentadbiran baharu SMK Batu Maung menggariskan dua masalah utama, iaitu masalah kualiti PdPc guru yang masih ditakuk lama dan ketidakhadiran murid. Hala tuju disusun dengan slogan **#WeChange** untuk penyelesaian masalah yang ada iaitu memperkasakan guru SMK Batu Maung serta memantapkan peranan Persatuan Ibu Bapa Guru (PIBG), Penglibatan Ibu BapaKomuniti dan Swasta (PIBKS) dengan harapan SMK Batu Maung menjadi sekolah pilihan dan tidak lagi dipandang enteng oleh masyarakat. Metodologi kajian adalah dari *method* campuran, iaitu gabungan kualitatif dan kuantitatif analisa data SKPMg2, APDM, data *headcount* serta keputusan

percubaan dan SPM 2021 sebenar. Kaedah ini dipilih kerana data-data *primer* ini seringkali menjadi rujukan pihak sekolah dan pemegang taruh dalam menilai program yang dijalankan di sekolah. Hasil dari analisis yang dijalankan menunjukkan program yang dijalankan telah memacu peningkatan Gred Purat Sekolah (GPS) dan layak sijil dalam SPM 2021 yang terbaik sejak sekolah ditubuhkan di samping kualiti PdPc dalam kalangan guru lebih baik dan bermakna.

Masalah yang difokuskan dalam artikel ini ialah amalan terbaik di SMK Batu Maung dalam menangani masalah ketidakhadiran murid ke sekolah dan kualiti PdPc guru yang masih konvensional dan masih di takuk lama. Masalah ketidakhadiran murid ke sekolah boleh membawa kepada masalah sosial yang lebih parah. Ponteng sekolah merupakan satu masalah disiplin yang semakin serius di kalangan murid sekolah menengah. Masalah-masalah disiplin lain akan pasukanbul sekiranya masalah ponteng ini tidak dibendung dan dikawal. Hal sedemikian akan berlaku disebabkan murid yang ponteng akan menggunakan masa tersebut dengan melibatkan diri dengan perkara yang tidak senonoh (Johari Hassan & Nik Selma Muhammad,2010). Begitu juga masalah PdPc guru yang kurang berkualiti. Profesion guru adalah merupakan profesion yang mulia dan sewajarnya menjadi tugas seorang guru mengekalkan standard profesionalisma guru yang tinggi dalam menjaga digniti dan kredibiliti mereka (Hanifah Mahat, Nasir Nayan, Yazid Salleh, Mohmadisa Hashim dan Saiydatina Balkhis Norkhaidi, 2021).

**Data daripada isu**



Rajah 1: Graf kehadiran murid ke sekolah bagi tingkatan 5 pada bulan november 2021 dan data SKPMG2 penilaian pertama tahun 2021.

Guru berkualiti dan bermotivasi tinggi adalah saling bergantung dan berkait rapat. Guru merupakan tiang dalam menjalankan pembinaan kemenjadian murid di sekolah. SKPMg2 merupakan satu rubrik yang diwujudkan dalam menilai amalan PdPc guru di sekolah. Dalam rubrik ini, amalan PdPc guru di bahagikan kepada cemerlang (100- 80), baik (79-65) dan sederhana (64-40). Situasi di SMK Batu Maung, 18.6% atau 8/51 orang adalah guru baharu yang mengajar satu hingga lima tahun, 11.63% atau 5/51 adalah guru yang berkhidmat enam hingga sepuluh tahun dan 69.77% atau 30/51 orang guru yang mengajar lebih 10 tahun ke atas. Data SKPMg2 penilaian pertama 2021 SMK Batu Maung menunjukkan hanya 23.35 % guru iaitu 12 daripada 51 orang guru yang mencapai skor cemerlang, seramai 38 daripada 51 orang guru mencapai skor baik manakala hanya satu daripada 53 orang guru dikelaskan skor sederhana. Dari data di atas, didapati guru yang berpengalaman merupakan kumpulan majoriti yang ada di sekolah dan keadaan ini membawa kepada zon selesa kerana berada di suatu tempat dalam tempoh yang lama. Disebabkan itu, didapati PdPc guru- guru dijalankan secara sambalewa atau kurang berkesan. Guru-guru lama ini mempunyai pengalaman dan kualiti, namun tidak dipraktikkan sebaik-baiknya kerana kurang motivasi atau sikap sambalewa yang telah lama berlaku. Begitu juga guru baharu yang kurang dibimbing untuk menjalankan amalan PdPc yang baik.

Selain daripada itu, kehadiran murid juga memainkan peranan penting dalam peningkatan prestasi akademik. Kehadiran murid menjadi indikator utama dalam menentukan prestasi sekolah. Jika murid hadir kesekolah, bermakna peluang murid lulus lebih luas. Graf kehadiran bulan November ini menunjukkan peratus kehadiran murid tingkatan lima hanya mencapai sekitar 73% berbanding sasaran JPN negeri 85%. Peratus kehadiran yang rendah ini disebabkan beberapa faktor, antara yang dikenal pasti ialah murid bekerja di waktu persekolahan. Setelah siasatan dan kenalpasti dilakukan melalui dialog prestasi bersama guru-guru kelas, data menyatakan seramai 29 daripada 98 orang murid bekerja di masa persekolahan. Antara faktor-faktor lain yang turut menyumbang ketidakhadiran murid ialah kebimbangan COVID-19, kuarantin akibat COVID-19, masalah disiplin dan lain- lain.

## OBJEKTIF SMART TAG

Pelaksanaan amalan terbaik bermula dengan perancangan hala tuju sekolah yang telah menetapkan sasaran untuk mengubah pandangan umum terhadap sekolah. Persoalan berikut menjadi panduan serta kayu ukur kepada pencapaian sasaran.

1. Keberkesanan program sekolah yang disusun, *Smart Class* dan *Smart Teacher* mampu mengubah sikap guru dalam merencana PdPc kepada yang lebih berkualiti.
2. Program sekolah yang direncana ditambah dengan pemerksaan PIBKS dapat membantu sekolah menyelesaikan isu ketidakhadiran murid ke sekolah dan seterusnya berjaya mengubah pandangan umum terhadap sekolah.

Selain daripada itu data-data utama sekolah seperti data Aplikasi Pengkalan Data Murid (APDM), SKPMg2, analisis markah peperiksaan SPM turut dirujuk bagi mengesah dan menyokong situasi sebenar jurang yang dihadapi. Data-data ini sering digunakan sekolah dan pemegang taruh dalam menilai prestasi sekolah.

## INISIATIF SMART TAG

### Sokongan komuniti untuk peningkatan kehadiran murid

Bagi pentadbir, isu yang paling kritikal ialah kehadiran murid ke sekolah yang rendah. Dapatan dari temubual bersama guru kelas, terdapat murid yang bekerja untuk menampung keluarga dan diri sendiri iaitu seramai 29 daripada 98 orang murid. Murid yang telah dikenal pasti, diteruskan dengan dialog pihak pentadbir bersama ibu bapa untuk mengetahui punca ketidakhadiran murid. Ini penting kerana murid-murid tidak hadir ke sekolah perlu diberi kesedaran betapa pentingnya sijil SPM untuk mereka di kemudian hari. Ziarah cakna dilancarkan untuk ketidakhadiran tegar, mengadakan program bakul makanan untuk keluarga murid yang terkesan COVID-19, serta mewujudkan **Smart Gate** sebagai sistem sokongan agar murid berasa seronok dan bangga hadir ke sekolah. Bagi meneruskan kesinambungan kehadiran murid ke sekolah, pihak pentadbir telah mengikat jalinan dengan komuniti setempat. Rasional pihak pentadbir memilih komuniti bersama-sama dalam intervensi ini berkait rapat dengan persepsi komuniti terhadap SMK Batu Maung. Jalinan kerjasama ini menunjukkan

kesungguhan seluruh warga SMK Batu Maung bergerak ke arah yang lebih baik. Pihak pentadbir yang diketuai oleh Tuan Pengetua melakukan kunjung ziarah ke masjid, pejabat penghulu dan wakil masyarakat setempat dan hasil dari kunjung ziarah yang diadakan, satu mesyuarat bersama komuniti setempat telah diwujudkan bagi membincangkan kerjasama dari segi kehadiran murid dan juga kelas bimbingan kampung untuk murid-murid tingkatan lima bagi membantu anak-anak komuniti.

Natijahnya, lima buah dewan komuniti iaitu Dewan Sheikh Jee, Dewan Permatang Damar Laut, Dewan Telok Tempoyak, Dewan *Digital Library* dan Dewan Pejabat Perikanan di sekitar sekolah dapat dijadikan kelas bimbingan kampung khusus untuk subjek Bahasa Melayu dan Sejarah serta dibimbing oleh bekas- bekas murid SMK Batu Maung. Kelas yang dijadualkan setiap Sabtu (9.00am –1.00 pm), dibantu oleh guru-guru Kanan Bidang dan wakil kampung, menggunakan modul, lembaran kerja serta koleksi soalan-soalan tahun lepas di samping mesyuarat berkala bersama wakil masyarakat bagi membincangkan perkembangan kelas bimbingan yang dijalankan.

Hasil kerjasama erat antara pihak sekolah dan komuniti setempat telah menunjukkan kejayaan yang signifikan iaitu peningkatan kehadiran murid ke sekolah iaitu 82.97% di bulan Disember berbanding 75.30% di bulan November 2021. Begitu juga jika dilihat pada peningkatan enrolmen murid yang mana pada tahun 2022, enrolmen murid SMK Batu Maung telah meningkat kepada 566 orang murid berbanding 511 pada tahun 2021 serta keputusan SPM 2021 yang menunjukkan peningkatan terbaik sepanjang penubuhan sekolah. Pengecutan GPS 0.56 dari 6.70 pada SPM 2020 kepada GPS 6.16 SPM 2021 serta peningkatan peratus layak sijil sebanyak 10.54%.

Bagi tahun 2022, hasil kerjasama dengan PIBKS, satu kelas pemulihan Al-Quran dapat diwujudkan. Unit muslimah Masjid Umar bin Abdul Aziz turun menghulur tangan membantu sekolah dengan mengajar murid-murid lemah Al-Quran tanpa sebarang bayaran.

## PELAKSNAAN SMART TAG

### Amalan terbaik *Smart Tag*

Bagi memantapkan perancangan beberapa kajian telah dirujuk, antaranya menurut Rohani Arbaa, Hazri Jamil dan Nordin Abdul Razak (2010) menyatakan dapatan kajian telah menunjukkan bahawa wujudnya hubungan positif antara ciri kualiti guru yang dikaji dengan komitmen belajar murid. Guru yang berkualiti akan dapat meningkatkan komitmen murid dalam aktiviti pembelajaran mereka serta menggalakkan penglibatan intelektual murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Begitu juga dengan kajian oleh Hanifah Mahat, Nasir Nayan, Yazid Salleh, Mohmadisa Hashim, dan Saiyidatina Balkhis Norkhaidi (2021) menyatakan bahawa pengetahuan profesionalisme perguruan perlu dipertingkatkan untuk beberapa aspek misalnya merancang pengajaran yang mampu memastikan prestasi murid berada ditahap yang tinggi.

Manakala Johari bin Hassan dan Nik Selma Mohamad (2010) dalam kajian mereka mendapati faktor yang menyebabkan masalah ponteng sekolah adalah sikap murid itu sendiri. Murid tidak mempunyai motivasi untuk belajar kerana menganggap belajar itu tidak penting dan mereka lebih rela tidur daripada bangun awal pagi ke sekolah atau mengulangkaji pelajaran. Faktor ibu bapa juga menjadi salah satu punca kepada masalah ponteng. Kajian mendapati keluarga dari status sosioekonomi sederhana kurang memberi penekanan terhadap pendidikan anak-anak mereka. Di samping itu, pelbagai teknik dan strategi pengajaran dan pembelajaran direncanakan bagi menarik minat murid untuk belajar dan menyedari akan kepentingan pembelajaran.

Sehubungan itu, pengetua bersama barisan *Senior Leader Teacher* (SLT) dan *Middle Leader Teacher* (MLT) melalui tagline **Smart Tag** mencadangkan cara penyelesaian kepada PdPc guru yang sambalewa menerusi dua projek iaitu **Smart Teacher** dan **Smart Class**. Sementara masalah ketidakhadiran murid ke sekolah yang rendah cuba diatasi dengan memantapkan peranan Persatuan Ibu Bapa, Komuniti dan Swasta (PIBKS) melalui program kelas kelas bimbingan hari Sabtu, ziarah cakna dan program bakul makanan.

### **Smart Teacher**


Guru adalah orang yang diharapkan dapat mendidik dan membentuk generasi yang akan datang. Untuk itu, intervensi yang pertama dilaksanakan untuk menaikkan motivasi guru dalam melaksanakan PdPc yang lebih berkesan ialah program *Smart Teacher*. Satu program pertukaran guru Bahasa Melayu kelas galus dengan guru Bahasa Melayu sekolah SMK Bayan Lepas selama satu minggu dengan kerjasama pengetua dan PPD Barat Daya, Pulau Pinang.

Program ini bertujuan memberi suasana dan pengalaman yang baharu dalam menjalankan PdPc disamping bimbingan kepada guru yang terpilih. Membuka minda untuk menerima idea dan perubahan yang bakal digunakan kelak di SMK Batu Maung. Hasil program tersebut, pihak pentadbir mendapati murid- murid galus dapat memberi kerjasama dan komitmen kepada guru tersebut terutamanya murid-murid berbangsa Cina dari kelas peralihan dapat berkomunikasi dengan lebih selesa dalam bahasa ibunda mereka sendiri.

### **Smart Class**


Kemudahan lain yang pihak pentadbir sediakan untuk meningkatkan kualiti PdPc guru daripada konvensional kepada yang lebih menarik dan interaktif, Program *Smart Class* diadakan dengan menyediakan sebuah *smart TV* 65" untuk setiap kelas tingkatan LIMA serta dua kelas galus diberi komputer riba 1 Malaysia setiap seorang dan murid tersebut tidak perlu membawa buku ke sekolah. Dengan tersedianya *smart TV* ini, guru dapat meningkatkan PdPc mereka dengan penggunaan aplikasi *Quizizz*, *Wordwall*, *Youtube*, TV Pendidikan dan sebagainya. Begitu juga untuk kemudahan fotostat tanpa had untuk guru-guru dalam menyediakan bahan latihan untuk murid.

## IMPAK SMART TAG



Rajah 2: Graf Perbandingan SKPMG2 pencerapan kali pertama dan akhir tahun 2021

Hasil daripada dua program yang dijalankan ini, graf SKPMg2 guru-guru SMK Batu Maung bagi penilaian akhir tahun telah menunjukkan peningkatan yang jelas iaitu guru yang mencapai skor cemerlang bertambah kepada 17 orang berbanding 12 daripada 51 orang guru (23.53% kepada 33.33%), guru yang mencapai skor baik berkurang dari 38 orang kepada 33 orang daripada 51 orang guru (74.51% kepada 64.71%) serta guru yang mendapat skor sederhana kekal satu orang (1.67%). Manakala guru yang terpilih dalam program pertukaran bersama sekolah jiran pula, menunjukkan peningkatan SKPMg2 nya meningkat daripada 80.14% kepada 85.35 %.



Rajah 3: Peratus perbandingan kehadiran murid tingkatan 5 bagi bulan November dan Disember 2021

Jadual :Gred Purata Sekolah dan Peratus Layak sijil SPM dari tahun 2013 hingga 2021

2013 (BM & SEJ)	2014	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2021
6.40	6.54	6.52	6.26	6.49	6.25	6.56	6.70	6.16
70.70	65.69	84.13	67.00	71.88	75.29	78.16	73.03	83.87

### KEKUATAN SMART TAG

Jika kita gagal merancang, kita sebenarnya merancang untuk gagal. Barisan kepimpinan sekolah telah berjaya melihat dan menilai dengan baik dan tepat kekuatan serta kelemahan yang ada di sekolah. Antara kekuatan yang ada ialah barisan guru yang cukup berpengalaman serta kerjasama masyarakat sekeliling yang saling membantu menjayakan perancangan sekolah. Guru merupakan tunjang kekuatan sekolah dan penggerak utama ke arah kemenjadian murid. Di SMK Batu Maung majoriti guru adalah guru yang berpengalaman lebih 10 tahun mengajar serta mampu mencorak warna warni kehidupan murid dan juga perjalanan sekolah seperti yg dikehendaki mereka.

Justeru itu, menjadi tugas yang besar bagi barisan kepimpinan untuk menerajui dan mengalih pandangan guru-guru ini untuk bersama-sama dalam satu wadah dan hala tuju yang dibina. Penglibatan ibu bapa, komuniti serta NGO setempat dalam mengambil bahagian menempa kemenjadian murid sangat dialu-alukan. Keterlibatan pihak ketiga ini sudah semestinya memberi nilai tambah dalam membantu pihak sekolah dari segi sumber kewangan, sokongan moral serta kepakaran yang semestinya ia menjadi bekal kepada pelapis negara di masa hadapan.

### CABARAN PELAKSANAAN SMART TAG

Cabaran terbesar dalam menjayakan *SMART TAG* di SMK Batu Maung adalah menguruskan persepsi warga sekolah akan keberkesanan program yang dirancang seperti layang-layang yang terbang tanpa teraju. Warga SMK Batu Maung terutama

guru-guru telah ditanam dengan stigma bahawa SMK Batu Maung sekolah tercorot dan akan dipandang sepi oleh semua pihak. SMK Batu Maung tiada kekuatan memajukan diri untuk berdiri dan duduk setanding dengan pihak lain. Perkara ini berlaku kerana sedari awal, tanggapan negatif telah ditanam di dalam pemikiran warga SMK Batu Maung ditambah dengan situasi yang berlaku di sekolah. Masalah kehadiran dan disiplin murid bagai tiada kesudahan. Natijah dari masalah ini, sudah tentunya keputusan SPM yang sering meletakkan sekolah tercorot dalam PPD Barat Daya.

Cabaran kedua yang dihadapi peneraju SMK Batu Maung dalam merealisasikan *SMART TAG* ialah mengumpul kekuatan kerjasama bersama ibu bapa dalam menangani masalah disiplin dan ketidakhadiran murid. Perjumpaan dan dialog bagi membincangkan masalah di atas tidak mendapat sambutan dan sokongan penuh dari warga ibu bapa. Yang hadir hanya ibu bapa yang memang dikenali anaknya murid cemerlang. Seringkali juga lawatan ke rumah murid di akhiri kehempasaan kerana panggilan tidak disahut atau alasan:-

**"kami pun tak tau buat apa dah, cikgu tengok la sendiri"**,ungkapan daripada ibu bapa murid.

Apabila teras terbesar dalam pendidikan anak-anak lumpuh, maka disitulah keruntuhan generasi cemerlang akan beransur tumbang. Mujur ada pihak misalnya pihak masjid, JKKK berdekatan, NGO-NGO yang berkaitan menghulurkan kerjasama membantu pihak sekolah. Hasilnya, tiga buah dewan orang ramai dapat digunakan oleh sekolah untuk dijadikan tempat ulangkaji di sebelah petang di samping bantuan berupa kewangan untuk murid-murid yang keluarganya terkesan dengan pandemik COVID-19 yang melanda.

## KEPIMPINAN KETUA JABATAN

Kepimpinan yang berkesan memainkan peranan sangat penting dalam sesebuah organisasi. Pemimpin yang mempunyai wawasan yang jelas tentang organisasi dan kakitangannya berupaya menjadi pembolehubah kepada kejayaan sesebuah sekolah. Di SMK Batu Maung, barisan kepimpinan yang baharu yang diterajui Tuan Pengetua, Encik Mohd Nafir bin Adam Sahib, seorang yang sangat mahir dan tinggi ilmunya dalam berorganisasi, sering berkongsi tatacara dan idea bersama wawasan dan mempunyai

visi yang jelas, telah merubah kebiasaan SMK Batu Maung yang sebelum ini. Dari sekolah pinggiran bandar yang dikenali sebagai sekolah tercorot SPM, kini berubah wajah, ingin berdiri dan duduknya setanding dengan sekolah-sekolah jiran. Tuan Pengetua bijak dan berani bertindak memulakan pelaksanaan *SMART TAG* dengan penekanan objektif dan visi yang ingin dicapai di tahun semasa secara jelas kepada semua anggota dibawahnya.

Guru- guru dibantu oleh MLT menyambut usaha merealisasikan objektif yang ingin dicapai tanpa rasa jemu dan lelah. Inisiatif yang diambil oleh Tuan Pengetua turut sama berkongsi hala tuju dan perancangan sekolah bersama wakil- wakil kampung dan pihak berkepentingan seperti pihak masjid dan pemimpin setempat membuahakan kerjasama yang erat antara kedua belah pihak yang hasilnya mengalir kepada anak tempatan yang masih dibina kehidupan mereka. Hasilnya , kelas tambahan di dewan orang ramai pada petang dan hujung minggu. Hampir setiap hari dan minggu, kelas- kelas dikendali guru dan turut di bantu *Middle Leader Teacher (MLT)* menjadi tumpuan murid hadir belajar bersama- sama menimba ilmu. Begitu juga dengan terlaksananya kelas Iqra yang berjalan dua hari seminggu, bertujuan menghapuskan buta Al-Quran dikalangan murid SMK Batu Maung, adalah hasil perkongsian hala tuju dan harapan sekolah dengan masyarakat sekeliling.

Tuan pengetua juga seorang yang mudah berkongsi pendapat, ilmu dan kepakaran, sangat kreatif dalam menyelesaikan masalah, mudah mendengar dan memahami rintihan dan masalah kakitangan dibawahnya, yang akhirnya memudahkan guru- guru bekerja dengan selesa, mampu menjalankan gerak kerja mereka di sekolah dengan lebih efisien. Pihak SLT dan MLT juga sering turun padang mendengar dan turut sama membantu guru- guru dalam merialisasikan objektif sekolah. Beberapa siri dialog ibu bapa, barisan pentadbir bersama guru- guru dapat dijalankan dengan jayanya. Hasil dari dialog ini ialah kenaikan peratus kehadiran murid ke sekolah seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Dengan keberanian dan keyakinan diri yang tinggi Tuan Pengetua juga, beberapa program yang diadakan dengan skala yang besar, melibatkan agensi-agensi luar atas nama BM Valley, satu idea bijak, menarik dan mampan yang mampu manarik kehadiran masyarakat sekeliling ke sekolah, mengambil bahagian dalam program yang

dirancang, sedikit sebanyak mengubah pandangan masyarakat SMK Batu Maung dari sekolah corot kepada sekolah yang mempunyai potensi yang akan membangun di masa hadapan.

## CADANGAN PENAMBAHBAIKAN SMART TAG

Setiap organisasi wajib menetapkan hala tuju dan objektif yang jelas dan terancang. Hala tuju dan objektif yang jelas mampu menyatukan jiwa dan semangat kerjasama dalam satu hala serta mengelakkan perselisihan antara warga sekolah. Untuk mencapai matlamat organisasi dan membawa perubahan kepimpinan berkesan, pengurusan berwawasan serta mempunyai hala tuju yang jelas menjadi teras kepada kejayaan (Edaris Abbu Bakri, 2005). M. Khata Jabor dan Zaipah binti Ismail (2015) dalam kajian mereka Kepimpinan Berkesan dalam Kalangan Pengetua di Sekolah Adalah Penentu Pendidikan Abad ke 21 menukilkan kenyataan Profesor Datuk Dr Ahmad Zainuddin Pengarah UNISEL Shah Alam, Kepimpinan unik seorang pemimpin yang baik merangkumi kebolehan memberikan hala tuju yang jelas, menggalakkan organisasi supaya cenderung kepada pendidikan, memacu organisasi supaya lebih berkesan dan berkeperibadian yang menyokong usaha percambahan ilmu.

Beliau menjelaskan, faktor kritikal yang menentukan pencapaian cemerlang organisasi adalah pengurusan yang baik dan kepimpinan strategik. Yang kedua ialah setiap projek yang dirancang perlu berterusan dan tidak bersifat tahun semasa serta penambahbaikan mesti dilaksanakan dari masa ke semasa. Projek yang berterusan menghasilkan persekitaran sekolah yang murni dan lebih segar. Menurut Jamalullail Abdul Wahab, Nor'Azlin Salamun @ Mohamed Ameer Hazim Mustapa, Fairous Ismail dan Md Fuad Md Rafik (2012) dalam kajian mereka, Amalan Pengurusan Sekolah Berkesan Pentadbir Sekolah Rendah Agama Integrasi Negeri Selangor, mendapati aspek utama yang penting iaitu perkongsian matlamat dan hala tuju, amalan baik yang berterusan serta kejelekitan dan kerjasama telah diamalkan oleh pentadir pada tahap tinggi dan menepati ciri-ciri sekolah berkesan. Penambahbaikan perlu dilakukan bagi menutup segala kelompongan projek yang dirancang dan tuntutan semasa yang mungkin berubah mengikut keperluan.

## KESIMPULAN

Keputusan SPM 2021 yang diumumkan telah membuka wacana baharu yang merubah landskap SMK Batu Maung. Peningkatan GPS yang terbaik sejak penubuhan sekolah telah membuka minda semua pihak terutama sekali para guru dimana SMK Batu Maung mempunyai kekuatan tersendiri. Komitmen pentadbir sekolah dalam menggerakkan elemen kekuatan sekolah misalnya para guru dan murid, ditambah pula mengupayakan peranan PIBKS menjadi pemangkin kepada kecemerlangan sekolah. Isu ketidakhadiran murid menjadi wadah untuk sekolah tangani dengan kerjasama erat semua pihak. SMK Batu Maung telah menjadi tempat semua pihak pemegang taruh untuk saling bekerjasama, bersama-sama berganding bahu dalam membentuk kemenjadian murid secara holistik.

## RUJUKAN

- Johari Hassan & Nik Selma Muhammad (2010), *Faktor- Faktor Yang Menyebabkan Masalah Ponteng Sekolah di Sekolah Menengah Daerah Kulajaya, Johor*, UTM Institutional Repository.
- Hanifah mahat, Nasir Nayan, Yazid Salleh, Mohmadisa Hashim, Saiyidatina Balkhis Norkhaidi (2021) *Kompetensi Profesionalisme Guru Geografi di Malaysia*, Malaysian Journal of Society and Space 17 issue 3.
- Saravanan Munian dan Shahizan Hassan (2020) *Hubungan Antara Kepimpinan Transformasi Guru Besar dan Komitmen Kerja Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah di Daerah Kulim Bandar Baharu Kedah*, Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities
- Nadiah Bani Amin, Amizawati Mohd Amir dan Siti Farahhani Ismail (2019) *Key Performance Indicators Tugas, Ganjaran dan Prestasi Kerja Guru Sekolah Kerajaan*, Jurnal Kepimpinan Pendidikan UKM.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil dan Nordin Abdul Razak (2010) *Hubungan Guru- Murid dan Kaitannya Dengan Komitmen Belajar Murid: Adakah Guru Berkualiti Menghasilkan Perbezaan Pembelajaran Antara Jantina Murid*, UKM Journal Article Repository.
- Kamarul Azmi Jasmi, Noor Fadhlina Nawawi (2012) *Model Guru Berkualiti Dari Perspektif Tokoh Pendidikan Islam dan Barat*, Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI 2012).

LAMPIRAN





**Kelas pemulihan Al-Quran secara percuma oleh muslimah Masjid Umar bin Abdul Aziz**



**Smart Teacher – Pertukaran guru Unit Bahasa Melayu dengan sekolah jiran.**



**Kelas bimbingan dan penggunaan dewan komuniti di persekitaran kediaman murid oleh guru dan bekas murid**

**Smart Class – Penggunaan smart TV**





**Komputer riba 1 MaLAYSIA  
Batu Maung Valley –  
kerjasama SMKBM**

**Program Ziarah Cakna dengan  
3 buah sekolah rendah berdekatan.**



**Program Bakul Makanan**



**Smart Gate.**

## Projek 6

### Sahsiah Mulia Aspirasi Rutin Terpuji (SMART)

**Mardiana Binti Abd Rahman  
Norizawati Binti Abidin  
Nazriah Binti Mohd Nor  
Fifi Ningrum Binti Mohammad Salleh  
Mohamad Zaidi Bin Dahalan  
Mohamad Zawadey Bin Yusof**

**SK Merbok (Pusat) 08400 Merbok, Kedah.**

**Bidang Fokus:** Hal Ehwal Murid (Sahsiah Murid)

#### PENGENALAN PROJEK

**SMART** merupakan program di bawah Unit Hal Ehwal Murid. Program ini telah dijalankan di sekolah sejak tahun 2022 dan masih dilaksanakan hingga tahun 2023. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk melahirkan murid yang berdisiplin. Fokus program ini adalah pada waktu rehat selama 30 minit agar masa rehat dapat digunakan sebaik mungkin oleh murid dengan mengisi masa terluang dengan perkara-perkara yang berfaedah sebelum dan selepas makan. Di atas dasar keprihatinan barisan pentadbir dan guru-guru SK Merbok (Pusat) maka lahirlah program SMART ini bagi melatih murid dari segi sahsiah dan adab dari awal pembesaran mereka. Bak kata pepatah '**Melentur Buluh Biarlah Dari Rebungnya**'. Secara tidak langsung melalui program ini, murid akan dapat makan dengan lebih selesa di meja makan yang telah ditetapkan tanpa berebut-rebut. Melalui program ini juga murid dapat mempraktikkan adab ketika makan, amalan membasuh tangan, membaca doa makan, meletakkan bekas makanan di tempat yang disediakan selepas makan sebagai rutin harian dan sekaligus dapat membentuk sahsiah dan disiplin murid. Aktiviti-aktiviti yang disediakan pada waktu rehat juga dapat melatih murid untuk menghargai masa dengan melakukan perkara yang berfaedah.

## LATAR BELAKANG SEKOLAH



**Rajah 1 : Lencana Sekolah**

Nama	: Sekolah Kebangsaan Merbok (Pusat)
Alamat	: 08400 Merbok, Kedah Darul Aman.
Kod	: KBE3011
Lokasi	: Luar Bandar
Penubuhan	1912
Persekolahan	: Satu sesi

**Jadual 1 : Statistik sekolah tahun 2023**

Kategori	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Guru	7	20	27
Prasekolah	16	10	26
Murid tahap 1	67	73	140
Murid tahap 2	74	67	161
Jumlah	164	170	334

## ISU DAN CABARAN

i. Amalan murid makan di tepi longkang

Berdasarkan pemerhatian daripada Unit Hal Ehwal Murid dan AJK Kantin mendapati kebanyakan murid tahap 1 dan tahap 2 gemar makan di tepi longkang pada waktu rehat. Keadaan ini mencatatkan pemandangan serta memberi kesan yang tidak baik kepada pihak sekolah sekiranya ada pemantauan daripada pihak luar.

ii. Murid makan di dalam kelas

Pada waktu rehat, murid-murid sering makan di dalam kelas terutamanya murid-murid tahap 1. Keadaan ini akan menyebabkan kelas menjadi kotor dan tong sampah di dalam kelas dipenuhi dengan sisa makanan. Keadaan ini menimbulkan bau kurang enak di dalam kelas.

iii. Keadaan murid tidak terkawal selepas makan

Pemerhatian daripada AJK Kantin mendapati, selepas selesai makan, murid suka berlari dan bermain di dalam kelas terutamanya murid-murid tahap 1. Keadaan ini mengakibatkan disiplin murid tidak dapat dikawal pada waktu rehat. Keselamatan murid juga agak merbahaya kerana murid berada di tempat yang tidak sepatutnya tanpa kawalan guru dan pengawas sekolah.

iv. Proses pengajaran dan pembelajaran murid tahap 2 terganggu

Memandangkan kantin sekolah berdekatan dengan bangunan kelas tahap 2, keadaan ini sedikit sebanyak akan menjejaskan sesi pengajaran dan pembelajaran ketika waktu rehat tahap 1 kerana keadaan yang agak bising. Murid Tahap 1 juga sering berkeliaran di kawasan kelas Tahap 2.

## OBJEKTIF

- i. Melatih murid makan dan duduk dengan tertib di meja makan.
- ii. Mengurangkan masalah berdisiplin pada waktu rehat.
- iii. Menerapkan nilai-nilai keislaman dan adab ketika makan.
- iv. Mengisi waktu terluang dengan aktiviti berfaedah pada waktu rehat.

## INISIATIF PROJEK

**Aktiviti 1 : Sediakan meja dan kerusi yang mencukupi mengikut bilangan murid. Agihan satu murid satu meja satu kerusi**

AJK kantin sekolah telah bekerjasama dengan pihak kantin sekolah menyediakan tempat makan yang selesa untuk murid dengan menyediakan meja dan kerusi yang cukup di kantin untuk setiap murid tahap 1 dan tahap 2. Setiap meja telah ditetapkan nama mengikut tahap. Kain untuk mengelap meja di sediakan secukupnya untuk setiap meja makan. Meja juga dibalut dan dilekatkan dengan maklumat berinformasiriasi bagi tujuan menarik minat murid untuk makan di meja yang ditetapkan.

**Aktiviti 2 : Menyediakan aktiviti untuk murid seperti permainan dam, mini golf, mini bowling dan televisyen.**

Di setiap meja disediakan permainan dam untuk murid mengisi masa lapang selepas makan. Di kawasan berhampiran kantin di sediakan permainan mini golf, mini *bowling*, mural 3D air terjun, santai *corner* dan *smart tv*.

**Aktiviti 3 : Melaksanakan Kem Pemantapan Sahsiah Diri Dan Disiplin Murid**

Unit Disiplin dan Kaunseling sekolah telah mengadakan Kem Pemantapan Sahsiah Diri Dan Disiplin Murid selama dua hari. Kem ini bertujuan untuk membina sahsiah murid dan sekaligus untuk membina disiplin murid walaupun di mana sahaja mereka berada. Unit Disiplin dan Kaunseling sekolah telah menjemput Kaunselor dan PRS dari SM Sains Sultan Mohammad Jiwa sebagai fasilitator. Pengisian kem ini menekankan tentang peraturan dan adab ketika di kantin.

**Aktiviti 4 : Badan Disiplin melantik pengawas khas bertugas di kantin untuk mengawal murid pada waktu rehat.**


Badan Disiplin telah melantik pengawas bertugas di kantin pada waktu rehat mengikut jadual yang telah disediakan. Pengawas yang bertugas akan dibenarkan keluar rehat

10 minit awal. Pengawas-pengawas ini akan membantu guru bertugas mingguan dalam mengawal disiplin murid pada waktu rehat. Fungsi pengawas bertugas di kantin ini adalah amat penting bagi memastikan keadaan di kantin pada waktu rehat dalam keadaan terkawal.

### **Aktiviti 5 : Penyampaikan informasi kesihatan pada waktu rehat.**

Kelab Doktor Muda telah mengambil inisiatif dalam menjayakan program ini dengan mengambil slot kesihatan setiap bulan pada waktu rehat. Pelbagai maklumat berkaitan kesihatan akan disampaikan oleh guru Penasihat Kelab Doktor Muda. Di samping itu, Kelab Doktor Muda juga mengadakan reruai untuk memotong kuku pada setiap hari Selasa setiap minggu. Murid berpeluang memotong kuku sekaligus dapat menerapkan nilai murni di dalam diri tentang pentingnya menjaga kebersihan diri.

## **PELAKSANAAN SMART**



Rajah 2 : Carta Pelaksanaan Projek SMART

## IMPAK SMART

i. Kem Pemantapan Sahsiah Diri Dan Disiplin Murid yang dilaksanakan telah memberi kesan yang positif terhadap disiplin murid serta dapat membina jati diri murid-murid SK Merbok (Pusat). Dalam kem ini juga turut diselitkan etika ketika berada di kantin dan adab-adab ketika makan. Selepas mengikuti kem tersebut, murid-murid SK Merbok (Pusat) telah mengamalkan amalan bacaan doa sebelum dan selepas makan sebagai rutin harian.

ii. Murid makan di meja dan kerusi yang telah disediakan. Secara tidak langsung murid dapat makan dengan selesa dan tidak perlu lagi berebut-rebut tempat duduk.

iii. Murid berkerjasama membersihkan meja masing-masing selepas makan. Semua murid dipertanggungjawabkan untuk menjaga kebersihan meja masing-masing. Rutin membersihkan meja ini dapat menerapkan nilai-nilai murni di dalam diri dengan menjaga kebersihan dan menjaga adab ketika makan.

lv. Murid lebih berdisiplin dan beratur sebelum bergerak dalam barisan untuk masuk ke kelas setelah tamat waktu rehat. Doa selepas makan dibaca beramai-ramai sebelum masuk ke kelas.

v. Murid mengisi masa rehat dengan perkara berfaedah seperti menonton televisyen, bermain dam, golf dan *bowling*. Melalui aktiviti ini dapat memupuk sahsiah murid di mana murid perlu mematuhi peraturan permainan dan meletakkan semula peralatan di tempat yang disediakan. Semangat kesukanan juga dapat diterapkan di dalam diri murid-murid. Murid juga mendapat informasi melalui tayangan yang disediakan. Aktiviti-aktiviti yang disediakan bertujuan untuk mengisi masa murid agar tidak berkeliaran selepas makan dan murid boleh melakukan aktiviti-aktiviti yang berfaedah pada waktu senggang.

vi. Murid mendapat pelbagai informasi melalui guru pada waktu rehat.

Kelab Doktor Muda telah mengambil inisiatif dalam menjayakan program ini dengan mengambil slot kesihatan setiap bulan pada waktu rehat. Pelbagai informasi berkaitan kesihatan akan disampaikan oleh guru Penasihat Kelab Doktor Muda. Di samping itu Kelab Doktor Muda juga mengadakan reruai untuk memotong kuku pada setiap hari

Selasa setiap minggu. Murid berpeluang memotong kuku sekaligus dapat menerapkan nilai murni di dalam diri tentang pentingnya menjaga kebersihan diri. Mendapat pujian daripada En Wan Nor Azman Zainol KPPK Pembangunan Bakat Murid Jabatan Pendidikan Negeri Kedah yang datang memantau ke SK Merbok (Pusat) .

## KEKUATAN SMART

### i. Guru yang berdedikasi

SK Merbok (Pusat) mempunyai guru-guru yang sangat berdedikasi dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Setiap tugas yang diberi pasti akan dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh.

### ii. Kolaborasi antara unit-unit HEM

SMART telah dilaksanakan bersama gabungan daripada unit-unit HEM iaitu Badan Disiplin dan Pengawas, Unit Kaunseling dan AJK Kantin. Kolaborasi ini menunjukkan kerjasama berpasukan yang mantap untuk membentuk modal insan dan sahsiah unggul murid-murid SK Merbok (Pusat).

## CABARAN SMART

Usaha mendidik dan membentuk rutin yang baru dalam diri murid-murid bukanlah satu perkara mudah. Amalan yang cuba diterapkan ini perlu diulang berkali-kali sehingga menjadi rutin dan kebiasaan kepada murid-murid. Guru-guru perlu memantau dari masa ke semasa agar rutin ini tetap diteruskan dan dibuat penambahbaikan di masa depan.

Langkah Ke Hadapan: Pendigitalan dalam Program SMART

Untuk meningkatkan keberkesanan Program SMART, pendigitalan adalah langkah penting yang boleh diambil. Integrasi teknologi digital dalam program ini bukan sahaja memudahkan pengurusan tetapi juga menawarkan peluang baru untuk memperkaya pengalaman murid. Berikut adalah beberapa langkah ke hadapan yang boleh dipertimbangkan:

## **Penggunaan Aplikasi Digital untuk Pemantauan dan Pengurusan Platform**

**Pengurusan Aktiviti:** Menggunakan aplikasi atau platform digital untuk memantau dan menguruskan aktiviti semasa waktu rehat. Ini termasuk penjadualan, pendaftaran aktiviti, dan penilaian kehadiran murid secara automatik.

**Sistem Penilaian Automatik:** Mewujudkan sistem penilaian automatik yang membolehkan guru dan pentadbir untuk memantau kemajuan disiplin murid secara real-time, serta memberi maklum balas yang lebih cepat dan tepat.

## **Pembangunan Aplikasi Mobile untuk Murid**

**Aplikasi Interaktif:** Membangunkan aplikasi mudah alih yang membolehkan murid-murid untuk memilih dan mendaftar dalam aktiviti semasa waktu rehat, serta mengakses maklumat tentang aktiviti yang ditawarkan.

**Platform Keterlibatan:** Mengintegrasikan elemen gamifikasi dan interaktiviti dalam aplikasi untuk meningkatkan penglibatan murid dan memotivasi mereka untuk aktif dalam program.

## **Penggunaan Data untuk Penambahbaikan Berterusan**

**Analisis Data:** Mengumpulkan dan menganalisis data tentang penglibatan murid, jenis aktiviti yang paling popular, dan kesan program terhadap disiplin. Ini boleh membantu dalam membuat keputusan yang lebih baik mengenai pengurusan aktiviti dan menyesuaikan program untuk memenuhi keperluan murid.

**Laporan dan Statistik:** Menyediakan laporan dan statistik berkala yang boleh diakses oleh pentadbir dan guru untuk menilai keberkesanan program dan mengenal pasti kawasan yang memerlukan penambahbaikan.

**Integrasi dengan Sistem Sekolah**

**Penghubung dengan Sistem Pendidikan:** Mengintegrasikan Program SMART dengan sistem pengurusan sekolah yang sedia ada untuk memastikan maklumat yang

konsisten dan memudahkan penyelarasan antara aktiviti waktu rehat dan kurikulum sekolah.

Platform Komunikasi: Mewujudkan saluran komunikasi digital antara guru, ibu bapa, dan murid untuk memperkemas penyampaian maklumat dan maklum balas mengenai disiplin dan aktiviti.

### **Latihan dan Pendidikan Teknologi**

Latihan untuk Guru dan Staf: Memberi latihan kepada guru dan staf mengenai penggunaan teknologi digital dalam pengurusan Program SMART untuk memastikan mereka dapat memanfaatkan sepenuhnya alat-alat digital yang disediakan.

Kempen Kesedaran: Menjalankan kempen kesedaran tentang kepentingan teknologi dan cara penggunaannya dalam meningkatkan disiplin dan pengalaman waktu rehat di kalangan murid.

Dengan menerapkan langkah-langkah pendigitalan ini, Program SMART bukan sahaja akan menjadi lebih berkesan dalam menangani isu disiplin murid tetapi juga akan menyediakan persekitaran waktu rehat yang lebih teratur, menarik, dan bermanfaat. Ini akan menyumbang kepada pembentukan sahsiah murid yang unggul dan mempersiapkan mereka untuk menghadapi cabaran dalam dunia yang semakin digital.

## **KEPIMPINAN PENDIDIKAN**

Usaha mendisiplinkan murid bukan hanya digalas oleh badan disiplin dan pengawas sekolah semata-mata. Tugas membentuk sahsiah dan amalan baik murid pula bukan hanya terlatak di bahu Guru Bimbingan Kaunseling sahaja. Membentuk modal insan yangseimbang adalah tanggungjawab semua guru. Justeru itu, peranan pihak pentadbir terutamanya Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid dan sokongan Guru Besar sangat penting dalam usaha menggerakkan jentera di bawah unit HEM untuk melaksanakan program-program yang menjurus kepada disiplin, sahsiah dan amalan baik sesebuah sekolah.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, program SMART merupakan satu kaedah yang boleh diaplikasikan untuk membantu menyelesaikan masalah disiplin murid-murid terutamanya pada waktu rehat. Ianya merupakan satu pendekatan yang dapat memenuhi keperluan fisiologi dan keselamatan murid-murid serta mewujudkan suasana yang kondusif dan menyeronokkan bagi murid. Dengan adanya SMART ini merupakan satu usaha bagi memantapkan disiplin murid dan akhirnya akan menghasilkan sahsiah murid yang unggul .

## LAMPIRAN



Suasana kantin yang telah disediakan dengan senarai nama murid pada setiapmeja serta kain pengelap meja.




Mural Air Terjun dan padang mini golf




Kain rentang pelaksanaan Kem Pemantapan Sahsiah Diri Dan Disiplin Murid

Jadual tugas pengawas pada waktu rehat tahap 1 dan tahap 2



Suasana waktu rehat. Setiap murid duduk di tempat yang telah disediakan.



Gambar sekitar Kem Pemantapan Sahsiah Diri Dan Disiplin Murid berlangsung



Murid makan dengan tertib di meja makan



Murid beratur dan membaca doa sebelum masuk ke kelas



Murid mengisi masa terluang selepas makan dengan pelbagai aktiviti

SUMUR teras 03 : Penampilan Diri  
Selingan aktiviti memotong kuku pada waktu  
rehat. Tqsm cikgu **Fifi Aulia** penyelaras kantin &  
cikgu nazriah suhem

"Minda Sihat, Emosi Sejahtera membina  
Sahsiah Unggul Murid"



SUMUR teras 03 : Penampilan Diri  
Penjagaan rambut. Terbaik doktor **Fifi Aulia** &  
kak naz. Semoga istiqomah menyelitkan  
pelbagai pengisian pada waktu rehat.

Minda Sihat, Emosi Sejahtera membina Sahsiah  
Unggul Murid



Laporan aktiviti Penampilan Diri dilaksanakan pada waktu rehat

 **Wan Nor Azman Zainol is with Sufinar Abu Bakar and Chu Uda Chu Wan.**  
22 Nov 2022 · 🌐

Tahniah Sek Keb. Merbok Pusat  
Syabas pihak Pengurusan sekolah  
Terbaik pengurusan kantin  
Anda semua telah berjaya menguruskan  
program RMT dengan begitu cemerlang  
Telah mendapatkan pengiktirafan drp  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Setiap meja makan ada nama pelajar  
Didik pelajar menjaga kebersihan drp awal  
Program Laman Minda Sihat juga berada  
dalam kelas yang sangat dibanggakan

Teruskan kecemerlangan demi kemenjadian  
murid

**KEBERSAMAAN MEMACU PENDIDIKAN  
KEDAH**



The collage consists of four photographs. The top-left photo shows a school canteen with long wooden tables and green chairs. The top-right photo shows a display board with various notices and posters. The bottom-left photo shows a display board with a list of names. The bottom-right photo shows a mural of a river and trees, with a table and chairs in front of it.

Ucapan tahniah daripada pegawai JPN Kedah dalam laman Facebook



Lawatan penanda aras dari SK Bandar Laguna Merbok

# Projek 7

## AMALAN TERBAIK PENGURUSAN KEMARAHAN MENGUNAKAN BEG EMOSI DALAM SESI KAUNSELING

**Rosliza Johari, SK Seri Bemban, Melaka**  
**Dr. Gooh Mo Lee, SK (P) Methodist, 2 Melaka**  
**Dr. Linda bt Jamaluddin, Jabatan Perkhidmatan Awam**  
**Dr. Noor Haslinda Shuib, IPG Kampus Pendidikan Teknik Bandar Enstek**

**Bidang Fokus:** Hal Ehwal Murid (Bimbingan dan Kaunseling)

### PENGENALAN PROJEK

Di Malaysia, tingkah laku agresif dan kes buli yang melibatkan kanak-kanak dan remaja merupakan salah satu masalah sosial yang semakin kritikal dan perlu diatasi dengan baik kerana kanak-kanak dan remaja merupakan aset negara di masa depan. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia memandang serius terhadap tingkah laku agresif dan buli yang melibatkan murid sekolah yang semakin membimbangkan semua pihak. Menurut Feldman (2001) dan Baron dan Bryne (2004), tingkah laku agresif bermaksud sebarang tindakan yang bertujuan untuk mencederakan orang lain. Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon dan How Lee Chan (2007) bersetuju bahawa sikap agresif ialah sebarang tingkah laku yang dirancang untuk mencederakan orang lain kerana kemarahan yang ada pada diri seseorang. Oleh itu, **Amalan Terbaik Pengurusan Kemarahan Menggunakan Beg Emosi** bertujuan untuk membantu murid-murid di sekolah untuk mengurus kemarahan dan tingkah laku agresif dengan cara yang selamat.

### LATAR BELAKANG PROGRAM

Kanak-kanak pada masa kini banyak menghadapi masalah kesihatan mental disebabkan oleh faktor-faktor seperti perselisihan faham dengan rakan sebaya, menjadi mangsa buli, penderaan, pengabaian dan isu sosial yang lain. Pengalaman traumatik dan konflik tersebut boleh mencetuskan kemarahan pada diri seseorang sehingga menimbulkan kes disiplin di sekolah. Tingkah laku yang agresif boleh

memberi kesan kepada kesihatan mental murid tersebut dan boleh memberi kesan kepada perkembangan emosi sehingga menyebabkan kemurungan dan kes membunuh diri (Lieberman, 2007). Justeru, Beg Emosi dicipta bertujuan untuk membantu kanak-kanak untuk melepaskan tenaga yang berlebihan secara sihat, selamat dan bebas semasa dalam keadaan marah.

## ISU DAN CABARAN

### a) Isu yang dikenal pasti dan perlu ditambah baik

Kanak-kanak pada masa kini menghadapi pelbagai tekanan yang boleh menyebabkan kemarahan terpendam. Isu di sekolah seperti buli dan pergaduhan boleh memberi impak terhadap emosi kanak-kanak. Manakala isu keluarga juga memberi kesan yang mendalam kepada kanak-kanak yang boleh menyebabkan kemarahan yang akan menyebabkan kanak-kanak menyalurkan kemarahan tersebut pada tempat dan masa yang tidak sepatutnya. Marah adalah naluri manusia, ia perlu diurus dengan baik sejak dari usia kanak-kanak, marah yang tidak dibendung boleh menjejaskan empunya diri termasuk orang sekelilingnya (Mohammad Rahim Kamaluddin, 2020).

### Analisis Keperluan Projek

Punca kemarahan boleh datang dari pelbagai sebab. Hughes, LaGreca dan Coneley (2001) menyatakan bahawa kemarahan dan dendam dalam kalangan kanak-kanak dan remaja adalah berpunca daripada *broken family*. Ia turut disokong oleh Orsan (2005) yang menyatakan bahawa kepincangan keluarga adalah penyumbang kepada lahirnya emosi marah yang negatif dalam diri kanak-kanak dan remaja. Tambahannya lagi, ibu bapa yang sering marah juga akan menyebabkan kanak-kanak dan remaja meniru sikap ibu bapa yang sering menunjukkan emosi marah. Menurut Coles, Green dan Braithwaite (2002), perasaan tidak puas hati terhadap tingkah-laku pasangan, sikap kanak-kanak, karenah ibu bapa dan sikap rakan sekeliling turut menjadi punca kemarahan.

## OBJEKTIF PROJEK

1. Membantu kanak-kanak mengekspresikan emosi marah, sedih dan kecewa yang terpendam dengan menggunakan Beg Emosi.
2. Membantu kanak-kanak melepaskan tingkah laku yang agresif dengan bebas dan selamat dengan menggunakan Beg Emosi.
3. Menyediakan terapi kepada kanak-kanak supaya mereka dapat melepaskan tekanan dengan cara yang kreatif dan sesuai dengan menggunakan Beg Emosi.

## INISIATIF PROJEK

### Proses Membina Hubungan dengan Pihak Luar

Projek ini mendapat kerjasama, sumbangan material dan buah fikiran dari beberapa sumber yang pakar serta sokongan kewangan dari Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Sokongan dari pihak luar bermula dari tahun 2018 iaitu dari pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam memberi sumbangan modul pelaksanaan sesi dan mainan 'punching bag' serta mainan lain lagi. Proses pelaksanaan sesi juga dijalankan dengan berpandukan pendekatan Terapi Bermain. Guru Bimbingan dan Kaunseling diberi latihan dalam terapi bermain selama 18 jam kursus TOT (*train of trainers*) oleh pakar. Melalui pelaksanaan pendekatan Terapi Bermain menggunakan 'punching bag' maka tercipta Beg Emosi yang dibuat sendiri. *Punching Bag* yang asal adalah tidak lasak, mudah koyak dan terlalu kecil dan ringan.

### Pelaksanaan Projek/Aktiviti

Beg Emosi dicipta oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling dengan menggunakan material yang lebih lasak, saiz yang sesuai, berat yang sesuai dan sesuai dengan kekuatan tenaga yang akan dilepaskan oleh kanak-kanak semasa sesi. Projek ini berjalan dari tahun 2019 dan berterusan sehingga kini. Kain yang digunakan adalah dari jenis flannel (felt) yang mempunyai ketebalan 1mm. Manakala bahan di dalam Beg Emosi adalah terdiri daripada kain-kain perca dan perca kulit kusyen yang dibeli secara pukal.

## PENCAPAIAN / KEBERKESANAN / IMPAK PELAKSANAAN PROJEK / AKTIVITI KEPADA SEKOLAH

Projek ini telah mendapat Pingat Perak dalam pertandingan Inovasi dan Kreativiti Psikologi & Kaunseling (kategori alat/bahan) anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelaksanaan projek inovasi ini mendapat sokongan dan kerjasama yang baik dari guru-guru, pentadbir dan pihak PIBG. Malahan mendapat penghargaan daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah Jasin dan Jabatan Pendidikan Melaka. Pejabat Pendidikan Daerah Jasin telah menjemput untuk membuat pameran sempena Hari Terbuka PPD Jasin pada tahun 2022 dan 2023. Manakala pihak JPN Melaka memberi galakan dan sokongan ketika penyertaan dalam Pertandingan Poster Kajian Pengurusan Kemarahan Dalam Kalangan Kanak-kanak Dengan Menggunakan Beg Emosi Peringkat Kebangsaan pada tahun 2022.

Sebelum pelaksanaan secara berterusan dijalankan, kajian keberkesanan penggunaan Beg Emosi dijalankan terlebih dahulu. Lima orang responden telah dipilih terdiri daripada murid Tahun Lima (tiga lelaki dan dua perempuan). Kajian dijalankan secara sesi kaunseling kelompok sebanyak lima sesi dalam tempoh masa 60 minit untuk membantu kanak-kanak mengekspresikan tenaga fizikal yang berlebihan secara sihat, selamat dan bebas semasa dalam keadaan marah dan tertekan dengan menggunakan inovasi Beg Emosi. Kaedah pengumpulan data yang pertama ialah melalui pemerhatian. Tujuan pemerhatian dijalankan sepanjang sesi kaunseling kelompok adalah bertujuan untuk membandingkan tingkah laku peserta kajian sebelum dan selepas mengikuti sesi kaunseling kelompok dengan menggunakan Beg Emosi.

Temu bual juga telah dijalankan sebelum dan selepas peserta kajian mengikuti sesi kaunseling kelompok dengan menggunakan inovasi Beg Emosi. Berikut ialah dapatan temu bual dengan guru kelas peserta kajian sebelum mereka mengikuti sesi kaunseling kelompok dengan menggunakan inovasi Beg Emosi :-

“Murid A cepat marah dan sukar untuk kawal kemarahan”. (TBG1)

“Murid B akan bertindak agresif bila kawan ejek nama dia”. “Dia akan maki hamun

pada rakan yang ejek nama dia". (TBG2)

"Murid C suka menjerit-jerit bila rasa marah atau stres". (TBG3)

"Murid D mudah marah". (TBG4)

"Murid E tak dapat kawal kemarahan dan akan bergaduh dengan rakan sehingga mahu menumbuk rakan". (TBG5)

Berikut ialah dapatan temu bual dengan guru kelas peserta kajian selepas mereka mengikuti sesi kaunseling kelompok dengan menggunakan Beg Emosi :-

"Nampak dia dah boleh kawal kemarahan". (TBGS1)

"Tingkah laku agresif dia semakin berkurangan". (TBGS2)

"Murid C tidak lagi menjerit-jerit di dalam kelas, nampak dia lebih tenang".(TBGS3)

"Dia dah boleh bersabar dan mengawal kemarahan". (TBGS4)

"Murid E kurang bergaduh dengan rakan, nampak dia dah berubah". (TBGS5)

## KEKUATAN PROJEK

Kekuatan projek adalah berdasarkan kepada teori pembelajaran sosial oleh Albert Bandura dan Pemusatan Kanak-Kanak oleh Landreth (2012). Teori Pembelajaran Albert Bandura (1969) mengandaikan bahawa kebanyakan tingkah laku kanak-kanak dipelajari dengan cara memerhatikan tingkah laku orang lain. Teori seterusnya ialah Teori Pemusatan Kanak-kanak dari asas teori Pemusatan Klien oleh model Carl Rogers yang dibentuk pada tahun 1951 (Landreth, 2012). Teori ini menekankan perhubungan antara kanak-kanak dan kaunselor. Perhubungan ini merupakan pemangkin untuk tujuan penyembuhan yang terapeutik. Oleh itu, Teori Bermain Pemusatan Kanak-kanak mengandaikan bahawa kanak-kanak merupakan sumber informasirmasi yang terbaik untuk mengenali diri mereka dan berkebolehan untuk mengarahkan diri untuk membesar dengan sempurna (Landreth, 2012). Sikap kaunselor yang prihatin, empati, mesra dan memahami serta tumpuannya kepada kekuatan dan refleksi perasaan kanak-kanak akan dapat memudahkan kanak-kanak membuat eksplorasi sendiri. Kanak-kanak secara semulajadi sentiasa belajar dengan bermain. Beg Emosi ini adalah cara selamat menyalurkan kemarahan menggunakan Terapi Bermain Kanak-kanak.

## CABARAN PELAKSANAAN PROJEK

Cabaran utama pelaksanaan projek ini ialah dalam membuka minda warga sekolah untuk memahami tujuan, objektif dan keberkesanan penggunaan Beg Emosi. Guru Bimbingan dan Kaunseling telah membentangkan perancangan dan laporan program kepada semua warga sekolah agar warga sekolah memahami bagaimana Beg Emosi ini berfungsi.

## KEPIMPINAN GURU BESAR ATAU KETUA JABATAN

Guru besar bukan sahaja menjadi pemimpin tertinggi yang menduduki kerusi teratas dalam hierarki organisasi sekolah tetapi mereka juga bertanggungjawab menentukan kualiti sekolah yang mereka terajui berada di tahap cemerlang (Fullan, 2007; Harris, 2014). Justeru, Guru Besar SK Seri Bemban iaitu Puan Fapasukanah bt Yahaya memainkan peranan yang besar dalam menjayakan projek ini. Gaya kepimpinan beliau melalui pendekatan demokratik yang beliau praktikkan dapat menjayakan pelaksanaan projek Inovasi Beg Emosi. Beliau menggalakkan kerja berpasukan dalam melahirkan murid yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial seiring dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Selain dari itu beliau juga amat menggalakkan penglibatan guru-guru dan pakar dari pihak luar dalam usaha pembaharuan dalam gerak kerja serta inovasi. Puan Fapasukanah memberi sokongan yang penuh dalam projek ini dari awal kerana beliau percaya bahawa impak yang diperolehi mampu mengubah iklim disiplin sekolah. Menurut Jamaliah Abdul Hamid (2005), daya kepimpinan adalah tahap pengaruh yang mampu dilakukan oleh seseorang pemimpin. Seseorang pemimpin harus sentiasa mencari idea inovatif untuk mempengaruhi tingkahlaku pengikutnya, sebagai contoh melalui pemberian insentif yang kreatif, penonjolan teladan atau model dari pelbagai amalan terbaik, sistem hubungan yang terbuka atau melalui cerita-cerita kejayaan. Semakin tinggi daya kepimpinan seorang ketua, semakin teguh kepimpinannya.

## CADANGAN PENAMBAHBAIKAN UNTUK MASA AKAN DATANG

Antara cadangan penambahbaikan yang boleh dibuat ialah membina modul pengurusan kemarahan dengan menggunakan Beg Emosi di kalangan kanak-kanak secara holistik supaya dapat membantu lebih ramai kanak-kanak di seluruh negara. Selain dari itu, Beg Emosi boleh dibentuk dengan pelbagai 'shape' agar dapat menarik perhatian dan minat kanak-kanak

Cadangan penambahbaikan dalam Program Beg Emosi termasuk pembangunan modul pengurusan kemarahan yang komprehensif dengan menggunakan pendekatan holistik. Modul ini perlu merangkumi teknik untuk mengenali, memahami, dan menguruskan emosi dengan strategi praktikal seperti latihan pernafasan dan aktiviti relaksasi yang sesuai dengan usia kanak-kanak. Untuk menarik minat kanak-kanak, Beg Emosi harus direka dengan pelbagai bentuk kreatif, seperti haiwan atau watak kartun, serta elemen interaktif yang dapat memberikan *sensasi tactile*.

Langkah ke hadapan melibatkan beberapa tindakan penting.

Pembangunan dan ujian prototip Beg Emosi yang pelbagai bentuk perlu dilakukan untuk mendapatkan maklum balas dari pengguna dan memastikan keselamatan. Latihan untuk pendidik, kaunselor, dan ibu bapa juga perlu disediakan, termasuk kursus dalam talian, untuk memastikan mereka dapat menggunakan modul ini dengan berkesan. Integrasi Beg Emosi ke dalam kurikulum sekolah sebagai sebahagian daripada pendidikan sosial dan emosi akan memastikan pendekatan yang konsisten.

Pemantauan dan penilaian berterusan perlu dijalankan melalui kaji selidik dan maklum balas untuk penambahbaikan yang berterusan. Selain itu, kempen kesedaran dan kerjasama dengan organisasi lain akan memperluas penggunaan Beg Emosi dan memberikan manfaat yang lebih luas kepada kanak-kanak di seluruh negara. Dengan langkah-langkah ini, program Beg Emosi dapat ditingkatkan untuk membantu lebih ramai kanak-kanak dalam menguruskan kemarahan mereka dan membina sahsiah yang positif.

## KESIMPULAN

Kajian ini telah membuktikan bahawa penggunaan *beg emosi* merupakan pendekatan yang berkesan dalam membantu kanak-kanak mengekspresikan tingkah laku agresif mereka dengan cara yang selamat dan tidak berbahaya. Melalui pendekatan ini, kanak-kanak diberi ruang untuk meluahkan perasaan negatif mereka, seperti kemarahan atau kekecewaan, tanpa menjejaskan kesejahteraan diri sendiri atau orang lain di sekeliling mereka. Ini bukan sahaja membantu mereka dalam mengurus emosi secara lebih terkawal, tetapi juga mengurangkan kebarangkalian teretusnya tingkah laku agresif yang boleh membawa kepada masalah disiplin.

Dengan adanya platform seperti *beg emosi*, murid-murid didapati lebih mampu mengendalikan perasaan mereka, seterusnya mengurangkan insidennya yang berkaitan dengan masalah tingkah laku. Ini membawa kepada persekitaran pembelajaran yang lebih harmoni dan kondusif, di mana murid-murid dapat berinteraksi secara positif antara satu sama lain dan fokus kepada pembelajaran tanpa terganggu oleh isu-isu disiplin.


Selain itu, pendekatan ini juga membantu guru-guru dan pihak sekolah dalam mengenal pasti murid-murid yang memerlukan sokongan tambahan dari segi pengurusan emosi. Dengan memahami punca di sebalik tingkah laku agresif, intervensi yang lebih tepat dan bersesuaian dapat dirangka untuk membantu murid-murid tersebut mengatasi cabaran emosi mereka.

Kesimpulannya, dapatan kajian ini menekankan betapa pentingnya inovasi seperti *beg emosi* dalam menyokong perkembangan emosi murid-murid. Dengan terus mengintegrasikan pendekatan-pendekatan seperti ini ke dalam sistem pendidikan, sekolah dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam membentuk individu yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga seimbang dari segi emosi dan sahsiah.


## RUJUKAN

- American Psychiatric Association (APA). (2010). *Disruptive Behaviour Disorders* - Dr Motayne, 1–13. [papers2://publication/uuid/92CFC900-9775-4255-9695-A237EDCD59](https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/22111111/)
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon & How Lee Chan. (2007). *Faktor-faktor yang mempengaruhi gejala ponteng dalam kalangan murid sekolah menengah di Johor*. Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Bandura, A. (1969). *Principles of Behavior Modification*. New York: Holt, Rinehart, & Winston.
- Bornstein, M. H. & Bradley, R. H. (2010). *Socioeconomic status, parenting and child development*. New Jersey: Erlbaum.
- Blanco, P.J., Muro, J.H. & Stickley, V.K. (2021). *Understanding the concept of genuineness in play therapy: Implications for the supervision and teaching of beginning play therapists*. *International Journal of Play Therapy*. Vol.23 (1): 44–54.
- Corey, Gerald. (2008). *Theory & Practise of Group Counseling. Seventh Edition. Pacific Grove, CA: Brooks/Cole. Disruptive behavior and parenting efficacy: a comparison of the effects of two models of insights*. *Journal of Community Psychology*, 38(8), 975-991. <http://doi.org/10.1002/jcop>
- Cochran, N.H., Nordling, W.J. & Cochran, J.L. (2020). *A Child-Centered Play Therapy: A Practical Guide to Developing Therapeutic Relationships with Children*. USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Landreth, G. L. (2012). *Play therapy: The art of the relationship (2nd Ed.)*. New York, NY: Brunner-Routledge.
- Maynard, A.S., Monk, J.D. & Booker, K.W. (2022). *Building empathy through ideaaantification and expression of emotions: A review of interactive tools for children with social deficits*. *Journal of Creativity in Mental Health*. Vol.6 (2): 166–175.
- Noor Haslinda Shuib. 2021. *Modul Modaliti Bermain Kanak-kanak (MBK) untuk meningkatkan kepintaran emosi*. Modul Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Lebar. (2015). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan kepada Teori dan Metode.*: Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

## LAMPIRAN



Penggunaan Beg Emosi semasa waktu rehat dengan dipantau oleh guru.



Penggunaan Beg Emosi semasa sesi kaunseling dijalankan.



Mainan untuk *Play Therapy* dan *Sandtray Therapy* disumbangkan oleh Dr. Noor Haslinda binti Shuib (UKM) bersama Modul Modaliti Bermain Kanak-kanak (MBK) untuk meningkatkan kepintaran emosi

Sebelum Inovasi (Material Jenis Plastik PVC). Mudah terkoyak dan pecah bahagian jahitan.

Selepas Inovasi (Materil dari Kain Jenis Flanel/Felt). Jahitan tangan- insang pari dan ditindih dengan jahitan jelujur yang kemas.



Inovasi Beg Emosi yang telah dibuat (*buatan tangan*) oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling

# Projek 8

## PROGRAM MOCK INTERVIEW DI MAKTAB RENDAH SAINS MARA

**Siti Roslina Mohammad Zain**

**Mohamad Zikri Remali**

**Maktab Rendah Sains MARA ATM BERA**

Jalan MARA, Mukim Triang

28300 Bera, Pahang

**Bidang Fokus:** Hal Ehwal Murid (Bimbingan Dan Kaunseling)

### PENGENALAN

Program *Mock Interview* bertujuan untuk memberi pendedahan awal tentang suasana temu duga sebenar kepada murid Tingkatan 5. Setiap murid akan dinilai oleh panel temu duga yang dilantik dalam aspek penampilan diri (pakaian, cara berjalan, gaya duduk, pengenalan diri, keyakinan diri); dokumentasi (*resume*, *fail holder*, susunan dan kekuatan sijil); komunikasi (kemahiran bertutur dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, gaya bercakap, cara berhujah, intonasi suara jelas dan mudah difahami) dan perancangan kerjaya masa depan (cita-cita yang jelas, institusi dan program pengajian yang dipilih, berpengetahuan dan yakin tentang masa depan).

Selain daripada dinilai dalam bentuk temu duga individu, panel juga akan memberi markah mengenai pengetahuan am dan isu semasa ketika temu duga kelompok diadakan. Keupayaan mengupas isu, nilai kepimpinan dan keterampilan diri serta peranan dalam kumpulan perbincangan sama ada aktif atau pasif turut dinilai.

### LATAR BELAKANG SEKOLAH

MRSM ATM Bera di Pahang merupakan MRSM yang menawarkan program pengajian Ulul Albab. Selain daripada itu, MRSM Kota Putra, Terengganu; MRSM Gemencheh, Negeri Sembilan; MRSM Kepala Batas, Pulau Pinang; MRSM Sungai Besar, Selangor; MRSM Semporna, Sabah dan dua di Perak iaitu MRSM Bagan

Datuk dan MRSM Felda Trolak.

MRSM adalah sekolah berasrama penuh di bawah kelolaan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Sebagai salah sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW), sistem pendidikan MRSM ini diwujudkan untuk merealisasikan matlamat MARA dalam melahirkan modal insan yang berdaya saing dan berdaya maju. Sistem pendidikan MRSM digubal dengan berteraskan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) berpaksikan pembinaan karakter para murid supaya mereka menjadi insan cemerlang yang holistik, inovatif dan berintegriti.

Menyelusuri sejarah, MRSM ATM Bera mula dibina pada tahun 2018 dan siap sepenuhnya pada tahun 2020. Seramai 26 guru dan staf telah mula bertugas pada 12 April 2021 untuk menerima kemasukan murid baharu Tingkatan 1 dan 4.

## ISU ATAU CABARAN

### a) Isu yang dikenal pasti dan perlu ditambahbaik

Setiap tahun, MRSM di seluruh Malaysia akan mengadakan Program *Mock Interview* dengan pelbagai kaedah sama ada dengan menggunakan kepakaran dalaman (guru dan ibu bapa murid di MRSM masing-masing) atau menjemput panel luar dalam kalangan professional dan bekas murid MRSM (Ansara). Di MRSM ATM Bera, pada tahun 2023 Program *Mock Interview* ini telah diadakan sebanyak dua kali dengan menggunakan kaedah yang berbeza. Kaedah pertama adalah dengan menggunakan kepakaran ibu bapa murid MRSM ATM Bera yang menganggotai Badan Muafakat MRSM ATM Bera, manakala khidmat Ansara digunakan dalam kaedah kedua.

### b) Analisis Keperluan Projek

Tymon, Harrison dan Batistic (2019) menyatakan bahawa simulasi temu duga adalah suatu bentuk temuramah rasmi untuk murid. Program *Mock Interview* di MRSM merupakan *silibus* bagi Subjek Khas MRSM KPD 411 yang dilaksanakan bagi Tingkatan Lima sebagai keperluan menghadapi temu duga sebenar untuk mendapatkan penajaan, tempat dan program pengajian atau pekerjaan kelak.

## OBJEKTIF PROJEK

- i. Sebagai latihan kepada murid agar membuat persediaan awal keperluan menghadiri temu duga.
- ii. Meningkatkan kemahiran berkomunikasi serta kemahiran berbahasa menggunakan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- iii. Memberi kesedaran mengenai dunia kerjaya masa depan.

## INISIATIF PROJEK

### a. Proses Membina Hubungan dengan Pihak Luar

Program *Mock Interview* dilaksanakan dengan menggunakan panel jemputan luar. Pemilihan para panel adalah berdasarkan kepada kepakaran dalam bidang kerjaya, pengalaman bekerja dan Ansara (alumni). Sebelum surat jemputan rasmi dihantar secara email, hebahan poster dibuat bagi menjemput para panel yang berkelapangan untuk hadir. Tempoh masa bagi mengisi *google form* juga telah ditetapkan agar surat jemputan dapat dikeluarkan serentak bagi memastikan bilangan panel yang dikehendaki adalah mencukupi.

### b. Pelaksanaan Projek/ Aktiviti

Seramai 10 orang panel telah dilantik menjadi panel temu duga bagi Program *Mock Interview* yang diadakan pada 7 Januari 2023 (Sabtu). Mereka merupakan ahli Badan Muafakat MRSM ATM Bera yang terdiri daripada para ibu dan bapa murid yang bekerja. Program *Mock Interview* pada masa ini adalah dikhususkan untuk murid Tingkatan 5 calon SPM 2022. Manakala pada 9 Disember 2023 (Sabtu) pula, Program *Mock Interview* untuk murid Tingkatan 5 calon SPM 2023 juga diadakan yang melibatkan panel dalam kalangan Ansara.

Sebelum sesi temu duga dijalankan, para panel telah diberi taklimat mengenai cara mengisi borang pemarkahan dan cara mengendalikan temu duga. Masa bagi setiap sesi temu duga adalah selama 1 jam bagi setiap kumpulan murid dan murid telah ditemu duga secara individu dan kelompok. Sebagai panduan, contoh-contoh soalan juga diedarkan kepada para panel.

Sepanjang Program *Mock Interview* ini berlangsung, beberapa orang murid Tingkatan 4 yang merupakan Pembimbing Rakan Sebaya juga dipilih sebagai *helpers* bagi membantu kelancaran program di samping sebagai maklumat awal kepada mereka. Pada akhir program, dua orang murid yang memperoleh markah tertinggi telah diberikan hadiah semasa majlis penutup.

## PENCAPAIAN/ KEBERKESANAN / IMPAK PELAKSANAAN PROJEK/ AKTIVITI KEPADA SEKOLAH

**Jadual 1: Maklumbalas daripada 85 orang murid selepas mengikuti Program *Mock Interview* di MRSM ATM Bera.**

Bil.	Item	Ya	Tidak
1.	Saya tahu memilih pakaian untuk menghadiri temu duga.	84	1
2.	Saya tahu aksesori yang boleh digunakan.	83	2
3.	Saya tahu cara duduk di hadapan panel temu duga.	84	1
4.	Saya tahu mengatur langkah dengan betul ketika masuk ke bilik temu duga.	83	2
5.	Saya sedar penampilan imej diri semasa menghadiri temu duga akan dinilai.	85	0
6.	<i>Resume</i> perlu disediakan dalam temu duga.	85	0
7.	Saya tahu menyediakan <i>resume</i> dengan betul.	83	2
8.	Dokumentasi sijil dinilai semasa temu duga.	80	5
9.	Saya tahu menyusun sijil mengikut turutan.	76	9
10.	Saya sedar kepentingan temu duga.	84	1
11.	Saya tahu tatacara menghadapi temu duga.	83	2
12.	Keyakinan diri yang tinggi perlu semasa ditemu duga.	85	0
13.	Saya tahu kesilapan menghadapi temu duga yang perlu dielak.	81	4

14.	Saya faham bagaimana membuat persediaan untuk temu duga.	82	3
15.	Program <i>Mock Interview</i> ini membantu saya untuk menghadiri temu duga sebenar.	85	0

Berdasarkan maklumbalas yang diberikan membuktikan bahawa Program *Mock Interview* yang dianjurkan telah membantu para murid untuk menghadapi temu duga sebenar.

### KEKUATAN PROJEK/ AKTIVITI

Program *Mock Interview* telahpun dianjurkan seawal MRSM dibuka dan masih relevan diadakan hingga kini. Ini kerana dapatan kajian Fazilah, Rozita dan Riska (2020) menunjukkan bahawa tahap persepsi terhadap kurang persiapan dalam menghadiri proses temu duga mencatatkan min skor tertinggi yang menyebabkan berlakunya pengangguaran dalam kalangan siswazah. Sudah pasti segala ilmu dan pengalaman yang telah diperolehi semasa sesi temu duga dalam Program *Mock Interview* dapat diimplementasi oleh murid MRSM apabila menjadi mahasiswa di institusi pendidikan tinggi.

### CABARAN PELAKSANAAN PROJEK/ AKTIVITI

Antara cabaran yang ketara adalah terdapat panel yang terpaksa menarik diri di saat-saat akhir kerana urusan lain yang tidak dapat dielakkan. Dari segi persediaan murid pula, terdapat segelintir murid gagal menyediakan sijil-sijil akademik dan ko-kurikulum walaupun taklimat awal telah diberikan oleh kaunselor. Antara faktor yang dikenal pasti ialah sijil-sijil berkenaan adalah dalam simpanan keluarga kerana murid tinggal di asrama dan jarang pulang.

### KEPIMPINAN PENGETUA/GURU BESAR ATAU KETUA JABATAN

MRSM ATM Bera, yang diterajui oleh Tuan Haji Mohd Nizar bin Idris sebagai Pengetua pertama sejak penubuhannya, telah menunjukkan kepimpinan yang unggul dalam pelbagai inisiatif, termasuk Program Mock Interview. Dalam usaha untuk

menjayakan program ini, Tuan Haji Mohd Nizar telah memberikan sumbangan yang signifikan melalui idea dan tenaga beliau. Beliau turut memanfaatkan jaringan hubungan beliau dengan Ansara MRYT-Dungun, bekas murid beliau yang kini memegang jawatan penting dalam sektor kerajaan dan swasta. Dengan melantik bekas murid ini sebagai panel temu duga, beliau tidak hanya mengukuhkan hubungan antara sekolah dan alumni, tetapi juga memastikan bahawa program temu duga tersebut mendapat pandangan dan bimbingan dari individu yang berpengalaman dan berkemahiran tinggi.

Dalam aspek corak kepimpinan, Tuan Haji Mohd Nizar mengamalkan pendekatan kepimpinan demokratik yang membolehkan penglibatan aktif semua pihak dalam proses membuat keputusan. Beliau mengutamakan persetujuan bersama yang diperoleh melalui mesyuarat dan perbincangan bersemuka. Pendekatan ini mempromosikan suasana kerja yang inklusif dan kolaboratif, di mana setiap individu berpeluang untuk menyuarakan pendapat dan menyumbang kepada perancangan dan pelaksanaan program. Kepimpinan demokratik beliau memastikan bahawa setiap keputusan diambil berdasarkan konsensus, yang bukan sahaja memperkukuhkan semangat kerjasama dalam kalangan warga sekolah tetapi juga meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program-program yang dirancang.

Secara keseluruhan, sumbangan dan pendekatan kepimpinan Tuan Haji Mohd Nizar bin Idris telah memainkan peranan penting dalam kejayaan MRSM ATM Bera, terutamanya dalam melaksanakan program-program yang memberi manfaat kepada murid dan komuniti sekolah secara keseluruhan.

## CADANGAN PENAMBAHBAIKAN UNTUK MASA AKAN DATANG

Bagi mengetahui perbezaan kaedah mana yang terbaik, cadangan penggunaan konsultan dari luar tanpa menjemput para ibu bapa murid atau Ansara juga boleh dilakukan dalam menjayakan Program *Mock Interview* ini. Namun, penting juga untuk memperkasakan beberapa aspek sebelum membuat keputusan akhir:

**Kesesuaian dengan Keperluan Program:** Pastikan bahawa konsultan luar yang dipilih mempunyai pengalaman dan kepakaran yang sesuai dengan keperluan

Program Mock Interview dan objektif yang ingin dicapai.

**Kos dan Logistik:** Menggunakan konsultan luar mungkin memerlukan kos tambahan dan logistik yang berbeza berbanding melibatkan ibu bapa atau Ansara. Perpasukanbangkan belanjawan dan sumber yang ada sebelum membuat keputusan.

**Kepentingan Hubungan dengan Komuniti:** Walaupun konsultan luar dapat menawarkan kelebihan tertentu, melibatkan ibu bapa atau Ansara dalam program juga mempunyai manfaat, seperti memperkukuh hubungan komuniti dan meningkatkan sokongan terhadap murid. Perpasukanbangkan keseimbangan antara manfaat objektif dan hubungan komuniti.

Dengan menilai kedua-dua pendekatan ini, sekolah dapat membuat keputusan yang paling sesuai untuk menjayakan Program Mock Interview, memastikan ia memberi manfaat maksimum kepada murid dalam persediaan mereka untuk dunia pekerjaan.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhan, Program Mock Interview merupakan amalan terbaik yang dapat dilaksanakan di semua sekolah untuk mempersiapkan murid menghadapi cabaran masa depan. Program ini menyediakan peluang berharga bagi murid untuk mengasah kemahiran temu duga mereka, meningkatkan keyakinan diri, dan memahami keperluan serta ekspektasi dunia pekerjaan. Dengan melibatkan latihan yang terancang dan bimbingan yang berstruktur, Program Mock Interview menyokong murid dalam meraih kejayaan yang lebih gemilang di hari muka.

## RUJUKAN

Fazilah Mohd Othman, Rozita Abdul Majid dan Riska Manjamain. (2020). Perspektif mahasiswa terhadap faktor pengangguran siswazah di Malaysia. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*. Dalam Talian 24&25 November 2020. e-ISBN: 978 967 2122 78 4 609.

Tymon, A., Harrison, C., Batistic, S. (2019). Sustainable graduate employability: an evaluation of 'brand me' presentations as a method for developing self-confidence. *Journal Studies in Higher Education*, 45(9), 1821-1833.

LAMPIRAN



Poster Program Mock Interview



Poster Dan Surat Jemputan Kepada Panel Temu duga



**Google Form untuk para panel mengisi maklumat diri**

**Bismillah**  
**Assalamualaikum w.b.t**  
 \*\*\*\*\*

**Program Mock Interview**  
 bertujuan untuk memberi pendedahan awal tatacara temuduga sebenar kepada pelajar Tingkatan 5.

Sehubungan itu, kami dengan berbesar hati ingin menjemput tuan/puan sebagai panel bagi menjayakan program ini.  
<https://forms.office.com/r/DrgiPryxL>

Semoga kerjasama yang terbina dapat menjadikan pelajar MRSM sebagai modal insan disegani.

Terima kasih.

08:55 ✓

SENARAI PANEL PROGRAM MOCK INTERVIEW  
 MRSM ATM BERA TAHUN 2023

1. NAMA PENUH (HURUF BESAR)

2. EMAIL

3. NOMBOR TELEFON

4. ADAKAH ANDA MERUPAKAN SEORANG BEKAS PELAJAR MRSM?

YA

TIDAK

1/2 ✓

5. NYATAKAN NAMA MRSM DAN TAHUN (JIKA JAWAPAN ADALAH 'YA' BAGI SOALAN NOMBOR 4)

6. JAWATANKAN SEKARANG DAN ALAMAT MAJIKAN

This content is neither created nor endorsed by Microsoft. The data you submit will be sent to the form owner.

2/2 ✓



**Murid berpakaian lengkap untuk menghadiri sesi temu duga sempena Program *Mock Interview***



Sesi temu duga sedang berlangsung sempena Program *Mock Interview* pada 7 Januari 2023




Sesi temu duga sedang berlangsung sempena Program *Mock Interview* pada 9 Disember 2023



10. What student study at school is not related to their lives later as adults and is thus a waste of time. What is your view?
11. Government-sponsored students do not return to serve the country/ fulfill their bond upon completing their studies. Suggest ways to stop the loss of these talented professionals.
12. Cases of child abuse in the country have increased this past year. What are the factors contributing to this increase?
13. Volunteerism is lacking amongst teenagers in the country. Suggest ways to promote volunteerism among them.
14. What is your role as an individual to nurture peace within our community?
15. How can you contribute as a student in helping the homeless people?
16. How far do you think community service is important?
17. People shouldn't be judged based on his/ her physical appearance. How far do you agree?

Contoh soalan temu duga

  
**MAKTAB RENDAH SAINS MARA ATM BERA**  
**BORANG PEMARKAHAN PROGRAM MOCK INTERVIEW**

NAMA CALON : \_\_\_\_\_  
 KELAS/HOMEROOM : \_\_\_\_\_  
 PILIHAN KERJAYA : \_\_\_\_\_

**A. PENILAIAN TEMUDUGA INDIVIDU**

BIL	ASPEK PENILAIAN	MARKAH	CATATAN
1	PENAMPILAN DIRI (pemilihan pakaian, cara berjalan, gaya duduk, pengendalian diri, keyakinan diri)	/10	
2	DOKUMENTASI (resume, fail folder, susunan dan kekuatan sijil)	/10	
3	KOMUNIKASI (keupayaan berbahasa BM & B, gaya bercakap, cara berujah, intonasi suara jelas dan mudah difahami)	/20	
4	PERANCANGAN KERJAYA MASA DEPAN (cita-cita yang jelas, institusi dan program pengajian yang dipilih, berpengetahuan dan yakin tentang masa depan)	/20	

**B. PENILAIAN TEMUDUGA KELOMPOK**

1	FUNGSI TARIKHAN AM DAN ISU SEMASA	/10	
2	KEUPAYAAN MENGUPAS ISU	/10	
3	NILAI KEPIMPINAN DAN KETRAMPILAN DIRI	/10	
4	PERANAN DALAM KUMPULAN PERBINCANGAN (aktif/passif)	/10	

MARKAH KESELURUHAN: \_\_\_ / 100

KOMEN PANEL TEMUDUGA:  
 1) KEKUATAN CALON  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

2) ASPEK YANG PERLU DIPERBAIKI  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

TANDATANGAN PANEL TEMUDUGA:  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

NAMA : \_\_\_\_\_  
 JAWATAN : \_\_\_\_\_  
 TARIKH : \_\_\_\_\_

**SKEMA MARKAH**  
 90-100 : Cemerlang  
 70-89 : Baik  
 50-69 : Sederhana

2) ASPEK YANG PERLU DIPERBAIKI  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

TANDATANGAN PANEL TEMUDUGA:  
 \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

NAMA : \_\_\_\_\_  
 JAWATAN : \_\_\_\_\_  
 TARIKH : \_\_\_\_\_

**SKEMA MARKAH**  
 90-100 : Cemerlang  
 70-89 : Baik  
 50-69 : Sederhana

**INDIVIDUAL INTERVIEW QUESTIONS**

Questions related to candidate's background, family, education, courses, career choice and institutions of higher learning.  
 Questions to determine how motivated candidates are in achieving their goals.  
 General knowledge questions or any other questions deemed suitable by the panel of interviewers.  
 Examples:

1. What are your weaknesses and what measures have you taken to improve yourself?
2. Aside from a university degree, what do you hope to gain from your university experience?
3. What are your strengths and how can they help you to succeed in your chosen field?
4. If we were to ask your friends to describe you, what would they say?
5. What makes you stand out from other candidates?
6. What is the most important thing you have learnt in this college/school?
7. What is your favourite subject and what makes you think you can excel in your chosen degree course?
8. Describe a time when you had a challenge in a team situation and how you coped with it.
9. Who is your role model? Why?
10. What is your definition of "success"?
11. What has been your proudest achievement so far?
12. We know that you are a talented student; what motivates you to be a good learner?

**GROUP INTERVIEW QUESTIONS**

1. The social media is driving our generation to appear perfect at any cost. Discuss.
2. What is the most prevailing problem among Malaysians in terms of attitudes? Discuss.
3. Food is a fascination in Malaysia. What would be the best way to develop a healthy eating culture among Malaysians.
4. What would be a major change that you would like to see in our government? Why?
5. Malaysian education system should undergo a paradigm shift in the teaching and learning process. How far do you agree?
6. What would be the best way to curb the spread of fake news in Malaysia?
7. Would you work in a career field that is not related to your university degree? Why?
8. Teenagers need social skills not social networks. How far do you agree?
9. In a world where news can be reported by anyone with a cell phone, how do you decide what is true?

Borang penilaian temu duga



**Puan Siti Roslina Mohammad Zain (tudung bercorak) menyampaikan sijil dan hadiah kepada murid yang memperoleh markah tertinggi (gambar kanan)**



**Encik Mohamad Zikri Remali (kemeja bercorak) menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang panel temu duga yang hadir (gambar bawah)  
*Helpers* bergambar kenangan dengan panel temu duga jemputan**



**Tuan Haji Mohd Nizar Idris, Pengetua MRSM ATM Bera (bersongkok hijau) bersama para panel temu duga jemputan Ansara MRYT-Dungun**

**Barisan panel temu duga Program *Mock Interview***



# BIDANG KOKURIKULUM



## Projek 9

# 1 HARI BERSAMA KELAB PENCEGAHAN JENAYAH

**Izwanna Binti Kamarudin SK Seri Pinang Sungai Petani, Kedah.**

**Salmi Binti Hashim SK Kem Lapangan Terbang**

**Mardiana Binti Abd Rahman SK Merbok (Pusat)**

**Noor Kamalia binti Amauddin SK Sungai Layar**

**Mohamad Satir bin Hamid**

**Penolong Pegawai Pendidikan Daerah PPP Hal Ehwal Murid PPDKMY**

**Bidang Fokus:** Kokurikulum (Kelab Persatuan)

### PENGENALAN PROJEK

Program "**1 Hari Bersama Kelab Pencegahan Jenayah**" (1HBKPJ) adalah salah satu aktiviti yang dilaksanakan kolaborasi bersama antara 12 buah sekolah dalam Daerah Kuala Muda Yan. Objektif program ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada ahli untuk lebih mengenali dan memahami objektif Kelab Pencegahan Jenayah yang diwujudkan di setiap sekolah di Malaysia. Program ini melibatkan pelbagai aktiviti yang telah diatur supaya dapat memberikan impak manfaat kepada penyertaan ahli. Aktiviti yang dilaksanakan selaras dengan kehendak Kementerian Pendidikan Malaysia agar mewujudkan sekolah selamat dan di antara elemennya ialah Kelab Pencegahan Jenayah. Di samping menimba ilmu berkaitan hal pencegahan jenayah, ahli juga dapat memperoleh sijil pencapaian dan penyertaan peringkat daerah yang sekaligus dapat melonjakkan markah Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Kerjasama antara 12 buah sekolah dalam merancang pelaksanaan program dapat menghasilkan pengisian program yang padat dan berkualiti. Kolaborasi turut terjalin dengan pihak swasta dalam penyediaan lokasi yang santai mewujudkan keselesaan kepada peserta mengikuti aktiviti yang disediakan. Tuntasnya, program 1HBKPJ telah membina jaringan dan jalinan yang baik antara 12 buah sekolah dan pihak swasta.

## LATAR BELAKANG PROJEK

Kelab Pencegahan Jenayah ialah kelab yang wajib ditubuhkan di semua sekolah rendah dan menengah kerajaan merujuk Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 5/2006, Kementerian Pelajaran Malaysia. Berbagai program telah dirancang dengan sistematik agar objektif untuk memperkenalkan Kelab Pencegahan Jenayah di peringkat sekolah di samping memberi pendedahan kepada semua warga sekolah tentang langkah pencegahan jenayah dapat dicapai.

Setelah melaksanakan berbagai aktiviti di peringkat sekolah, pihak sekolah ingin membawa KPJ ke peringkat yang lebih tinggi. Justeru, selangkah ke depan telah diambil dengan membawa ahli kelab ke peringkat daerah. Objektif perancangan tersebut untuk memberi pendedahan lebih meluas kepada ahli tentang informasi KPJ di samping menyertai pelbagai aktiviti yang dilaksanakan sekaligus menyumbang markah dalam sistem Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Dengan itu, satu mesyuarat telah dilaksanakan untuk menyelaraskan program 1 Hari Bersama Kelab Pencegahan Jenayah Peringkat Daerah Kuala Muda/ Yan Sesi 2022/2023. Mesyuarat kali pertama telah diadakan di SK Seri Pinang dengan dihadiri oleh Penolong Pegawai Pendidikan Daerah PPP Hal Ehwal Murid, Encik Mohamad Satir bin Hamid bersama 5 buah sekolah sahaja iaitu :

1. SK Seri Pinang
2. SK Kem Lapangan Terbang
3. SK Merbok (Pusat)
4. SK Tasek Apong
5. SK Sungai Layar

Dalam mesyuarat tersebut ahli sebulat suara bersetuju untuk menjemput beberapa buah sekolah lain bagi menyertai program tersebut dengan objektif memperkenalkan KPJ dengan lebih meluas di samping memperoleh sumber dana kewangan dari Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) bagi setiap sekolah yang terlibat agar melancarkan lagi pelaksanaan program tersebut. Program ini disambut baik oleh setiap sekolah yang dijemput dan akhirnya kerjasama diperoleh daripada 12 buah sekolah.

## ISU ATAU CABARAN

### A) Isu yang dikenal pasti dan perlu ditambahbaik

Penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah di sekolah merupakan salah satu inisiatif pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk meningkatkan kesedaran dan kepekaan murid- murid terhadap kemungkinan berlakunya perbuatan jenayah dan cara-cara mencegahnya. Penubuhan kelab ini telah dikuatkuasakan pada 30 Mei 2006 KP (BS-DSR)8787/008/2/Jld. 1 (9). Namun, didapati murid kurang diberi pendedahan tentang kelab tersebut. Malahan tidak banyak aktiviti yang dikelolakan oleh KPJ. Justeru, pihak Sekolah Kebangsaan Seri Pinang telah mengambil pendekatan untuk memperkenalkan dan mengaktifkan peranan Kelab Pencegahan Jenayah kepada murid sekaligus mencapai penetapan objektif penubuhan kelab tersebut. Tambahan pula, inisiatif ini juga dapat meningkatkan markah PAJSK dalam kalangan murid. Usaha yang baik ini disambut oleh 12 buah sekolah sehingga program tersebut dapat dilaksanakan di peringkat daerah.

### B) Analisis Keperluan Projek

Analisa Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) bagi tahun 2020/2021 dalam kategori kelab dan persatuan menunjukkan prestasi murid-murid ialah pada tahap sederhana iaitu sebanyak 54.5%. Hal ini adalah disebabkan penglibatan majoriti aktiviti kelab hanya berkisar pada peringkat sekolah sahaja berbanding unit beruniform dan permainan. Oleh yang demikian, disebabkan KPJ merupakan cabang kelab dan persatuan, pihak sekolah cuba melonjakkan peratus PAJSK murid dengan mengambil inisiatif menjayakan program kelab tersebut pada peringkat daerah. Dengan penglibatan ahli KPJ dan inisiatif melaksanakan program pada peringkat daerah ditambah pula dengan pencapaian yang diperolehi oleh ahli dari pertandingan yang disertai ia sedikit sebanyak dapat menyumbang untuk melonjak PAJSK murid untuk kelab dan persatuan iaitu sebanyak 63.75% pada sesi 2021/2022 dan sebanyak 73% pada sesi 2022/2023.

## OBJEKTIF PROJEK

- a) Memberi peluang kepada murid merasai pengalaman dalam menyertai pengisian aktiviti yang diadakan.
- b) Membentuk murid yang mampu berdikari dan mampu menyesuaikan diri dalam setiap situasi.
- c) Melatih para murid untuk memupuk sikap toleransi, bertanggungjawab dan menghargai diri dan persekitaran sekeliling.
- d) Meningkatkan keberanian dan keyakinan diri semasa menyertai aktiviti yang disediakan.
- e) Memupuk semangat kerjasama dan perpaduan antara sesama ahli.
- f) Melahirkan murid yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan sosial.

## INISIATIF PROJEK

### a. Proses Membina Hubungan dengan Pihak Luar

- Projek ini telah melibatkan kolaborasi antara 12 buah sekolah di dalam daerah Kuala Muda Yan.

Sekolah terlibat ialah:


1. SK Seri Pinang
2. SK Merbok (Pusat)
3. SK Kem Lapangan Terbang
4. SK Tasek Apong
5. SK Sungai Layar
6. SK Haji Omar Tahir
7. SK Tuan Syed Jan Al Jaffri
8. SK Singkir
9. SK Khir Johari
10. SK Batu Hampar
11. SK Bandar Laguna Merbok
12. SK Kampung Pasir

- Program ini telah berjaya membina jaringan kerjasama dan sokongan bersama :

1. Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Muda / Yan
2. Majlis Perbandaran Sungai Petani
3. Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda
4. Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Kuala Muda
5. Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Daerah Kuala Muda

## PELAKSANAAN PROJEK/ AKTIVITI

Program 1HBKPJ telah dirancang dan dilaksanakan dengan jayanya mengikut prosedur yang betul serta mendapat kelulusan daripada pihak Unit Hal Ehwal Murid dan Unit Pembangunan Bakat Murid Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Muda / Yan. Proses pelaksanaan program 1HBKPJ adalah seperti carta alir di bawah:



Rajah 1: Carta Alir pelaksanaan program 1HBKPJ

**Jadual 1: Tempoh pelaksanaan Program 1HBKPJ**

Tarikh	Tindakan
Julai	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Persediaan Kertas Kerja</li> <li>• Mohon kelulusan Unit Hal Ehwal Murid PPD KMY</li> <li>• Mesyuarat Penyelarasan Program ( 5 buah sekolah)</li> </ul>
Ogos	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mesyuarat Penyelarasan Program (12 buah sekolah)</li> <li>• Mohon kelulusan Unit Pembangunan Bakat Murid PPD KMY</li> </ul>
22 Ogos	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program 1 Hari Bersama Kelab Pencegahan Jenayah dilaksanakan</li> </ul>
14 Sept	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tayangan Rakaman Program 1HBKPJ</li> </ul>
16 Sept	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Hantar laporan ke PPD KMY</li> </ul>

**Jadual 2: Aktiviti yang dirancang untuk pengisian Program 1HBKPJ.**

Bil.	Aktiviti
1.	Pertandingan Mewarna
2.	Penjurian Pertandingan Mewarna dan Buku Skrap
3.	Pameran daripada agensi : <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Ibu Pejabat Polis Kuala Muda Yan</li> <li>b) Anti Dadah Kebangsaan Daerah Kuala Muda</li> <li>c) Jabatan Pertahanan Awam Malaysia</li> </ol>
4.	Pameran Buku <ul style="list-style-type: none"> <li>- daripada 12 buah sekolah yang terlibat</li> </ul>
5.	Ceramah
6.	Majlis Penyampaian Hadiah
7.	Tayangan Rakaman Program

## IMPAK PELAKSANAAN

- Bilangan ahli Kelab Pencegahan Jenayah terlibat dalam program di peringkat daerah telah bertambah dengan adanya siaran *youtube live*. Secara tidak langsung meningkatkan markah dalam PAJSK.
- Kolaborasi antara 12 buah sekolah dapat menambahkan lagi ilmu pengetahuan tentang Kelab Pencegahan Jenayah.
- Program 1 Hari Bersama Kelab Pencegahan Jenayah ini telah meningkatkan kemenjadian murid di mana bilangan penyertaan dan penglibatan murid di peringkat daerah telah meningkat
- Pengetahuan murid berkaitan KPJ bertambah dengan menyertai pertandingan-pertandingan yang diadakan.

## PENCAPAIAN PROJEK

Keputusan Pertandingan Mewarna dan Pertandingan Buku Skrap KPJ.

Jadual 3: Keputusan Pertandingan Mewarna Logo KPJ - Kategori A (Alatan - Pensel Warna)

Kedudukan	Nama Murid	Sekolah
Johan	Auni Maisarah binti Fakhrol Fadhli	SK Seri Pinang
Naib Johan	Nur Atiqah Yamini binti Abdul Halim	SK Kampong Pasir
Ketiga	Nur Alya Batrisya binti Mat Sukri	SK Sungai Layar
Keempat	Lina Khalida binti Badri	SK Batu Hampar
Kelima	Muhammad Ammar Haziq bin Mohd. Roslan	SK Seri Pinang

**Jadual 4: Keputusan Pertandingan Mewarna Logo KPJ - Kategori B (Alatan -Warna Air)**

Kedudukan	Nama Murid	Sekolah
Johan	Nurin Atikah binti Hisham See	SK Bandar Laguna Merbok
Naib Johan	Aida Qistina binti Harun	SK Tuan Syed Jan Al- Jaffri
Ketiga	Nurin Ainin Sofiya binti Mohd Rafiee	SK Tuan Syed Jan Al- Jaffri
Keempat	Muhammam Ariff Humaidi bin Hasmadi	SK Khir Johari
Kelima	Nur Aireen Damia binti Azahar	SK Tasek Apong

**Jadual 5: Keputusan Pertandingan Mewarna Logo KPJ - Kategori C ( Alatan - Krayon )**

Kedudukan	Nama Murid	Sekolah
Johan	Nur Qisya Qairina binti Muhammad Ali	SK Tuan Syed Jan Al- Jaffri
Naib Johan	Ain Mardhiah binti Ashraf	SK Bandar Laguna Merbok
Ketiga	Qistina Adriana Amsyar binti Khairun Nizam	SK Seri Pinang
Keempat	Nur Balqis Batrisya binti Yusoli	SK Tuan Syed Jan Al- Jaffri
Kelima	Nurul Najiha binti Ani Sobri	SK Kampong Pasir

**Jadual 6: Keputusan Pertandingan Buku Skrap KPJ**

Kedudukan	Nama Murid	Sekolah
Johan	Muhammad Ariff Humaidi bin Hasmad	SK Khir Johari
Naib Johan	Nur Mursyifak binti Narzri	SK Merbok Pusat
Ketiga	Delisha Nur Qaireen binti Mohd Nizad	SK Kampong Pasir
Keempat	Nik Ahmad Farish binti Firdaus	SK Tasek Apong
Kelima	Qashiqa Sofea binti Fadilee	SK Sungai Layar

## KEKUATAN PROJEK

- 1HBKPJ tidak mungkin terlaksana dengan jayanya tanpa sokongan dan tunjuk ajar daripada Penolong Pegawai Pendidikan Daerah PPP Hal Ehwal Murid, Encik Mohamad Satir bin Hamid dan para guru dari 12 buah sekolah yang sentiasa memberi sokongan dan kerjasama yang jitu dalam melaksanakan program yang dirancang.
- Setiap program yang dilaksanakan pastinya memerlukan sumber kewangan.

Justeru, program ini telah mendapat sumbangan daripada PIBG 12 buah sekolah dan dari Datuk Annuar bin Ahmad iaitu Pegawai Tugas-Tugas Khas Pasukanbalan Menteri Komunikasi dan Mulpasukanedia serta Kudrat Kasih Enterprise.

- Kepakaran dan pengalaman yang dimiliki oleh wakil 12 buah sekolah yang kebanyakan terdiri daripada pihak pentadbir antara penyumbang kejayaan program tersebut.

## CABARAN PELAKSANAAN PROJEK/ AKTIVITI

- Sekolah penganjur bertanggungjawab dalam memastikan semua urusan pentadbiran seperti surat-menyurat, memohon kelulusan dari PPD, mengurus kewangan, mengurus jemputan dari pihak pameran, sijil, dokumentasi, tayangan rakaman, mengelola majlis dan pelbagai lagi bagi memastikan program berjalan dengan lancar. Justeru, komitmen yang mantap dan sokongan yang berterusan dari warga sekolah, wakil guru sekolah yang terlibat, PPD amat diperlukan untuk menjayakan 1HBKPJ di masa akan datang.
- Tayangan secara langsung Program 1HBKPJ tidak dapat dilaksanakan kerana kekangan internet di pusat program dan alternatif yang dipilih adalah dengan menayangkan rakaman pelaksanaan program usai selesai majlis.
- Kepekaan kemudahan yang lengkap perlu diatur dengan lebih teliti agar kelancaran program dapat ditingkatkan secara oppasukanum pada masa kelak.

## KEPIMPINAN PENDIDIKAN

Manfaat yang diperoleh murid daripada aktiviti yang dilaksanakan ini adalah sangat berharga. Bukan sahaja mereka dapat menimba ilmu pengetahuan, tetapi mereka juga berpeluang memupuk nilai-nilai murni yang penting dalam pembentukan sahsiah diri. Objektif utama yang ingin dicapai melalui program ini bukan sekadar untuk memberi pengetahuan, tetapi juga untuk melahirkan pemimpin masa depan. Dalam hal ini, sifat kepimpinan yang berkualiti bagi seorang Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid (PK HEM) di sekolah perlu diperhatikan dengan teliti. Peranan PK HEM yang berkesan bukan sahaja terletak pada kemahiran pengurusan, tetapi juga pada keupayaan mereka untuk menjadi teladan yang baik kepada murid-murid dan guru-guru lain.

Sifat kepimpinan ini harus berjalan dengan lancar dan konsisten, memastikan setiap murid mendapat bimbingan yang secukupnya dalam perjalanan mereka menuju kecemerlangan. Guru Penolong Kanan Hal Ehwal Murid di sekolah tidak hanya menjadi pengurus, tetapi juga seorang pemimpin yang menjadi contoh teladan kepada semua. Kejayaan program ini dan keberkesanan kepimpinan PK HEM adalah bukti bahawa usaha yang berterusan dan komitmen yang kukuh mampu menghasilkan generasi muda yang cemerlang, bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam pembentukan sahsiah diri dan kepimpinan. Pendedahan yang lebih mendalam kepada murid untuk mengenali dan mengetahui fungsi dan objektif kelab, murid juga dapat menjalin ikatan silaturahim serta mengembangkan bakat menerusi pertandingan yang diadakan.

## CADANGAN PENAMBAHBAIKAN UNTUK MASA AKAN DATANG

Diharapkan pada masa hadapan, program-program seperti ini dapat diperluaskan ke peringkat yang lebih tinggi, memberikan peluang kepada lebih banyak sekolah di seluruh Malaysia untuk terlibat. Langkah ke hadapan dalam projek ini melibatkan beberapa strategi utama yang boleh diambil untuk mencapai matlamat tersebut dan memastikan keberkesanan program.

Pertama, perluasan skop pertandingan dan aktiviti adalah penting. Dengan

membuka peluang kepada lebih banyak sekolah, kita dapat memastikan lebih ramai murid berpeluang untuk mengambil bahagian. Ini boleh dilakukan dengan mengadakan pertandingan di peringkat daerah, negeri, dan kebangsaan, serta melibatkan pelbagai kategori aktiviti yang mencerminkan kepelbagaian bakat dan minat murid. Misalnya, pertandingan berkaitan dengan Kelab Pencegahan Jenayah boleh meliputi aspek penyelidikan, pembuatan video, dan kempen kesedaran.

Kedua, mempelbagaikan jenis aktiviti yang dianjurkan akan memperkayakan pengalaman murid. Aktiviti-aktiviti ini boleh merangkumi bengkel, seminar, dan projek berasaskan komuniti yang melibatkan murid dalam usaha mencegah jenayah dan membangunkan kemahiran berkaitan keselamatan. Melibatkan pakar-pakar dari pelbagai bidang dalam aktiviti ini juga akan memberikan perspektif yang lebih luas dan mendalam kepada murid.

Ketiga, memanfaatkan teknologi digital untuk memperluas capaian program. Mewujudkan platform dalam talian untuk penyertaan dalam aktiviti dan pertandingan, serta menyediakan sumber pendidikan dan latihan digital, dapat memastikan murid dari kawasan yang kurang mendapat akses juga berpeluang untuk terlibat. Aplikasi mudah alih dan portal dalam talian boleh digunakan untuk menguruskan pendaftaran, penyampaian maklumat, dan penilaian hasil pertandingan.

Keempat, membina kerjasama dengan pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, organisasi bukan kerajaan, dan sektor swasta akan membantu dalam penyediaan sumber dan sokongan tambahan. Dengan kerjasama ini, program boleh mendapat lebih banyak sokongan dari segi kewangan, bahan bantuan, dan tenaga pakar, yang akan memperkukuhkan pelaksanaan program di seluruh negara.

Akhir sekali, menjalankan penilaian dan maklum balas secara berkala adalah penting untuk menilai keberkesanan program dan mengenal pasti kawasan yang memerlukan penambahbaikan. Mengumpulkan maklum balas daripada peserta, pendidik, dan komuniti akan membolehkan penyesuaian dan peningkatan program secara berterusan.

Dengan melaksanakan langkah-langkah ini, Kelab Pencegahan Jenayah dapat berkembang dengan pesat, memberikan manfaat yang lebih besar kepada murid, dan menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih selamat dan prihatin di Malaysia.

## KESIMPULAN

**"1 Hari Bersama Kelab Pencegahan Jenayah" 1HBKPJ** yang dianjurkan oleh SK Seri Pinang pada 22 Ogos 2022 memberi kesan yang sangat positif kepada murid-murid dari aspek pengalaman dan peningkatan markah PAJSK mereka. Penglibatan daripada 12 buah sekolah juga telah mendapat pengalaman yang sangat berharga sebagai pihak yang menjadi tulang belakang dalam menjayakan program di peringkat daerah. Kesepakatan dan satu hati telah membina ukhuwah yang kuat antara 12 buah sekolah tersebut. Tambahan pula wakil daripada 12 buah sekolah terdiri daripada pihak pentadbir di sekolah masing-masing yang mempunyai latar belakang pengalaman dalam bidang kokurikulum banyak memberi sumbang saran sehingga program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Begitu juga dengan kepercayaan yang tidak berbelah bahagi dari Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Muda /Yan yang memberi sokongan dan tunjuk ajar kepada SK Seri Pinang dalam menganjurkan 1HBKPJ peringkat daerah. Diikuti dengan sikap keterbukaan pihak swasta yang ingin memberi kerjasama mengadakan pameran sepanjang program berlangsung telah mewujudkan jalinan yang erat dengan pihak penganjur. Sesungguhnya 1HBKPJ ini adalah hasil sokongan dan komitmen dari semua pihak yang terlibat. SK Seri Pinang telah membina hubungan baik dengan pelbagai pihak sepanjang menganjurkan **Program 1 Hari Bersama Kelab Pencegahan Jenayah Peringkat Daerah Kuala Muda Yan Sesi 2022/2023**.

## LAMPIRAN



Sijil Program

### PERTANDINGAN MEWARNA KATEGORI A



### PERTANDINGAN MEWARNA KATEGORI B



### PERTANDINGAN MEWARNA KATEGORI C



Nama Aktiviti : Pertandingan Buku Skrap  
 Jumlah Peserta :60 orang

- Peserta menyiapkan buku skrap di sekolah dan membawa ke pusat pertandingan untuk diadil dan dipamerkan. Hadiah kepada pemenang akan diberi semasa majlis penutup program.

KELAB PENCEGAHAN JENAYAH			
SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN BUKU SKRAP			
BIL	PERKARA	KETERANGAN	MARKAH
1	Pendaftaran	Penyertaan terbuka kepada ahli KPJ tahun 4,5 dan 6.	
2	Tajuk	Aktiviti yang boleh dilakukan untuk mencegah jenayah	
3	Tugasan	Dalam bentuk buku skrap	
4	Bilangan Helaian	Maksimum 17 muka surat tidak termasuk ' cover '	
		Helaian (m/s 1) - logo KPJ (berwarna)	10
		Helaian (m/s 2) - nama/kelas (biodata diri)	10
		<b>Helaian (m/s 3,4,5) - karangan umum / khusus</b>	
		a) cerita	
		b) ucapan/syarahan	
		c) dialog	
		d) fakta	10
		<b>Helaian (m/s 6 hingga m/s 11) - Gambar Aktiviti Cegah Jenayah</b>	
		poster/kempen/lukisan dan sebagainya	10
		<b>Helaian (m/s 12 hingga m/s 17) - Mengisi Lapang dengan aktiviti bermanfaat</b>	
		gambar /karangan	10
5	Tarikh Akhir	Hantar kepada guru penasihat kelab masing-masing selewatnya <b>20 Ogos 2022</b> .	
6	Hadiah	Buku skrap terbaik (Johan, Naib Johan dan Tempat Ketiga) akan diberi hadiah di Dewan Auditorium Galeri Paya Bakau MPSPK (Jeti Semeling).	



Nama Aktiviti : Ceramah Pencegahan Jenayah  
Penceramah : SM Noor Azlan Bin Hashim (Wakil IPD KMY)  
Jumlah Peserta :120 orang

- Peserta mendengar ceramah pencegahan jenayah yang disampaikan oleh wakil IPD KMY SM Noor Azlan bin Hashim.



Nama : Pameran  
Aktiviti : Ibu Pejabat Polis KMY, Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan  
Agensi Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.  
Pameran :120 orang

- Peserta melihat pameran daripada ketiga-tiga agensi tersebut dan pameran buku skrap daripada 12 buah sekolah berkaitan pencegahan jenayah.



Nama Aktiviti : Majlis Penutupan Program 1 Hari Bersama Kelab Pencegahan Jenayah Peringkat Daerah Kuala Muda / Yan sesi 2022//2023

Tetamu Khas : Encik Yusof bin Ismail

(Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah PPP Pembangunan Murid)

Encik Mohd Amin bin Ali

(Pegawai Tadbir, Jabatan Pembangunan Masyarakat)

Dalam majlis ini, hadiah dan sijil disampaikan kepada para peserta yang berjaya dalam setiap pertandingan yang diadakan.



Nama Aktiviti : Penyertaan Menonton Rakaman Ceramah Program 1 hari Bersama Kelab Pencegahan Jenayah Peringkat Daerah Kuala Muda / Yan sesi 2022//2023 Tarikh: 14 September 2022

Penyertaan: 12 buah sekolah

Ahli Kelab Pencegahan Jenayah daripada 12 buah sekolah yang terlibat menonton tayangan rakaman program yang dilaksanakan pada 22 Ogos 2022.



## Agensi yang terlibat dalam pameran Program 1 Hari Bersama

AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN DAERAH KUALA MUDA



IBU PEJABAT POLIS DAERAH KUALA MUDA / YAN



JABATAN PERTAHANAN AWAM

## Projek 10

# MEMERHATI BURUNG SEBAGAI AKTIVITI PENDIDIKAN LUAR DI PUSAT KOKURIKULUM NEGERI TERENGGANU

**Hashimi Bin Ismail,  
Penolong Pengarah,  
Unit Pusat Kokurikulum,  
Sektor Pembangunan Murid,  
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu**

Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu,  
Jalan Paya Besar,  
21700 Kuala Berang,  
Terengganu

**Bidang Fokus:** Kokurikulum (Kelab Persatuan)

### PENGENALAN PROJEK

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian biologi yang tinggi dengan terdapatnya pelbagai spesies flora dan fauna. Dilimpahi dengan pelbagai ekosistem, daripada perairan marin hinggalah ke kawasan pergunungan dengan kepelbagaian biologinya yang tersendiri, Malaysia telah tergolong sebagai sebuah daripada negara megadiversiti dunia.

Menurut Dasar Kepelbagaian Biologi Negara 2016-2025, Malaysia mempunyai sejumlah 15, 000 spesies tumbuhan, 306 spesies mamalia, 742 spesies burung, 242 spesies amfibia, 567 spesies reptilia, lebih 449 spesies ikan air tawar, lebih 500 spesies ikan marin dan lebih 150,000 spesies haiwan invertebrata. Walau bagaimanapun, status terkini bilangan burung di Malaysia adalah melebihi 800 spesies.

Mengenalni spesies-spesies flora dan fauna ini sejak dari usia awal kanak-kanak adalah sangat memberi manfaat kepada manusia. Sehubungan dengan itu, tidak hairanlah di dalam pelbagai silibus mata pelajaran yang diajar di sekolah, murid-murid sentiasa dideaaadahkan dengan pelbagai jenis hidupan yang terdapat di dunia ini sama

ada melalui pembelajaran di dalam kelas atau pun melalui pendidikan luar bilik darjah, termasuklah juga melalui gerak kerja kokurikulum.

Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu yang merupakan salah satu daripada institusi latihan awam terutamanya dalam bidang Pendidikan Luar, tidak terkecuali daripada menjalankan aktiviti memperkenalkan kepelbagaian spesies flora dan fauna kepada para peserta yang menjalankan aktiviti perkhemahan atau kursus di pusat kokurikulum ini. Aktiviti mengenali spesies flora dan fauna merupakan topik di dalam kurikulum teras bagi sesebuah Pusat Kokurikulum Negeri di bawah bidang Pendidikan Alam Sekitar.

Pelaporan ini akan membincangkan mengenai aktiviti memerhati burung yang merupakan satu daripada aktiviti yang dijalankan di Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu.

## **LATAR BELAKANG PUSAT KOKURIKULUM NEGERI TERENGGANU**

Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu, yang pada masa ini diletakkan di bawah Sektor Pembangunan Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu terletak di Kuala Berang, Terengganu kira-kira 40 km dari bandar Kuala Terengganu. Berkeluasan seluas 1 juta meter persegi, pusat kokurikulum ini dikelilingi oleh hutan bukit, hutan tanah pamah, kebun kelapa sawit dan mempunyai beberapa tanah bencah dalam bentuk kolam dan parit semulajadi. Habitat yang pelbagai ini menampung pelbagai spesies flora dan fauna, termasuklah pelbagai spesies burung, beberapa spesies mamalia seperti lotong, kera, ungka tangan putih, memerang, babi hutan serta serangga dan beberapa jenis haiwan amfibia dan reptilia.

## ISU ATAU CABARAN

### **a) Isu yang dikenal pasti dan perlu ditambahbaik**

Semua orang mengetahui bahawa burung adalah sejenis haiwan tetapi tidak semua orang tahu nama sebenar spesies burung-burung tersebut. Oleh yang demikian, adalah satu cabaran bagi pusat kokurikulum dalam membantu murid-murid dan peserta yang berprogram di pusat ini untuk mengenali spesies-spesies burung yang ada. Ini ditambah lagi dengan bukan semua jurulatih yang terlibat dengan pendidikan luar mengenali spesies-spesies burung tersebut dan jika ada, mereka hanya mengetahuinya dengan nama panggilan mengikut nama tempatan (lokaliti) Terengganu. Oleh yang demikian, adalah penting untuk memperkenalkan spesies-spesies burung tersebut dengan nama tempatan (bahasa buku), nama Inggeris dan nama saintifik agar lebih mudah untuk semua yang terlibat membuat rujukan di internet sekiranya perlu.

### **b) Analisis Keperluan Projek**

Sebagai memenuhi keperluan silibus mengenali flora dan fauna yang terdapat dalam buku kurikulum Pusat Kokurikulum, maka inisiatif untuk menghasilkan inventori senarai spesies burung yang terdapat di kawasan pusat kokurikulum ini berdasarkan pengalaman dan minat terhadap kerja-kerja mengenali spesies burung di Malaysia telah dibuat oleh penulis pelaporan ini.

Projek ini juga sebagai menyahut cabaran yang dilontarkan kepada penulis oleh mantan Pengarah Pendidikan Negeri Terengganu, Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu, Y.Brs. Tuan Haji Shafruddin bin Ali Husin, yang ketika ini menjawat jawatan selaku Pasukanbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia yang mana beliau telah meminta untuk penulis membuat sesuatu dengan ilmu mengenali spesies burung yang ada pada diri penulis.

## OBJEKTIF PROJEK

Projek ini berobjektifkan untuk :

1. Memperkenalkan kepada pelanggan pusat kokurikulum negeri Terengganu memenuhi keperluan silibus pendidikan alam sekitar yang perlu dilaksanakan; kepelbagaian spesies burung yang ada di pusat kokurikulum negeri Terengganu;
2. Menambahkan lagi pengetahuan sedia ada penulis bagi memudahkan perkongsian maklumat berkenaan burung.
3. Memberi pendedahan kepada peserta berkenaan kaedah menggunakan peralatan dan etika memerhati burung yang betul.

## INISIATIF PROJEK

### **a. Proses Membina Hubungan dengan Pihak Luar**

Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu sering menerima tempahan bagi melaksanakan program perkhemahan, kursus semangat kerja berpasukan atau lain-lain aktiviti pendidikan luar. Situasi ini memerlukan pelaksanaan aktiviti yang bersesuaian untuk peserta yang menjadi pelanggan pusat kokurikulum negeri Terengganu.

Pelanggan pusat kokurikulum negeri Terengganu adalah pelbagai yang terdiri daripada sekolah, pejabat pendidikan daerah, jabatan pendidikan negeri, bahagian-bahagian Kementerian Pendidikan Malaysia, agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan. Sebagai contoh, pihak luar yang menjalankan aktiviti di sini adalah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Yayasan DiRaja Sultan Mizan (YDSM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Kesihatan Malaysia (JKM).

Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu juga merupakan agensi yang menjadi pengurus kepada Kelab Pencinta Alam yang terdapat di sekolah-sekolah Terengganu.

Pentadbiran utama Kelab Pencinta Alam adalah di Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Hubungan dengan pihak pertubuhan bukan kerajaan berkaitan alam sekitar ini banyak memberi dorongan dan sokongan kepada pihak Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu di dalam menjayakan aktiviti pendidikan alam sekitar di sini, termasuklah untuk aktiviti memerhati burung.

Penulis yang juga merupakan Koordinator Pendidikan Negeri Terengganu, Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) sentiasa berhubung dengan pakar-pakar burung dari seluruh Malaysia termasuklah dengan penulis buku 'Burung-burung di Negeri Terengganu', Encik Anuar Mc Afee dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UNiSZA) dan pakar-pakar dari Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) terutamanya di dalam bantuan mengenalpasti spesies burung yang ada di kawasan ini.

#### **b. Pelaksanaan Projek/ Aktiviti**

Aktiviti memerhati burung merupakan satu aktiviti yang kian berkembang pesat di Malaysia. Aktiviti ini boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja, di mana-mana sahaja dan boleh dijalankan secara teori atau pun secara amali. Secara asasnya, aktiviti memerhati burung di Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu ini turut melibatkan kedua-dua pendekatan ini.

Pemerhatian burung secara teori adalah di mana para peserta dideaadaakan dengan kepelbagaian burung melalui pendekatan ceramah yang berdurasi selama satu hingga satu jam tiga puluh minit oleh fasilitator atau jurulatih bagi sesuatu program yang dijalankan. Melalui sesi ceramah ini, para peserta dideaadaakan dengan pengenalan kepada burung, peralatan-peralatan memerhati burung dan contoh gambar-gambar burung yang boleh dilihat di habitat liar. Peserta juga diberikan makluman berkaitan undang-undang dan agensi penguatkuasaan berkenaan konservasi burung di Malaysia. Kaedah seterusnya adalah permainan alam sekitar berasaskan gambar burung yang mana para peserta program diminta menyelesaikan susunan jigsaw jenis-jenis burung yang dijalankan secara berkumpulan. Kebiasaannya, aktiviti ini dijalankan sewaktu waktu senggang ketika para peserta menunggu giliran atau selepas menjalankan aktiviti memanjat tembok tiruan. Aktiviti serampang tiga mata ini adalah bertujuan untuk

mbolehkan peserta mengetahui kepelbagaian spesies burung, mengelakkan kebosanan ketika menunggu giliran dan juga untuk membolehkan peserta berinteraksi dan bekerjasama dengan peserta yang lain.

## PENCAPAIAN/ KEBERKESANAN / IMPAK PELAKSANAAN PROJEK/ AKTIVITI KEPADA INSTITUSI

Aktiviti memerhati burung ini telah membolehkan satu draf inventori kepelbagaian spesies burung yang terdapat di Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu dihasilkan. Draf inventori ini dikemaskini dari semasa ke semasa bermula daripada penghujung tahun 2019.

Selain daripada pelaksanaan aktiviti memerhati burung di lapangan, beberapa siri pembentangan secara atas talian juga telah dijalankan. Sebagai contoh, slot perkongsian ilmu oleh penulis melalui medium *YouTube* telah dijalankan seperti mana berikut :

Tarikh	Aktiviti
24.08.2021	“Sembang Santai Bersama PusKoNT #4” Segmen Khabar dari PusKont : Fauna PusKoNT (Aves) <a href="https://www.youtube.com/watch?v=-VJ0d_9wJkQ&amp;t=798s">https://www.youtube.com/watch?v=-VJ0d_9wJkQ&amp;t=798s</a>
29.09.2021	“Program Khas Pendidikan Luar SR Negeri Terengganu 2021” Biodiversiti Burung Enggang Negeri Terengganu <a href="https://www.youtube.com/watch?v=ps-B88bP-Lw">https://www.youtube.com/watch?v=ps-B88bP-Lw</a>
26.9.2023	Virtual Green Nature Camp SR dan SM Peringkat Kebangsaan Tahun 2023 Segmen ‘Kepelbagaian Burung di Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu’

Perkongsian berkenaan aktiviti memerhati burung secara teori juga telah dijalankan oleh penulis sama ada di dalam premis pusat kokurikulum negeri Terengganu mahupun di luar premis seperti mana berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>Aktiviti</b>
15.04.2017	Program Eksplorasi Alam Tasik Kenyir PERSIS IPG Kampus Dato' Razali Ismail Tahun 2017 Ceramah : "Teori Memerhati Burung"
11.05.2017	Perkhemahan Pasukan Badan Beruniform Sekolah Rendah Daerah Hulu Terengganu Tahun 2017 Ceramah : "Sesi Pengenalan Kepada Aktiviti Memerhati Burung"
09.11.2022	Perkhemahan Unit Badan Beruniform Murid PISMP Siri 2/2022 IPG Kampus Sultan Mizan Ceramah : "Memerhati Burung : aktiviti kokurikulum yang boleh dilakukan di sekolah"
15.11.2022	Kem Kepimpinan Pemimpin Muda SK Kampung Bukit Chendering Ceramah : "Aktiviti Memerhati Burung sebagai aktiviti kokurikulum di sekolah"

Pameran gambar fotografi burung yang diambil sendiri oleh penulis juga telah dijalankan di beberapa lokasi, sebagai contoh:

<b>Tarikh</b>	<b>Aktiviti</b>
17-22.03.2018	Program Warna-warni Cuti Sekolah Muzium Negeri Terengganu  Pameran Fotografi Flora dan Fauna
19-21.04.2018	Ekspo Pembangunan Hulu Terengganu 2018  Pameran Art is Therapy
29.09.2022	Hari Koperasi dan Keusahawanan, SMK Padang Midin 2022  Pameran Fotografi Biodiversiti
06.07.2023	Program Cabaran Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum SM Peringkat Negeri Terengganu 2023  Pameran Fotografi Biodiversiti
20.08.2023	Perhimpunan Bulanan Ke-8 JPN Terengganu 2023  Pameran Fotografi Biodiversiti Avifauna

Burung merupakan satu daripada jenis hidupan liar yang mudah untuk dilihat dan diperhatikan dengan mata kasar. Boleh dikatakan setiap premis pendidikan sama ada sekolah, kolej, universiti atau pusat kokurikulum mempunyai pelbagai jenis burung untuk diperhatikan dan boleh dijadikan sumber pembelajaran. Pelbagai konsep boleh dipelajari yang antara lainnya adalah:

- Jenis burung karnivor, herbivor atau omnivor berdasarkan tabiat pemakanan burung,
- menghuraikan sesuatu spesies burung melalui kepelbagaian bahagian-bahagian burung, struktur dan ciri-ciri yang spesifik,
- kitaran hidup pelbagai jenis burung,
- keperluan asas burung untuk hidup dan kebolehan untuk burung menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran,
- jenis nutrisi yang betul bagi semua burung
- burung sebagai bahagian yang penting dalam kitaran makanan
- kepelbagaian biologi atau biodiversiti, perbezaan atau persamaan antara spesies dan dalam spesies yang sama

Adalah diharapkan dengan adanya pelbagai kaedah dalam menyampaikan maklumat berkaitan burung yang terdapat di Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu ini dapat menambahkan lagi ilmu kepada para pelanggan pusat ini.

### KEKUATAN PROJEK/ AKTIVITI

Projek ini mendapat sokongan sepenuhnya daripada pihak atasan Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu untuk dilaksanakan. Selain itu, penulis sentiasa berusaha mendapatkan ilmu-ilmu tambahan berkaitan aktiviti memerhati burung melalui penglibatan aktif bersama pakar-pakar burung di seluruh Semenanjung Malaysia.

## CABARAN PELAKSANAAN PROJEK/ AKTIVITI

Pelaksanaan aktiviti bergantung kepada ruang waktu yang ada memandangkan tiadanya waktu khas yang diperuntukkan untuk aktiviti ini dijalankan. Selain itu, faktor cuaca juga memainkan peranan penting yang mana aktiviti amali memerhati burung tidak dapat dijalankan sewaktu musim tengkujuh iaitu sekitar bulan November hingga Februari berikutan cuaca mendung atau hujan lebat serta banjir terutamanya di laluan masuk ke Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu.

Selain itu, peralatan memerhati burung iaitu bilangan serta kualiti teropong yang ada juga menjadi cabaran kepada pelaksanaan aktiviti memerhati burung di lapangan memandangkan teropong yang berkualiti baik adalah perlu bagi menjayakan sesuatu aktiviti memerhati burung.

## KEPIMPINAN KETUA JABATAN

Gaya kepimpinan yang diterapkan oleh Ketua Penolong Pengarah, Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu adalah gaya kepimpinan demokratik yang memperkuatkan keterlibatan dan kerjasama di antara anggota pasukan. Dalam gaya kepimpinan ini, pemimpin berupaya untuk mempengaruhi anggota bawahannya dengan cara melibatkan mereka dalam proses pengambilan keputusan dan memberikan ruang bagi mereka untuk menyumbangkan idea dan pendapat mereka. Pemimpin berperanan sebagai fasilitator dan penggerak, menggalakkan partisipasi aktif dari setiap individu untuk mencapai matlamat projek secara kolektif.

Kelebihan gaya kepimpinan demokratik adalah dapat meningkatkan motivasi dan keterlibatan anggota pasukan, serta menggalakkan inovasi dan kreativiti. Menurut Ahli Psikologi Organisasi, Dr. Ken Blanchard, "Kepimpinan demokratik memberikan kesempatan kepada individu untuk merasa dihargai dan diiktiraf, yang dapat meningkatkan kepuasan kerja dan prestasi keseluruhan." (Blanchard, 2010). Dengan memberikan ruang kepada anggota pasukan untuk berperanan serta secara aktif, kepimpinan demokratik membantu memperkukuhkan hubungan positif antara pemimpin dan bawahan serta memperluas keupayaan pasukan untuk mencapai kecemerlangan.

Dr. Peter Northouse, seorang pakar dalam bidang kepimpinan, menyatakan bahawa "Gaya kepimpinan demokratik memungkinkan pengambilan keputusan yang lebih teliti dan berfokus pada kepentingan bersama, sambil memperhitungkan pelbagai sudut pandang." (Northouse, 2016). Dengan melibatkan anggota pasukan dalam proses pengambilan keputusan, pemimpin dapat memastikan bahawa keputusan yang dibuat adalah hasil daripada pertimbangan kolektif yang menyeluruh.

Secara kesimpulannya, gaya kepimpinan demokratik yang diamalkan oleh Ketua Penolong Pengarah, Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu telah membawa manfaat yang signifikan kepada kejayaan projek-projek yang dijalankan. Dengan memperhatikan pendapat dan kontribusi setiap individu, kepimpinan demokratik memperkukuhkan keharmonian dalam pasukan dan memberikan dorongan positif kepada pencapaian matlamat projek secara efektif.

## **CADANGAN PENAMBAHBAIKAN UNTUK MASA AKAN DATANG**

Adalah diharapkan agar pada masa hadapan, peralatan aktiviti memerhati burung yang mencukupi dan lebih berkualiti dapat disediakan bagi membolehkan pelaksanaan aktiviti memerhati burung dapat dijalankan dengan lebih efisien.

Untuk meningkatkan keberkesanan aktiviti memerhati burung di Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu, beberapa penambahbaikan perlu dilaksanakan. Pertama sekali, adalah penting untuk memperbaharui dan menambah bilangan peralatan yang digunakan. Ini termasuk pengadaan teropong dengan spesifikasi optik yang tinggi untuk memudahkan pemerhatian burung dari jarak jauh dengan jelas, serta peralatan tambahan seperti kamera dengan lensa zoom dan alat rakaman untuk merekodkan visual dan suara burung. Penyelenggaraan berkala pada peralatan juga harus dilakukan untuk memastikan ia sentiasa dalam keadaan baik dan berfungsi dengan optimum.

Selain itu, pengembangan inventori spesies burung yang terdapat di kawasan tersebut perlu dilakukan secara berterusan. Mengadakan penyelidikan lapangan secara berkala serta menggunakan teknologi seperti aplikasi telefon pintar untuk

pengecaman spesies adalah langkah-langkah yang boleh membantu memastikan inventori sentiasa terkini. Kerjasama lebih lanjut dengan pakar burung tempatan dan nasional juga boleh memperluas pengetahuan mengenai spesies burung. Di samping itu, penerbitan buku bergambar mengenai spesies burung, yang boleh dicetak dan/atau disediakan dalam format digital, akan menjadi sumber tambahan yang berguna. Selain daripada draf inventori senarai burung, adalah diharapkan agar pada suatu masa nanti, penulis dapat menghasilkan buku bergambar sama ada secara bercetak atau secara buku elektronik sebagai satu cara tambahan penyerbarluasan maklumat berkenaan spesies burung di Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu kepada pelanggan dan orang awam.

Dalam aspek pendidikan dan latihan, pengadaaan program latihan berkala untuk jurulatih dan fasilitator mengenai teknik dan etika memerhati burung serta penggunaan peralatan yang betul adalah penting. Sesi ceramah dan bengkel tentang konservasi burung, biodiversiti, serta teknik memerhati burung perlu diperkenalkan untuk meningkatkan pemahaman dan kemahiran peserta. Aktiviti interaktif seperti simulasi dan permainan berasaskan burung juga boleh meningkatkan keterlibatan peserta.

Akhir sekali, peningkatan akses kepada maklumat mengenai burung dan aktiviti memerhati burung perlu diberi perhatian. Mewujudkan laman web atau portal dalam talian khusus untuk inventori burung dan sumber pendidikan akan memudahkan akses maklumat. Selain itu, penghasilan dan pagedaran bahan pendidikan seperti brosur, poster, dan panduan lapangan juga akan menyokong penyebaran maklumat mengenai spesies burung dan teknik memerhati burung.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan cadangan penambahbaikan ini diharapkan akan meningkatkan keberkesanan dan pencapaian projek memerhati burung di Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu. Ini akan memperkukuhkan peranan pusat tersebut dalam pendidikan alam sekitar dan konservasi burung, serta memberikan pengalaman yang lebih bermakna kepada peserta dan masyarakat umum.


## KESIMPULAN

Sesungguhnya penulis mendapati bahawa aktiviti memerhati burung sangat sesuai dijalankan bukan sahaja di Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu tetapi juga di setiap sekolah dan di mana-mana sahaja. Aktiviti ini dapat dijadikan sebagai satu aktiviti kokurikulum yang bermanfaat sebagai satu daripada cara untuk menikmati keindahan ciptaan Tuhan. Aktiviti memerhati burung di Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu selaras dengan teras pendidikan Malaysia yang menekankan pembelajaran holistik, pengembangan kemahiran hidup, dan pemeliharaan alam sekitar.

Pendekatan holistik dalam pendidikan Malaysia bertujuan untuk membentuk individu yang seimbang dari segi akademik, fizikal, sosial, dan emosi. Aktiviti memerhati burung menyokong pembelajaran holistik dengan memberikan pengalaman langsung mengenai biodiversiti dan ekosistem, membantu peserta memahami interaksi antara spesies serta peranan burung dalam kitaran makanan. Ini selaras dengan matlamat Dasar Pendidikan Alam Sekitar Malaysia yang mengutamakan kesedaran dan tanggungjawab terhadap alam sekitar. Selain itu, aktiviti ini juga menyumbang kepada pengembangan kemahiran hidup yang penting, seperti penggunaan peralatan pemerhatian dan teknik memerhati burung yang melibatkan kemahiran berfikir kritis dan analitis.

Kemahiran berpasukan dan komunikasi yang diperoleh melalui permainan dan ceramah turut menyokong pembelajaran kemahiran hidup. Aktiviti ini juga memberi fokus kepada pemeliharaan alam sekitar dan konservasi biodiversiti, sejalan dengan dasar pendidikan yang menekankan perlunya tindakan konservasi sebagai sebahagian daripada kurikulum. Integrasi teknologi, seperti penggunaan aplikasi telefon pintar untuk pengesanan spesies dan penerbitan bahan pendidikan digital, mencerminkan teras pendidikan Malaysia yang mempromosikan penggunaan teknologi dalam pembelajaran yang menyokong dan memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna dan menyumbang kepada pembentukan individu yang peka terhadap alam sekitar dan kompeten dalam pelbagai aspek kehidupan.

LAMPIRAN



Gambar : Bahan edaran kursus pemerhatian burung yang disertai penulis



Gambar : Sesi latihan amali pemerhatian burung di Bukit Fraser



Gambar : Penulis bersama koleksi gambar yang dipamerkan di Muzium Negeri Terengganu



Gambar: Penulis bersama Pengasas Bersama Turtle Conservation Society, Dr. Pelf Nyok di Pameran Art is Therapy



**Gambar : Penulis bersama koleksi gambar biodiversiti yang dipamerkan di Pusat Kokurikulum Negeri Terengganu**



**Gambar : Penulis bersama barisan kepimpinan tertinggi Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu sempena pameran di Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu**



**Gambar : Ceramah "Memerhati Burung : aktiviti kokurikulum yang boleh dilakukan di sekolah" untuk mahasiswa IPG Kampus Dato' Razali Ismail**



Setinggi-tinggi Tahniah di atas pengiktirafan yang diterima.



# Setinggi - tinggi *Tahniah*

**HASHIMI BIN ISMAIL**  
Alumni Bachelor Sains (Sains Samudera), 1997

atas kemenangan  
**ANUGERAH IKON ALUMNI  
SUKARELAWAN**

sempena  
**MAJLIS ANUGERAH IKON ALUMNI UMT 2023  
(MAIKA '23)**

**PENCAPAIAN**

- Anugerah Pendidik (Pendidikan Mesra Alam), Anugerah Konservasi Alam Peringkat Kebangsaan Kali Pertama, 2023
- Penglibatan dalam International Otter Survival Fund & Malaysia Otter Network, Kuala Selangor Nature Park (KSNP), 2022
- Juri Malaysia, Festival Film Sains (SFF), Goethe Institut Kuala Lumpur / Goethe Institut Bangkok bagi tahun 2024, 2023, 2022 & 2016






Pusat Alumni UMT  
Alumni UMT Official

Ikhlas Daripada : Pengarah & Warga Kerja Pusat Alumni

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

TERBUKA SELUAS LUTAN DEMI KELESTARIAN SEJAGAT

## *Sekalung Budi Seindah Kenangan*



# Penerbitan Lepas



## KOMPILASI AMALAN TERBAIK

PENGURUSAN PERHUBUNGAN LUAR

Bilangan 1 Tahun 2019

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan Dalam  
Penerbitan ISBN 978-967-  
0504-79-7

Penerbitan *eBook*

Pertama 2019

[iab.moe.edu.my](http://iab.moe.edu.my)



## KOMPILASI AMALAN TERBAIK

PENGURUSAN PERHUBUNGAN LUAR

Bilangan 2 Tahun 2019

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan Dalam Penerbitan  
ISBN 978-967-0504-79-7

Penerbitan *eBook* Kedua 2019

[iab.moe.edu.my](http://iab.moe.edu.my)



# KOMPILASI AMALAN TERBAIK KEPIMPINAN PENDIDIKAN

Bilangan 1 Tahun 2021

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan Dalam Penerbitan

ISBN 978-967-0504-79-7

Penerbitan *eBook* pertama 2021

[iab.moe.edu.my](http://iab.moe.edu.my)

Boleh *download* dari laman portal [iab.moe.edu.my](http://iab.moe.edu.my)

# KOMPILASI AMALAN TERBAIK

KEPIMPINAN PENGURUSAN PENDIDIKAN

KOMPILASI AMALAN TERBAIK: KEPIMPINAN PENGURUSAN PENDIDIKAN

ISBN 978-967-13573-8-5



LAB CAWANGAN UTARA  
(1st floor)

## Tulang buku :

**KOMPILASI AMALAN TERBAIK  
KEPIMPINAN PENGURUSAN PENDIDIKAN**

**2024**